

Bil. 3

**Rabu
22 Disember 1999**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEPULUH
PENGGAL PERTAMA
MESYUARAT PERTAMA**

KANDUNGAN

Mengangkat Sumpah	(Ruangan 1)
Mengalu-alukan Ahli Baru	(Ruangan 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1999) (No.2)1999

Jawatankuasa -

Jadual -

Maksud B.18	(Ruangan 1)
Maksud B.19	(Ruangan 4)
Maksud B.20	(Ruangan 14)
Maksud B.22	(Ruangan 34)
Maksud B.29 dan 31	(Ruangan 46)
Maksud B.51	(Ruangan 57)
Maksud B.52	(Ruangan 77)
Rang Undang-undang Cukai Pendapatan (Pindaan) (No.2) 1999	(Ruangan 91)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tun Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

“ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Ling Liong Sik, S.P.M.P., D.G.S.M., D.P.M.P. D.P.M.S. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N, D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Kewangan, Tun Dato' Daim Zainuddin, S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)

“ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie anak Irok, D.A., P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.S., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan)

“ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

“ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)

“ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna , Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.I.S., B.S.I., S.M.J., P.S.M., S.P.M.J. (Pagoh)

“ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.I.M.P, S.M.J, P.I.S (Bakri)

“ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato' Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman, D.S.A.P., D.I.M.P. (Paya Besar)

“ Menteri Penerangan, Tan Sri Dato' Seri Mohd. Khalil bin Yaakob, P.S.M., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P. (Kuantan)

“ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)

Yang Berhormat	Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
“	Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Ong Ka Ting, D.P.M.P. (Pontian)
“	Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
“	Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
“	Menteri Belia dan Sukan, Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein, D.S.A.P., D.P.M.J. (Tenggara)
“	Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok (Kinabalu)
“	Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Rais bin Yatim, D.S.N.S. (Jelebu)
“	Menteri Pertanian, Datuk Effendi bin Norwawi (Kuala Rajang)
“	Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
“	Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
“	Timbalan Menteri Penerangan Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
“	Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah)
“	Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed D.P.M.S. (Titiwangsa)
“	Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K. (Miri)
“	Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
“	Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
“	Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.P.M.J., D.S.N.S., S.M.J. (Segamat)
“	Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
“	Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Douglas Uggah Embas, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S., A.M.N. (Betong)
“	Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
“	Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Chor Chee Heung, D.S.D.K., A.M.N., J.P. (Alor Setar)

Yang Berhormat	Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
“	Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
“	Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor)
“	Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
“	Timbalan Menteri Pengangkutan, Tan Sri Ramli bin Ngah Talib, P.C.M., S.P.C.M., A.M.N., J.P. (Pasir Salak)
“	Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor)
“	Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Zainal bin Dahalan, P.J.K., K.M.N., J.S.M., D.P.M.S. (Sabak Bernam)
“	Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai)
“	Mulia Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato' Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut)
“	Timbalan Menteri Kerja Raya, Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
“	Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Anifah Aman (Beaufort)
“	Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
“	Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading)
“	Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Dr. Ng Yen Yen (Raub)
“	Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing)
“	Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., S.D.K., B.C.K., K.M.N., P.J.K. (Langkawi)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin, D.G.S.M., D.M.S.M., A.M.N. (Jasin)
“	Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Puan Hajah Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Gerik)
“	Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Haji Noh bin Haji Omar, K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang)

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng, K.M.N. (Stampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan S.R. Anpalagan (Telok Kemang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Robia binti Dato' Kosai (Muar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P., A.M.N. (Tapah)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan, Tuan Rizalman bin Abdullah, J.P. (Tenom)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim, P.B.S., P.P.B., (Santubong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani)
- “ Tuan A. Bakar bin Haji Othman (Jerlun)
- “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron, S.M.K. (Rantau Panjang)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Batu Berendam)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tan Sri Dato Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Kangar)
- “ Dato' Haji Abdul Kadir bin Annuar, S.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Pulai)
- “ Tuan Abd. Rahman bin Yusof (Kemaman)
- “ Tan Sri Datuk Patinggi Abdul Taib Mahmud, S.P.M.J., S.P.M.T., S.S.S.A, S.S.A.P., S.S.D.K., P.S.M., S.P.M.B., D.G.S.M., P.K.C, D.P. (Kota Samarahan)
- “ Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop, B.K.T., J.P., D.M.S.M., K.M.N., D.C.S.M. (Alor Gajah)

Yang Berhormat	Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
“	Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datoh)
“	Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut)
“	Tuan Alexander Nanta Linggi, A.B.S. (Kapit)
“	Tuan Alwi bin Jusoh (Pasir Puteh)
“	Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
“	Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
“	Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
“	Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang)
“	Tuan Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
“	Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak, P.J.K. (Setiu)
“	Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara)
“	Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
“	Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
“	Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor, D.S.D.K. (Pendang)
“	Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
“	Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
“	Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
“	Tuan Goh Kheng Huat (Nibong Tebal)
“	Dato Goh Siow Huat (Rasah)
“	Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali, D.I.M.P., S.M.S. (Parit Buntar)
“	Tuan Hassan bin Mohamed (Besut)
“	Tuan Henry Sum Agong, A.K. (Bukit Mas)
“	Dato' Hew See Tong, D.P.M.P., J.P. (Kampar)
“	Tuan Ho Cheong Sing, P.M.P., A.M.N. (Ipoh Barat)
“	Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
“	Tuan Husam bin Haji Musa (Kubang Kerian)
“	Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas)
“	Tuan Jacob Dungau Sagan, J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Baram)
“	Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, D.I.M.P., (Rompin)
“	Dr. James Dawos Mamit, P.P.B., P.P.S. (Mambong)
“	Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu)
“	Tuan Jimmy Lim Donald (Sri Aman)

Yang Berhormat	Tuan Joseph Mauh anak Ikeh (Selangau)
“	Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
“	Tuan Joseph Salang Anak Gandum (Julau)
“	Tuan Juslie bin Ajirol (Libaran)
“	Dato' Kamarudin bin Jaffar, B.C.M, D.S.N.S. (Tumpat)
“	Tuan Kerk Kim Hock (Kota Melaka)
“	Tan Sri Dato Dr. K.S. Nijhar, P.S.M., S.P.M.J., J.M.N. (Subang)
“	Tuan Kong Cho Ha (Lumut)
“	Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K., K.M.N., P.G.D.K. (Sandakan)
“	Tuan Lee Kah Choon (Jelutong)
“	Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Padang Serai)
“	Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
“	Tuan Liow Tiong Lai, S.M.P. (Bentong)
“	Dato' Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
“	Tuan Mah Siew Keong (Teluk Intan)
“	Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar (Pokok Sena)
“	Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Arau)
“	Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat (Parit)
“	Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
“	Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz, P.N.J., S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Sri Gading)
“	Tuan Mohamad bin Sabu (Kuala Kedah)
“	Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud (Kuala Krai)
“	Tuan Mohamed Sayuti bin Said, P.P.T., P.J.K., P.P.N. (Kuala Selangor)
“	Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan, P.J.N., S.M.J., K.M.N., P.I.S., A.M.N., P.P.N. (Tebrau)
“	Tuan Mohd. Amar bin Abdullah (Pengkalan Chepa)
“	Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad (Jeli)
“	Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said Keruak, P.G.D.K. (Kota Belud)
“	Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh)
“	Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor, P.P.N., J.M.N. (Machang)
“	Dato' Mohd. Zain bin Omar, D.S.P.N., K.M.N., P.J.K, P.J.M., (Balik Pulau)
“	Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Shah Alam)

Yang Berhormat	Tuan Moktar bin Radin, A.D.K., A.S.D.K. (Kinabatangan)
“	Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin (Kuala Nerus)
“	Tuan Muhamad bin Mustafa (Peringat)
“	Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid (Hulu Terengganu)
“	Tuan Mustafa bin Ali (Dungun)
“	Datuk Napsiah binti Omar (Kuala Pilah)
“	Tuan Nasharudin bin Mat Isa (Yan)
“	Tuan Ng Lip Yong (Batu)
“	Datuk Osu bin Sukam, S.P.D.K., P.G.D.K., D.A. (Papar)
“	Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.P.B., P.P.C., K.M.N., P.N.B.S., J.B.S., A.M.N., P.B.S. (Saratok)
“	Tuan Philip Benedict Lasimbang, A.S.D.K. (Penampang)
“	Puan P. Komala Devi, P.P.T. (Kapar)
“	Datuk Railey bin Haji Jeffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
“	Tuan Ramli bin Ibrahim (Kota Bharu)
“	Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
“	Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian)
“	Tuan Robert Lau Hoi Chew, J.B.S., (Sibu)
“	Tuan Ronald Kiandee, A.S.D.K. (Beluran)
“	Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad, D.M.S.M., P.I.S. (Parit Sulong)
“	Tuan Saupi bin Daud (Tanah Merah)
“	Puan Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
“	Dato' Shahnnon bin Ahmad, D.S.D.K., K.M.N. (Sik)
“	Tuan Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin)
“	Tuan Shim Paw Fatt, J.P. (Tawau)
“	Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin, K.M.N., P.I.S. (Batu Pahat)
“	Datuk Song Swee Guan, P.G.B.S. (Bandar Kuching)
“	Dato' Suhaili bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.S.D.K. (Labuan)
“	Puan Sukinam Domo (Batang Sadong)
“	Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
“	Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi (Kuala Terengganu)
“	Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)
“	Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
“	Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)

Yang Berhormat	Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
“	Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
“	Tuan Thong Fah Chong (Ipoh Timur)
“	Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
“	Dato' Tiong King Sing, D.S.S.A., J.P. (Bintulu)
“	Dato' Tiong Thai King, (Lanang)
“	Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (Permatang Pauh)
“	Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, J.B.S., P.B.S. (Batang Lupar)
“	Tuan Wan Nik bin Wan Yussof (Bachok)
“	Tuan Wilfred Madius Tangau, J.P., A.D.K. (Tuaran)
“	Dato' Yap Pian Hon, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
“	Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
“	Datuk Yong Teck Lee, P.G.D.K., P.J.N. (Gaya)
“	Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
“	Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)
“	Tuan Zawawi bin Haji Ahmad (Padang Terap)
“	Dato' Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Wangsa Maju)

MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)

“	Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Paduka Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.H.M.S., S.I.M.P., D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T
“	Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.
“	Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Pandikar Amin Haji Mulia
“	Menteri Pendidikan, Tan Sri Dato' Musa bin Mohamad, P.S.M., D.P.M.N., D.P.C.M. (Senator)
“	Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat
Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan

Ketua Penolong Setiausaha
Zamani bin Haji Sulaiman
Haji Mustakin bin Selamat
Shahrom bin Haji Hasan

Penolong Setiausaha
Haji Mustafa bin Abdul Rahman
Ruhana binti Abdullah
Riduan bin Rahmat

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
Mejar (B) Zakaria bin Salleh
Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN DOKUMENTASI

Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan
Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop
Mohd Saleh bin Mohd. Yusop
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Shamsina binti Janor
Ramlah binti Mohd. Yusuff
Jamilah Intan binti Haji Bohari
Khairul Azila binti Haji Khairuddin
Nurziana binti Ismail
Noor Effarizan binti Mat Satib
Taharah binti Mohamed
Nik Elyana binti Ahyat
Kasih binti Sulaiman (Tribunal Perkhidmatan Awam)
Mashitah binti Kamaruddin (Tribunal Perkhidmatan Awam)
Abu Bakar bin Hasan
Alias bin Md. Nor

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN MESIN CETAK

Kamal bin Oyub
Haji Latif bin Ismail
Kamaroddin bin Mohd. Yusof

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
Rabu, 22 Disember 1999
Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi
DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

MENGANGKAT SUMPAH

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah sebagai Ahli Dewan Rakyat:

- Y.B. Datuk Dr. Leo Michael Toyad (Mukah)

MENGALU-ALUKAN AHLI-AHLI BARU

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan selamat datang dan tahniah kepada Ahli Yang Berhormat yang baru mengangkat Sumpah sebentar tadi. Saya berharap semoga Ahli Yang Berhormat yang baru dipilih itu dapat memberikan sumbangan beliau yang berguna dan berfaedah kepada Dewan ini dan kepada negara seterusnya, dan semoga mereka dapat berkhidmat dengan cemerlang.

RANG UNDANG-UNDANG

**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN
TAMBAHAN (1999) (NO.2) 1999**

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1999) (No.2) 1999 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis." [Hari Kedua]

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Maksud B.18 [Jadual] -

Tuan Pengerusi: Ada sambungan atau tidak berkenaan dengan Kementerian Perusahaan Utama. Ya, sila sambung.

10.05 pagi.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama [Datuk Anifah Aman]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya mohon izin untuk menyambung menjawab bagi pihak Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama yang tidak dapat hadir pada hari ini oleh kerana beliau sedang menghadiri mesyuarat Jemaah Menteri sekarang.

Seperti yang dijelaskan semalam Skim Penstabilan Harga Minyak Masak di pasaran tempatan adalah bertujuan untuk menjamin bekalan minyak masak kepada pengguna tempatan pada harga kawalan yang ditetapkan dan telah beroperasi dari 16

Disember 1997 hingga 31 Mei 1999. Jumlah kos yang terlibat untuk membayar subsidi di bawah skim ini adalah sebanyak RM500.3 juta, manakala ses yang dapat dikutip untuk membiayai skim ini ialah sebanyak RM450 juta dan ini menyebabkan skim mengalami defisit sebanyak RM50.3 juta yang mana perlu ditampung melalui sumbangan kerajaan yang dipohon peruntukan tambahan yang sedang dibentang sekarang ini.

Sukacita saya maklumkan di Dewan ini bahawa kutipan ses untuk membiayai skim dibuat atas pihak industri minyak sawit, khususnya pengeluar-pengeluar yang mana hampir 50% daripadanya terdiri daripada pekebun-pekebun kecil termasuk peneroka-peneroka tanah rancangan FELDA dan skim-skim kerajaan negeri yang lain. Ini merupakan satu pengorbanan dan satu sumbangan yang besar oleh pihak industri dalam usaha untuk menstabilkan harga pengguna. Di sini kementerian saya ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada pihak industri terhadap sumbangan tersebut.

Kutipan ses yang berjumlah RM450 juta itu merupakan kira-kira 90% daripada kos yang terlibat dalam pelaksanaan skim, manakala sumbangan kerajaan sebanyak RM50.3 juta merupakan 10% daripada kos yang terlibat. Sumbangan kerajaan ini adalah kecil sahaja berbanding dengan sumbangan yang dibuat kepada skim yang sama pada tahun 1995 sebanyak 75%, manakala pihak industri pula hanya menyumbang sebanyak 25% sahaja.

Seperti yang saya jelaskan tadi tujuan skim adalah untuk menjamin bekalan minyak masak dalam bungkusan bersaiz 500 gm., 1 kg., 2 kg., 5 kg. dan 17 kg. ini dapat dipasarkan dalam harga mengikut subsidi. Dalam pelaksanaan skim ini keenam-enam saiz bungkusan ini layak menikmati subsidi, tiada sekatan ke atas penjualan saiz-saiz bungkusan ini. Apa yang dihadkan oleh pihak kerajaan ialah jumlah keseluruhan minyak masak tersebut kepada 35,000 metrik tan sebulan bermula 1 September 1998.

Dr. Tan Seng Giaw: [Bangun]

Tuan Pengerusi: Ada yang bangun, Yang Berhormat.

Datuk Anifah Aman: Saya hendak selesaikan dahulu Tuan Pengerusi.

Dr. Tan Seng Giaw: Selesai tak mengapa Tuan Pengerusi.

Datuk Anifah Aman: Tujuan pengenalan kuota ini adalah memastikan bahawa penjualan minyak masak serta kos subsidi berada dalam keadaan terkawal. Ini memandangkan terdapat penyalahgunaan skim di mana minyak masak subsidi sepatutnya digunakan oleh isirumah, *household consumption*, dengan izin, telah juga digunakan oleh industri makanan dan industri membuat makanan...

Dr. Tan Seng Giaw: [Bangun]

Datuk Anifah Aman: Minta maaf, saya tidak beri jalan.....yang menyebabkan peningkatan dalam jualan minyak masak dan jangka kos untuk mensubsidikannya.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat bagi Kepong dan Bagan telah membangkitkan masalah penyeludupan minyak masak subsidi ke negara-negara jiran. Jualan minyak masak yang diberi subsidi di bawah skim ini dalam kestabilan harga adalah terhad kepada pasaran tempatan sahaja. Walau bagaimanapun, harga minyak masak di bawah skim yang jauh lebih murah berbanding dengan harga di negara jiran telah menyebabkan penyeludupan minyak masak subsidi ke negara-negara tersebut. Memandangkan hantaran minyak masak di bawah skim ke negara jiran adalah bercanggah dengan objektif skim ini, maka langkah-langkah berikut telah diambil untuk menangani masalah tersebut walaupun kita sedar kegiatan penyeludupan itu sukar untuk dikawal seratus peratus.

Mulai 1 Oktober 1998 Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah menarik balik kebenaran warganegara asing yang datang ke Malaysia membawa keluar minyak masak sebanyak 2 kg. seorang. Minyak masak subsidi dimestikan label untuk jualan dalam Malaysia sahaja bagi memudahkan kerja-kerja penguatkuasaan oleh Jabatan Kastam dan Eksais Diraja. PORLA sebagai agensi pelaksana Skim Penstabilan Harga ini telah menghadkan jumlah jualan minyak sawit oleh kilang-kilang penapis kepada peniaga minyak dan palm oil traders, dengan izin, dan tidak membenarkan syarikat pembungkus atau repackers, dengan izin, mengeksport minyak yang menerima subsidi di bawah skim. Juga menghadkan jumlah belian yang boleh dibeli oleh syarikat-syarikat pembungkus bagi menentukan tiada lebih untuk dieksport dan menyiasat dan menyemak secara terperinci ke atas jualan oleh kilang penapis kepada syarikat-syarikat yang disyaki yang berada di kawasan sempadan.

Terdapat juga cadangan supaya.....

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Hendak beri jalan atau tidak, Yang Berhormat?

Datuk Anifah Aman: Izinkan saya habiskan dahulu.

Tuan Pengerusi: Adakah Yang Berhormat langsung tidak mahu beri jalan.

Datuk Anifah Aman: Tidak. Oleh kerana Yang Berhormat bagi Kepong telah pun menyoal menteri semalam dan saya berpendapat bahawa....

Tuan Pengerusi: Jawap soalan saya, adakah Yang Berhormat tidak mahu beri?

Datuk Anifah Aman: Tidak mahu beri.

Tuan Pengerusi: Tidak mahu beri ya. Langsung tidak mahu beri.

Datuk Anifah Aman: Langsung tidak mahu beri pada hari ini, Tuan Pengerusi, oleh kerana saya hendak selesaikan masalah pada hari ini.

Tuan Pengerusi: Haraplah Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain jangan bangun.

Datuk Anifah Aman: Tak payah bangunlah yang lain. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Terdapat cadangan supaya kedai-kedai bebas cukai yang berada di kawasan sempadan menjual minyak masak kepada pelawat-pelawat luar negeri sebagai satu usaha untuk mengelak penyeludupan keluar minyak masak yang disubsidikan. Perkara ini telah dibincang dalam Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan pengusaha-pengusaha kedai bebas cukai berkenaan tidak begitu menghendaki untuk menjalankan usaha ini. Walau bagaimanapun, mereka tidak bersedia dan harga yang dikawal dan juga dalam bungkusan baru adalah jauh berbeza kalau dibandingkan dengan harga yang disubsidikan.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Kepong juga telah bertanya kedudukan Jawatankuasa Teknikal dan bagi minyak masak.....

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Ya, Kepong bangun Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Peraturan Mesyuarat 67(1). Tuan Pengerusi, panjang mengenai 67(1). Saya cuma hendak petikkan.

Tuan Pengerusi: Nombor berapa, Yang Berhormat?

Dr. Tan Seng Giaw: 67(1). Saya ringkaskanlah berapa jumlah belanja yang dibenarkan, berapa jumlah tambahan, beberapa belanja, berapa jumlah peruntukan tambahan diminta bagi kepala itu, saya nampak ada setengah-setengah itu tidak disentuh, tidak dijawab. Saya cuma hendak tolong dia sahaja, saya tidak mahu usik dia. Saya cuma hendak tanya secara gentleman kerana dia pertama kali.

Datuk Anifah Aman: [Bangun]

Dr. Tan Seng Giaw: Oh, duduk dahulu. Saya hendak tanya jika kita tidak membatalkan berat bungkusan 17 kg. ini maka....

Tuan Pengerusi: Bagi saya selesaikan berkenaan point of order dahulu. [Ketawa] Biarlah saya selesaikan dahulu, Yang Berhormat. Pada fikiran saya 67(1) itu tidak bersangkutan. [Ketawa] Sila teruskan.

Datuk Anifah Aman: Tuan Pengerusi, saya kenal bahawa Yang Berhormat bagi Kepong ini bukan sahaja hendak mengacau Menteri saya tetapi juga Timbalan Menteri yang baru. Walau bagaimanapun, Yang Berhormat juga telah bertanya kedudukan jawatankuasa teknikal yang memantau minyak masak. Di sini suka saya jelaskan bahawa semasa skim beroperasi jawatankuasa tersebut telah pun berfungsi untuk memantau pengagihan minyak masak ke kawasan-kawasan yang mungkin mengalami masalah bekalan dan juga memastikan tindakan yang perlu bagi menghalang penyeludupan minyak masak yang disubsidikan ke negara jiran.

Dengan penamatan skim pada 1 Jun 1999 jawatankuasa ini juga turut dibubarkan. Walau bagaimanapun, pemantauan harga dan bekalan minyak masak diteruskan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan kerajaan bersedia untuk melaksanakan semula skim ini sekiranya perlu.

Tuan Pengerusi, sekian sahaja jawapan yang saya ada pada hari ini dan saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat bagi Kepong dan Ahli Yang Berhormat bagi Bagan yang telah pun mengambil bahagian dalam membahaskan peruntukan tambahan Kementerian Perusahaan Utama. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM50,300,000 untuk Maksud B.18 di bawah Kementerian Perusahaan Utama jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah dipersetujukan.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM50,300,000 untuk Maksud B.18 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Maksud B.19 [Jadual] –

Tuan Pengerusi: Kepala Bekalan B.19 di bawah Kementerian Pertanian terbuka untuk dibahas. Nibong Tebal.

10.16 pagi.

Tuan Goh Kheng Huat [Nibong Tebal]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Berkenaan Maksud B.19 saya ingin bertanya kepada Menteri Pertanian. Dalam operasi JE berapa ekor babikah telah dimusnahkan di negeri Pulau Pinang dan berapa jumlah perbelanjaannya. Mengenai peruntukan tambahan sebanyak RM9 juta berapakah peruntukan yang diberikan kepada negeri Pulau Pinang.

Tuan Pengerusi, seperti kita sedia maklum operasi pemusnahan babi telah menyebabkan kebanyakan penternak babi mengalami bankrupsi dan menderita sehingga

kini. Oleh itu, adakah Kerajaan Barisan Nasional mempunyai perancangan komprehensif untuk memulihkan sektor penternakan babi.

Tuan Pengerusi, pada pengetahuan saya terdapat penternak-penternak babi yang terlibat dalam operasi JE telah mengemukakan permohonan untuk menjalankan semula aktiviti penternakan babi. Walau bagaimanapun, kerajaan sehingga kini masih tidak meluluskan permohonan mereka. Apakah sebabnya? Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Batu Gajah.

10.18 pagi.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Bagi Maksud B.19 tambahan sebanyak RM9 juta adalah dikehendaki untuk membiayai bayaran balik daripada kerajaan-kerajaan negeri, iaitu Perak, Negeri Sembilan, Selangor dan Pulau Pinang. Bagi kerja-kerja pemusnahan babi di negeri-negeri tersebut dalam operasi mencegah wabak Japanese Encephalitis (JE) atau virus Nipah atau wabak yang lain. Saya ingin kementerian tersebut memberi penjelasan. Tambahan pula apakah langkah mencegah penggunaan jumlah wang yang begitu banyak untuk operasi mencegah wabak JE tersebut daripada berulangnya. Adalah dilaporkan bahawa pada tahun 1974 telah ada kes JE dengan dua maut di dalam 10 yang dilaporkan dan 9 nyawa telah diragut oleh wabak JE ini dalam 29 kes yang dilaporkan sejak tahun 1974 sebelum 150 nyawa diragut oleh wabak JE atau virus Nipah baru-baru ini.

Jadi, dalam isu ini bukanlah bahawa wang rakyat adalah penting, tidak dibazirkan tetapi juga tenaga rakyat dan yang pentingnya adalah nyawa rakyat. Jadi, saya pohon penjelasan dari kementerian berkenaan.

10.21 pagi.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob [Sipitang]: Tuan Pengerusi, bagi Maksud B.19 – Kementerian Pertanian, peruntukan sebanyak RM9 juta. Saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Pertanian, apakah wang RM9 juta kerana dalam maksud yang diterangkan ialah bayaran balik bagi kerja-kerja pemusnahan sama ada ia proses pemusnahan babi ataupun ganti rugi kepada penternak-penternak babi ini. Belajar daripada masalah ini, apakah Kementerian Pertanian mengambil iktibar bahawa perlu ada satu tabung khas untuk kes-kes kecemasan seperti ini ataupun keadaan darurat, bukan sahaja untuk memberi ganti rugi kepada penyakit-penyakit tetapi satu tabung khas yang menyeluruh untuk membayar ganti rugi secara cepat kepada petani-petani yang mengalami kesukaran akibat daripada kes-kes yang tidak diduga, misalnya petani-petani yang mengerjakan pertanian, dalam satu-satu ketika menghadapi keadaan bencana kemarau.

Kita ada banyak kes di Malaysia Timur dan juga di Sarawak ada petani-petani yang menanam padi bukit, apabila keadaan kemarau melanda di kawasan tersebut, padi bukit mereka tidak memberi hasil dan ini menyebabkan satu musim itu, mereka tidak mempunyai beras yang mencukupi. Mereka memohon daripada kerajaan negeri memang ada, tetapi kadang-kadang permohonan itu sudah lambat, padi sudah habis dan mereka sudah tanam semula dan tuai semula barulah bantuan itu sampai, apa tidaknya kalau ada peruntukan tabung khas ini, jikalau sahaja satu kumpulan petani itu menghadapi masalah, maka duit tabung ini dikeluarkan secara segera dan disalurkan kepada petani yang menghadapi masalah. Kerana untuk mencari bukti masalah petani ini tidak sukar kerana pegawai-pegawai boleh melihat sendiri dan bila didapati betul keadaan itu terjadi, ini boleh kita bayar.

Tuan Pengerusi, bukan sahaja kemarau tetapi juga akibat banjir, kita pernah mendengar di Kelantan dan di negeri-negeri lain, ladang tembakau musnah akibat banjir, begitu juga dengan padi sawah. Juga kepada penternak-penternak terdapat penyakit-

penyakit yang menyerang ternakan mereka seperti penyakit kuku dan mulut ataupun penyakit hawar berdarah yang menyebabkan kematian puluhan ekor binatang-binatang ternakan.

Bagi penternak ataupun kumpulan petani yang besar, kehilangan lembu dua ekor tidak menjadi hal tetapi bagi petani persendirian, itulah satu-satunya kerbau dan lembu yang menjadi punca pendapatan mereka, mungkin memudaratkan kehidupan mereka.

Jadi, saya minta penjelasan apakah kementerian perlu ada ataupun sedar untuk mengadakan tabung ini untuk membantu secara kecemasan dan boleh dikeluarkan secara terus bagi meringankan bebanan kepada petani-petani yang menghadapi masalah ini.

Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Tanjong.

10.24 pagi.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Tuan Pengerusi, terima kasih kerana memberi kesempatan untuk mengambil bahagian dalam Maksud B.19 – Kementerian Pertanian. Saya ingin khusus hujah saya ke atas dua, tiga perkara, mengikut Timbalan Menteri semasa menggulung perbahasan, dia berkata bahawa daripada tabung JE yang dipungut daripada orang ramai, syarikat dan korporat, sejumlah RM70 juta telah dipungut dan daripada jumlah ini RM30 juta dibahagikan kepada mangsa-mangsa yang terlibat.

Jadi, saya ingin mendapat satu penjelasan daripada Kementerian Pertanian tentang baki wang yang masih berada di tabung JE ini dan bagaimana kementerian bercadang untuk membahagikan jumlah ini kepada mangsa-mangsa yang terlibat memandangkan masalah-masalah yang kini dihadapi oleh para penternak yang menghadapi tindakan undang-undang daripada pembekal dan lain-lain.

Jadi, saya berharap kementerian ini akan menyegerakan pembahagian wang daripada tabung JE ini kepada mangsa-mangsa yang terlibat.

Tuan Pengerusi, satu perkara lagi yang ingin saya sentuh ialah selain daripada orang-orang ataupun penternak-penternak yang secara langsung terlibat dalam wabak ini dan mengalami kerugian juga tidak ketinggalan orang-orang yang bukan penternak seperti orang-orang yang tinggal di sekeliling tempat-tempat babi dibela.

Jadi, misalnya di negeri Pulau Pinang apabila berlaku wabak virus Nipah ini di Gertak Sanggul, penduduk-penduduk yang terdiri daripada nelayan-nelayan dan pekebun-pekebun kecil, diperintah untuk keluar daripada kampung mereka selama seminggu dan tidak dibenarkan untuk masuk ke kampung mereka dan untuk bekerja di kebun-kebun kecil yang terletak di kawasan wabak dan nelayan-nelayan juga terpaksa tidak dapat pergi mencari nafkah selama seminggu.

Jadi, saya rasa dan berharap kementerian berkenaan yang menguruskan perkara ini juga boleh menimbangkan, membayar pampasan kepada orang-orang yang berdekatan, yang juga secara tidak langsung menjadi mangsa kepada wabak JE ini.

Saya juga berharap memandangkan ada satu jawatankuasa khas peringkat kebangsaan yang diketuai oleh Timbalan Perdana Menteri untuk menguruskan perkara ini, saya berharap Timbalan Perdana Menteri dapat membentangkan satu laporan yang lengkap mengenai segala aspek *epidemic* JE ini sebagai satu pengajaran kepada kementerian, kepada penternak-penternak dan orang ramai supaya dapat mencegah perkara ini berlaku sekali lagi. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Kota Melaka.

10.28 pagi.

Tuan Kerk Kim Hock [Kota Melaka]: Tuan Pengerusi, saya cuma ada satu *point* yang ringkas yang saya minta Yang Berhormat Menteri memberi penjelasan iaitu berkenaan dengan pampasan ehsan yang diberikan bagi setiap ekor babi yang dimusnahkan.

Tuan Pengerusi, sebenarnya sebelum pembubaran Parlimen, DAP mendapat maklumat daripada penternak-penternak babi bahawa atas usaha Yang Berhormat bagi Sungai Siput, kerajaan telah memberi jaminan bahawa kerajaan akan mempertingkatkan amaun pampasan daripada RM50 seekor babi yang dimusnahkan ke amaun RM120 dan ini adalah oleh kerana keputusan daripada satu perjumpaan yang diadakan di antara Yang Berhormat bagi Sungai Siput dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. DAP mengalu-alukan keputusan itu.

Soalan yang saya hendak timbulkan ialah apakah sebabnya sebelum pembubaran Parlimen, bekas Ahli Yang Berhormat bagi Rasah telah mengeluarkan satu kenyataan bahawa pampasan ini tidak akan dibayar sekiranya Kerajaan Barisan Nasional tidak menang dengan majoriti 2/3. Ini pada kita adalah satu wayang kulit yang tidak harus dibuat.

Soalan lagi satu yang saya hendak tanya apakah sebabnya pengumuman tidak dibuat, walaupun keputusan telah dibuat dan jawapan yang kita telah dapat daripada maklumat dari sumber-sumber yang kita dapat ialah oleh kerana keputusan yang dibuat oleh kerajaan adalah hasil perjumpaan di antara Yang Berhormat bagi Sungai Siput dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga desakan daripada luar. Oleh kerana itu, untuk menjaga muka MCA, kerajaan telah melengah-lengahkan mengumumkan keputusan ini dan saya merasa ini ada satu perkara yang tidak harus berlaku lagi, oleh kerana kemungkinan kalau apa yang telah dikatakan oleh bekas Ahli Yang Berhormat bagi Rasah iaitu Dato' Wong See Wah, kalau apa yang dikatakan betul, ini kemungkinan, walaupun satu keputusan telah dibuat oleh kerajaan untuk meningkatkan amaun pampasan, kemungkinan boleh ditarik balik. Jadi, saya berharap perkara ini tidak akan berlaku. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Arau.

10.30 pagi.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin [Arau]: Tuan Pengerusi, terima kasih di atas peluang yang diberikan kepada saya untuk turut membahaskan Perkara B.19 – Kementerian Pertanian.

Saya mengambil kesempatan di sini mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan juga Kementerian Pertanian yang telah pun berjaya mengatasi masalah JE di negara kita. Ini menunjukkan bahawa negara Malaysia yang diduduki oleh masyarakat yang berbilang kaum, masyarakat majmuk menunjukkan sifat prihatin kerajaan dan juga kejayaan kerajaan dalam menentukan perjalanan dan juga perpaduan kaum dalam negara kita dapat berjalan dengan baik.

Saya juga mengucapkan tahniah kepada kementerian kerana peruntukan tambahan yang dipohon oleh pihak kementerian menjadikan peruntukan Kementerian Pertanian bagi tahun 1999 berjumlah RM1,048,180,700. Ini sebenarnya meleset daripada apa yang telah pun dituduh oleh pihak pembangkang bahawa Kementerian Pertanian mendapat peruntukan yang kurang berbanding dengan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan. Sebenarnya, peruntukan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan adalah sebanyak RM289,655,600. Ini menunjukkan bahawa perhatian kerajaan kepada sektor pertanian merupakan satu sektor yang diberi perhatian cukup serius oleh pihak kerajaan.

Tuan Pengerusi, dalam kita melihat masalah JE yang menimpa negara yang berlaku baru-baru ini yang menyebabkan ada penternak-penternak yang mengalami kerugian dan juga saya mendengar ada pihak-pihak Ahli-ahli Parlimen yang memohon supaya program pemulihan semula dijalankan. Saya ingin memberikan pandangan di sini bahawa sekiranya pihak kerajaan bersetuju dengan pandangan Ahli-ahli Parlimen yang berkenaan, saya cuma ingin mengingatkan sensitiviti rakyat dalam soal pemeliharaan babi.

Saya memang tidak menghalang sekiranya program ataupun projek yang telah pun dilaksanakan di negara kita ini diteruskan, cuma saya ingin mengingatkan dan juga ingin meminta pihak kerajaan supaya dari segi pemeliharaan ternakan babi ini haruslah diberikan satu syarat dan juga haruslah diberikan penekanan kepada soal-soal *sanitation* kerana kita tahu bahawa ada pemeliharaan yang dibuat secara mengikut lunas undang-undang tetapi ada juga pihak yang mengadakan ataupun yang mempunyai projek-projek yang dibuat secara tidak mengikut peraturan ataupun secara haram dan kita harus mengakui bahawa di negara kita, kita mempunyai masyarakat yang berbilang kaum dan kita mempunyai masyarakat yang beragama Islam di mana ternakan babi adalah merupakan satu ternakan yang ada sensitiviti mengenai agama.

Oleh yang demikian, saya berharap supaya jika pemeliharaan ini dilaksanakan, soal-soal *sanitation* seperti pembuangan najis babi ke sungai-sungai hendaklah diberi perhatian yang serius kerana dalam tahun 1974 saya pernah hadir dalam satu *convention* di mana pihak pengguna telah membuat kajian bahawa ada sungai-sungai di Negeri Sembilan yang dicemari dengan begitu hebat dan amat malang sekali perkara itu tidak diberi perhatian sehingga timbul masalah-masalah yang mengaitkan dengan penyakit JE yang mengakibatkan kehilangan nyawa di tempat yang berkenaan.

Jadi untuk kepentingan semua pihak, saya berpendapat bahawa pihak kerajaan harus meneliti dengan serius dan harus menentukan supaya apa jua usaha-usaha yang dijalankan, ia haruslah dijalankan dengan cara yang begitu sempurna dan tidak mencemar keadaan alam sekitar.

Tuan Pengerusi, satu perkara lagi yang ingin saya sentuh di sini ialah mengenai masalah-masalah yang sering timbul di dalam sektor pertanian. Mereka yang terlibat dalam sektor pertanian sama ada petani ataupun pegawai-pegawai yang terlibat sering menghadapi *break-out*, dengan izin, ataupun gejala-gejala yang menimbulkan tekanan kepada sama ada pegawai-pegawai yang bertugas ataupun mereka yang terlibat dalam sektor pertanian.

Saya dapati bahawa pengeluaran dalam sektor pertanian memang kita akui kita terpaksa mengimport bahan makanan yang begitu besar untuk negara kita. Kalau dua tahun yang lalu sebanyak RM9 bilion, sekarang kalau saya tidak silap telah pun menjangkau kepada angka puluhan bilion RM10 bilion ataupun RM11 bilion.

Oleh yang demikian,

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, yang itu tidak masuk dalam Maksud ini Yang Berhormat. Yang RM9 bilion hanya untuk bagi JE sahaja Yang Berhormat.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Pengerusi, dari segi menghadapi masalah yang melibatkan JE ini saya rasa ramai juga pegawai yang terlibat. Apa yang ingin saya katakan di sini pihak kementerian perlu mengadakan kursus kepada pegawai-pegawai yang terlibat dalam bidang pertanian bukan sahaja kursus dari segi meningkatkan teknologi ataupun kursus-kursus yang berkaitan dengan teknologi tetapi kursus-kursus yang memulihkan semangat dan juga kursus-kursus yang boleh memberikan pegawai-pegawai yang terlibat dalam bidang ini mereka dapat mengelakkan daripada *burn out*, dengan izin.

Oleh yang demikian, saya minta pihak kementerian adakah pihak kementerian bersetuju kalau saya mencadangkan supaya pegawai-pegawai dalam sektor pertanian ini diberi kursus-kursus selain daripada kursus-kursus meningkatkan teknologi juga kursus-kursus yang berupa seperti kursus Biro Tata Negara yang ada di negara kita yang saya percaya boleh meningkatkan semangat pegawai-pegawai ini untuk mereka terus berkhidmat walaupun mereka menghadapi pelbagai ancaman dan tekanan dalam masa mereka menjalankan tugas. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Beluran.

10.35 pagi.

Tuan Ronald Kiandee [Beluran]: Tuan Pengerusi, terima kasih kerana diberi peluang membahas Maksud B.19 – Kementerian Pertanian.

Saya kira pengalaman kita di negeri-negeri Perak, Negeri Sembilan, Selangor dan Pulau Pinang ini mengajar kita bahawa wabak ini merupakan satu wabak yang mahal untuk ditangani, banyak terlibat nyawa dan ganti rugi yang besar.

Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya kepada kementerian, apakah langkah-langkah kementerian selain daripada memusnahkan babi-babi ini, apakah langkah-langkah lain yang diambil oleh kementerian untuk mengelak kejadian wabak ini daripada berulang kembali di negara kita.

Saya kira jika sekiranya wabak ini berlaku disebabkan satu kitaran haiwan, maka ianya berkemungkinan berlaku kembali di negara kita.

Saya juga ingin tahu daripada kementerian apakah wabak ini disebabkan pengimportan haiwan-haiwan dari negara asing dan jika ini alasan dan sebabnya, maka sistem *quarantine* kita haruslah dipertingkatkan di mana kaedah-kaedah yang lebih cekap harus dilakukan untuk mengelak perkara ini daripada berlaku. Sekian.

Tuan Pengerusi: Hulu Terengganu.

10.39 pagi.

Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abdul Rashid [Hulu Terengganu]: Tuan Pengerusi, terima kasih. Bagi Maksud B.19 – Kementerian Pertanian, saya cuma ada satu perkara yang hendak ditimbulkan di sini. Yang pertama, adakah satu kajian telah dibuat oleh Kementerian Pertanian untuk memastikan bahawa sepanjang tempoh pemusnahan dan operasi ini, kos hidup bagi masyarakat yang tidak terlibat dengan penternakan babi ini telah meningkat dengan banyaknya.

Ada tiga benda yang telah menyebabkan kos hidup mereka ini telah meningkat dan saya cadangkan supaya satu pemberian atau sugu hati diberi terutamanya kepada masyarakat Islam yang tidak ada kena mengena langsung dengan apa yang telah berlaku di situ.

Yang pertamanya, akibat daripada pemusnahan babi-babi ini, menyebabkan harga ayam dan daging telah naik secara mendadak. Jadi, mereka terpaksa menambah perbelanjaan untuk bagi kos ini.

Yang keduanya, akibat daripada perkara ini juga, mereka terpaksa menambah kos perpindahan bagi umat Islam terutamanya yang berada di kawasan sekitar itu dan mereka terpaksa menanggung kos ini.

Yang ketiganya, bagi mereka yang terpaksa menutup perniagaan dan juga kerja mereka di kawasan sekitar, kawasan penghapusan dan kerja-kerja operasi ini, menyebabkan mereka tidak mempunyai kerja atau pengangguran bermusim berlaku kepada mereka.

Jadi, saya cadangkan kepada kementerian supaya satu sagu hati diberi kepada mereka yang tidak terlibat terutama masyarakat Islam yang berada di situ mengikut isi rumah, saya cadangkan RM500 bagi satu isi rumah bergantung kepada jumlah ahli dan isi rumah. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Bukit Mertajam.

10.41 pagi.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya turut mengambil bahagian di dalam perbahasan Maksud B.19.

Wabak JE atau virus Nipah ini merupakan satu pengajaran yang 'mahal' seperti yang dikatakan oleh Ahli Parlimen yang lain. Ini bukan masalah pampasan sahaja tetapi ia juga menunjukkan ada beberapa masalah yang melibatkan beberapa kementerian. Utamanya di negeri Pulau Pinang kerana wabak ini barulah dapat tahu bahawa terdapat beberapa tempat penyembelihan babi yang haram. Ini melibatkan juga keselamatan pengguna yang memakan daging-daging ini dan juga terdapat beberapa tempat penternakan yang haram bukan di luar bandar tetapi dekat bandar dan aktiviti-aktiviti ini masih berjalan.

Dan saya harap kementerian yang berkenaan, yang bertanggungjawab untuk memberi lesen atau permit untuk penternakan ini akan meningkatkan usaha kerana ini bukan sahaja ada *sensitivity* agama tetapi juga keselamatan rakyat keseluruhan. Maka saya harap kementerian khasnya Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan meningkatkan usaha untuk menghentikan aktiviti-aktiviti yang haram dan memastikan semua penternakan ini akan dijalankan mengikut peraturan dan juga menjaga keselamatan penduduk yang di sekelilingnya dan juga menjaga alam sekitar. Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Fadzil bin Mohd Noor: [Bangun]

Tuan Pengerusi: Sila Yang Berhormat bagi Pendang. Sudah 10 orang Yang Berhormat, ramai sangat dan hujah-hujah itu, ada yang diberi hujah-hujah yang sama. Sila Pendang, lepas itu Menteri akan menjawab.

10.42 pagi.

Dato' Haji Fadzil bin Mohd Noor [Pendang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh beberapa perkara dalam Kementerian Pertanian yang terlibat menuntut peruntukan tambahan sebanyak RM9 juta ini berkaitan dengan pampasan akibat daripada virus JE.

Yang pertama, berkaitan dengan pampasan juga, adakah Kementerian Pertanian menyedari bahawa selain daripada mereka yang terlibat dengan – menjadi mangsa kepada virus JE ini terdapat petani-petani di Kedah umpamanya yang mengalami kerugian dan kesusahan disebabkan tanaman padi dilanda oleh banjir yang besar beberapa bulan yang lalu, terutama di daerah Pendang dan juga di daerah Kota Setar. Adakah kementerian telah membuat kajian tentang berapa ramai petani yang terlibat dan berapa luas kawasan terlibat dengan kemusnahan tanaman mereka dan adakah kementerian mempunyai cadangan untuk memenuhi tuntutan mereka bagi mendapatkan bayaran pampasan untuk mereka. Kemudian saya akan.....

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, pokok sekarang ialah berkenaan dengan JE.

Dato' Haji Fadzil bin Mohd Noor: Terima kasih Tuan Pengerusi. Kemudian mengenai dengan pampasan yang dituntut ini, saya ingin mendapat penjelasan, berapakah jumlah keseluruhan pampasan yang diberikan kepada penternak-penternak babi akibat daripada jangkitan ataupun kemusnahan ternakan mereka. Dan yang kedua saya ingin mengetahui juga tentang tindakan yang telah diambil yang melibatkan pembelian vaksin

untuk menembak ataupun untuk memberi suntikan-suntikan ini, berapa banyak kos keseluruhannya dan berapa banyak pula vaksin yang dibazirkan kerana tidak dapat digunakan. Dan apakah syarikat yang telah diberi kontrak untuk membekalkan vaksin ini.

Selain daripada itu adakah Kementerian Pertanian juga menimbang untuk memberi pampasan kepada petugas-petugas dari kalangan tentera yang ditugaskan untuk menembak babi-babi yang terlibat dengan virus JE itu. Dan seterusnya, apakah pihak tentera yang diarah menembak babi telah diberikan latihan pencegahan yang mencukupi dan diberikan kelengkapan yang sesuai bagi mengelakkan jangkitan virus ke atas penembak-penembak itu. Tuan Pengerusi, itulah beberapa perkara yang ingin saya dapatkan penjelasan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Minta kementerian menjawab.

Dato' Napsiah binti Omar: [Bangun]

Tuan Pengerusi: Ya.

Dato' Napsiah binti Omar: Tuan Pengerusi, minta perhatian, tolonglah beri orang Negeri untuk bercakap sebab Negeri Sembilan namanya disebut.

Tuan Pengerusi: Saya sudah buat ruling Yang Berhormat.

Dato' Napsiah binti Omar: Mohonlah sikit, Tuan Pengerusi. Jauh saya datang. 10 minit sahaja Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Saya tidak lihat Yang Berhormat bangun tadi. Baru bangun Yang Berhormat. Baiklah Yang Berhormat, siapa hendak berucap ini daripada Negeri Sembilan.

Dato' Napsiah binti Omar: 2 minit sahaja Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya.

Dato' Napsiah binti Omar: 2 minit sahaja.

Tuan Pengerusi: Boleh, boleh. Silalah. [Ketawa]

10.46 pagi.

Dato' Napsiah binti Omar [Kuala Pilah]: Terima kasih Tuan Pengerusi yang dikasihi. [Ketawa] [Disampuk] Berilah orang Negeri Sembilan untuk membahas 2 minit sahaja. Terima kasih.

Berkenaan *Japanese Encephalitis* ini, virusnya saya difahamkan, tidak cukup maklumat yang diperolehi buat masa ini. Saya suka mencadangkan supaya kementerian mengadakan kajian yang terperinci berkenaan dengan virus ini kerana mengikut fahaman saya kalau tidak silap *circle* ini atau putarannya akan berlaku tiap-tiap 25 tahun ataupun 50 tahun.

Maka ingin saya mencadangkan di sini supaya kerajaan mengkaji semula berkenaan dengan ternakan khinzir ini terutamanya malanglah bagi orang Negeri Sembilan bila satu kawasan di Negeri Sembilan dikenal pasti sebagai satu kawasan untuk ternakan khinzir ini iaitu *pig farming area*, dengan izin. Jadi, oleh kerana itu saya mohonlah bagi kementerian untuk mengkaji semula dan saya ingin mencadangkan supaya kerajaan kita mengkaji keseluruhannya supaya ternakan khinzir ini diekspotkan ke negara lain seperti Vietnam misalnya. Sekian sahaja, terima kasih.

[Beberapa orang ahli bangun]

Tuan Pengerusi: Kementerian menjawab. Cukuplah.

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Ini yang terakhirlah.

Tuan Pengerusi: Cukuplah Yang Berhormat.

10.51 pagi.

Timbalan Menteri Pertanian [Datuk Seri Mohd Shariff bin Omar]: Tuan Pengerusi, bagi pihak Kementerian Pertanian saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan mengenai Kementerian Pertanian.

Suka saya terangkan di sini bahawa peruntukan tambahan sebanyak RM9 juta ini ialah bagi tujuan untuk pembayaran balik kepada empat buah negeri iaitu negeri Perak, Negeri Sembilan, Pulau Pinang dan Selangor. Bagi pihak kerajaan, bagi pihak kementerian kita ingin mengucapkan terima kasih kepada negeri-negeri yang berkenaan yang telah pun mendahulukan. Tuan Pengerusi, duit RM9 juta ini ialah untuk tujuan membayar *over-time* kepada pegawai-pegawai dan kakitangan yang terlibat dengan kerja-kerja pemusnahan babi, untuk tujuan pembelian pakaian, beli vaksin dan lain-lain lagi, dalam kerja-kerja pemusnahan babi di negeri-negeri tersebut.

Ada sesetengah Ahli Yang Berhormat yang membangkitkan soal pampasan. Jadi, wang ini bukan untuk tujuan pampasan, wang ini adalah untuk tujuan kita hendak bayar kerja-kerja operasi pemusnahan. Yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, berapa duit hendak bayar daripada duit janji-janji itu, itu tidak termasuk di dalam perkara yang kita bahaskan. Jadi, saya rasa tidak perlulah saya jawab tentang perkara-perkara tersebut kerana yang kita bincang ini ialah untuk tujuan hendak bayar elaun lebih masa pada pegawai dan badan-badan yang terlibat, umpamanya kita hendak gali lubang, kita hendak sewa jengkorek, jentolak, jengkaut.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis : *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Ya.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya minta penjelasan kepada Datuk Timbalan Menteri dari Tasek Gelugor. Syabas Datuk, dulu di negeri sekarang datang ke Kuala Lumpur pula, syabas.

Yang Berhormat Datuk Timbalan Menteri telah memaklumkan kepada Dewan yang mulia tadi bahawa kerajaan memang tetap membela apa jua yang menimpa rakyat Malaysia, sama ada pada kaum Melayu, India ataupun China sebab itu kerajaan seperti yang dimaklumkan oleh Datuk tadi, membela isu JE. Sebab itu dahulu Kabinet merasakan kerajaan memandang berat tentang isu ini, melantik Timbalan Perdana Menteri untuk mengawasi masalah kita untuk mengatasi isu JE. Pada ketika itu kawan kita sebelah sana, dia kata bahawa Badwi di Arab jaga kambing, dia kata, tetapi 'Badwi' di Malaysia, jaga babi, dia kata. Kita semua dengar. Tetapi baru ini kita dengar pula ... *[Disampuk]* Tetapi baru hari ini saya nampak ada orang cuba membela pula isu JE ini.

Dato' Haji Fadzil bin Mohd Noor: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Cukuplah Yang Berhormat....Rompin, cukuplah.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ini isu PAS kah, atau isu DAP suruh PAS bercakap pada hari ini. Yang Berhormat Ketua Pembangkang *[Disampuk]* Saya minta sedikit penjelasan daripada Dato'.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Rompin cukuplah, itu bukan tajuk yang dibincangkan. *[Tepuk]*

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Rasa pedas ya, rasa pedas. Minta sedikit pandangan Datuk Timbalan Menteri dalam perkara ini. *[Disampuk]*

Datuk Seri Mohd Shariff bin Omar: Tuan Pengerusi, kerja-kerja pemusnahan babi ini terpaksa diambil oleh pihak kerajaan. Oleh kerana penyakit JE sudah menjadi satu wabak yang mengancam keselamatan rakyat, bila jadi wabak akan memudaratkan manusia maka kita akan mengambil tindakan. Kebetulan wabak ini yang bersangkutan paut dengan penternak khinzir maka khinzir-khinzir yang didapati mempunyai virus ini terpaksa diambil tindakan, pemusnahan. Kalau kita tengok di Hong Kong, ayam-ayam terpaksa dimusnahkan. Jadi, tidak sepatutnya ini hendak jadi isu politik kepada mana-mana pihak pun. Ini bukan isu politik. Ini adalah isu yang bersangkutan paut tentang keselamatan, tentang jiwa manusia. Maka kita perlu mengambil tindakan untuk memusnahkan babi-babi yang didapati mempunyai virus yang saya sebutkan tadi.

Jadi, negeri-negeri yang banyak terlibat kalau kita kata di Pulau Pinang, yang banyak sekali sudah tentulah di Negeri Sembilan. Jadi, pihak kementerian ingin mengucapkan

Tuan Kerk Kim Hock: [Bangun]

Tuan Pengerusi: Hendak beri jalan atau tidak.

Datuk Seri Mohd Shariff bin Omar: Bagi.

Tuan Kerk Kim Hock: Tuan Pengerusi, kalau saya tidak silap, kita baca dalam surat khabar bahawa pakar-pakar telah menentukan bahawa ini adalah sebenarnya wabak *Nipah virus*, kenapa kementerian sampai hari ini kata ia adalah wabak JE. Apa yang sudah berlaku?

Datuk Seri Mohd Shariff bin Omar: Tuan Pengerusi, pada mulanya kita katakan ini wabak JE tetapi sebenarnya ini bukan wabak JE, ini adalah virus yang dikenal pasti, bukan akibat JE. Ini suatu virus yang lebih bahaya daripada JE. Jadi kita tengok akibat daripada virus ini, orang-orang yang terlibat terus dengan ternakan babi ini, pekerja-pekerja di ladang khinzir atau pun penternak-penternak yang kena virus ini meninggal. Terutama sekali orang-orang yang terikat – dekat dengan kerja-kerja penternakan.

Tuan Robert Lau Hoi Chew : [Bangun]

Tuan Pengerusi: Sibulah bangun di belakang Yang Berhormat.

Datuk Seri Mohd Shariff bin Omar: Kawan lama ya.

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana diberi peluang saya bahas tadi. Saya hanya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri ialah sampai sekarang, adakah kerajaan menyiasat dengan teliti tentang punca penyakit ini iaitu JE atau Nipah tambah pula *Chicken Flu* kerana saya takutlah. Di samping itu wabak JE atau Nipah mungkin ini adalah satu perkara kita perlu beri perhatian. Kerajaan perlu berikan langkah-langkah yang serius untuk memastikan penyakit-penyakit ini tidak akan berlaku lagi. Ini saya minta penjelasan daripada Timbalan Menteri. Sekian.

Datuk Seri Mohd. Shariff bin Omar: Tuan Pengerusi, Kementerian Pertanian khususnya Jabatan Veterinar memang memberi perhatian yang serius kepada isu ini. Kita bukan sahaja mendapat khidmat kepakaran dalam negeri tetapi juga daripada luar negeri membantu kita dalam mengenal pasti virus ini. Saya suka memaklumkan bahawa pihak kementerian sedang mengambil tindakan-tindakan yang perlu untuk mengenal pasti tentang virus ini tetapi sehingga sekarang kita belum dapat lagi.

Tuan Jimmy Donald: [Bangun]

Tuan Pengerusi: Ada yang bangun di sana Yang Berhormat.

Datuk Seri Mohd Shariff bin Omar: Saya ingat saya hendak habiskan Tuan Pengerusi, saya dah banyak beri peluang.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun] [Menyampuk]*

Tuan Pengerusi: Dia tidak beri jalan. *[Disampuk]*

Datuk Seri Mohd Shariff bin Omar: Serupalah tadi ahli bagi Bagan, bagi Bukit Mertajam, Nibong Tebal bercakap. Sama satu nadalah.

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak. Tak serupa. Nada tidak serupa. Berlainan. *[Ketawa]* Apa, takut?.

Datuk Seri Mohd Shariff bin Omar: Tidak takut. Tadi sudah beri banyak. Biasa sahaja. Tuan Pengerusi

Tuan Pengerusi: Dia tidak beri jalan Yang Berhormat.

Datuk Seri Mohd Shariff bin Omar: Tuan Pengerusi, semua pandangan yang diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu kita akan mengambil perhatian dan pegawai-pegawai yang berkaitan daripada kementerian akan meneliti pandangan-pandangan dan cadangan-cadangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat. Bagi pihak Kementerian Pertanian, sekali lagi saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian.

Tuan Pengerusi: Ya! Yang Berhormat sudah.

Tuan Lim Hock Seng: Penjelasan.

Datuk Sri Mohd Shariff bin Omar: Penjelasan apa lagi, sudah habis.

Tuan Lim Hock Seng: Boleh, tolong beri penjelasan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat sudah habis, Yang Berhormat.

Tuan Lim Hock Seng: Dia beri jalan, Tuan Pengerusi. Dia sudah duduk, dia beri jalan, dia beri jalan kepada saya. *[Disampuk]*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat beri jalan atau tidak Yang Berhormat *[Bertanya kepada Y.B Tasek Gelugor]*. Cukuplah, dia tidak beri jalan.

Tuan Lim Hock Seng: Dia sudah duduk, dia beri jalan saya. *[Disampuk]*

Tuan Pengerusi: Dia sudah ucap terima kasih ya.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang RM9,000,000 untuk Maksud B.19 di bawah Kementerian Pertanian jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM9,000,000 untuk Maksud B.19 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Maksud B.20 [Jadual] –

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala B.20 di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri terbuka untuk dibahas. Saya mintalah kementerian ini kalau sekiranya ahli-ahli yang berucap itu terkeluar daripada pokok, silalah buat teguran. Janganlah sampai dia orang dah bagi habis kemudian masa menjawab barulah kata tidak ada kena mengena dengan tajuk.

Tuan Hoo Seong Chang: *[Bangun]*

[Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]
mempengerusikan Jawatankuasa]

11.00 pagi.

Tuan Hoo Seong Chang [Kluang]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya bangun untuk menyokong kerajaan menyediakan peruntukan tambahan sebanyak RM11 juta kepada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri bagi menggalakkan lebih ramai pelabur untuk melabur di negara kita dan meningkatkan eksport barangan tempatan ke luar negeri terutama bagi destinasi pasaran baru.

Sehubungan dengan usaha menarik pelabur untuk melabur di negara kita dan usaha untuk meningkatkan pengeksportan barangan tempatan ke pasaran antarabangsa, satu sektor yang mustahak yang akan membantu mencapai hasrat kerajaan ialah sektor industri kecil dan sederhana ataupun IKS, maka pada hemat saya sebahagian daripada RM11 juta ini haruslah digunakan untuk membantu sektor IKS semasa kita ingin menarik pelaburan di tempat lain. Jika IKS dirancang dan dijaga dengan baik, bukan sahaja ia secara langsung dapat meningkatkan pengeluaran produk-produk eksport negara kita bahkan ia juga merupakan satu kilang sokongan yang penting kepada pelabur-pelabur yang akan mendirikan kilang besar di negara kita. Maka dalam konteks ini, kementerian juga ingin mengambil perhatian yang sama kepada masalah-masalah yang dihadapi oleh pengusaha-pengusaha IKS semasa kita ingin menarik

Dato' Kerk Choo Ting: Tuan Pengerusi,

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sila.

Dato' Kerk Choo Ting:IKS ini tidak kena mengena dengan anggaran tambahan ini.

Tuan Hoo Seong Chang: Tuan Pengerusi, tadi saya sudah sebut semasa kita ingin menarik pelabur dari negara lain, sektor IKS merupakan satu sektor yang penting untuk membantu kilang-kilang besar ataupun pelabur-pelabur yang ingin datang.

Dato' Kerk Choo Ting: Tuan Pengerusi, tadi Tuan Pengerusi telah menasihatkan kalau sesiapa Ahli Yang Berhormat yang terkeluar daripada tajuk pokok, beliau minta kementerian itu memberi satu notis.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya, sila yang lain.

Tuan Hoo Seong Chang: Tuan Pengerusi, saya akuriah peraturan ini.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Terima kasih.

Tuan Hoo Seong Chang: Kalau sebelum saya habis berucap mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak tahu apa yang hendak saya ucapkan tetapi tidak apalah, saya akuriah ataupun saya patuhi keputusan itu. Kalau macam ini saya ingin tanya sahajalah tentang jumlah pelaburan. Jumlah pelaburan yang telah diluluskan oleh kementerian pada tahun 1997, 1998 dan 1999 dan apakah target ataupun sasaran kementerian, jumlah pelaburan yang akan melabur pada tahun 2000.

Di samping itu saya juga ingin tahu negara manakah yang banyak melabur di negara kita. Jadi, oleh kerana perkara

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat bagi Rompin berdiri, ya. Yang Berhormat bagi Rompin.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Kluang. Dalam topik ini ialah peruntukan untuk

MATRADE, untuk menggalakkan pelaburan. Apakah pandangan Yang Berhormat bagi Kluang, bahawa dengan pengubahsuaian dasar kerajaan?

Kalau dahulu dia menggalakkan apa juga pelaburan tetapi sekarang ialah pengkhususan ataupun tumpuannya ialah kepada industri yang berasaskan teknologi tinggi. Industri yang berasaskan kepada IT, supaya kita lebih menarik kepada industri-industri yang ada nilai tambah yang lebih tinggi, berbeza dengan dahulu industri yang *labour intensive*. Apakah pandangan Yang Berhormat bagi Kluang dalam isu ini dengan peruntukan yang dipohon? Minta pandangan Yang Berhormat bagi Kluang.

Tuan Hoo Seong Chang: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Rompin. Saya bersetuju juga pada masa sekarang macam mana pun terpulanglah kepada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Rompin. Sekarang kita ingin tumpu kepada industri IT di mana tidak akan tumpukan kepada labour intensive. Macam manapun jawapan akan diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Pengerusi, oleh kerana peluang tidak diberikan saya ucapkan terima kasih di atas peluang yang diberikan kepada saya. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Yang Berhormat bagi Permatang Pauh.

11.05 pagi.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Terima kasih, belum lagi lambat saya memberikan tahniah atas perlantikan Yang Berhormat Dato'

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Terima kasih.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail: di dalam bulan Ramadhan ini menuju ke alaf baru dan tahniah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah dipilih oleh rakyat tetapi kadangkala yang dipilih dan yang mendapat hati rakyat itu berlainan sedikit.

Saya ingin menyentuh tentang Maksud B.20 – Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) yang berjumlah RM10 juta untuk tujuan program menggalakkan pelaburan dari luar negeri. Kita semua bimbang merosotnya dengan mendadak pelaburan asing di negara ini. Meskipun pihak kerajaan berulang kali mengatakan bahawa ekonomi negara sedang pulih tetapi ternyata kemasukan pelaburan asing terus merosot. Kita tahu bahawa kekuatan ekonomi kita amat bergantung dengan pelaburan luar, dengan izin, *direct foreign investment* – yang ada sekarang sungguh membahayakan bahkan permohonan untuk pelaburan juga merosot. Ini menggambarkan keyakinan para pelabur terhadap ekonomi negara masih belum pulih kerana pihak kerajaan enggan melakukan reformasi kewangan dan ekonomi untuk menjadi telus untuk menghapuskan kronisme dan nepotisme.

Selain daripada itu krisis politik dewasa ini, usaha-usaha MITI untuk menarik pelabur asing untuk melabur di negara kita kurang berjaya. Walaupun, saya yakin kerajaan enggan mengakui bahawa ini adalah kerana politik. Adalah jelas kepada pelabur-pelabur asing bahawa tindakan-tindakan kepimpinan nasional yang membelakangkan prinsip keluhuran undang-undang dan kebebasan kehakiman telah menjejaskan keyakinan pelabur asing dan tempatan. Program

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya fikir itu terkeluar sedikit.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: [Bangun]

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail: Maaf, program promosi perdagangan dan pelaburan MITI, MIDA dan MATRADE, mestilah menerangkan kepada

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Pengerusi, boleh saya minta jalan?

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail:para pelabur asing bagaimana kerajaan

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri minta jalan. Yang Berhormat bagi Arau.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail:menyelesaikan kelemahan-kelemahan [*Disampuk*] sistem ekonomi negara ini. Para pelabur

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang minta jalan.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail: Tidak, minta maaf.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, dia tidak beri.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: [*Bangun*]

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: [*Bangun*]

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail: para pelabur memang sudah mengetahui apa yang berlaku di negara ini

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Point of order 36(1).

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang ke berapa?

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya bukan untuk menghalang Yang Berhormat bagi Permatang Pauh

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Point of order yang ke berapa?

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: 36(1).....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, 36(1).

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya bukan hendak menghalang Yang Berhormat bagi Permatang Pauh. Mungkin ucapan yang disediakan oleh Yang Berhormat bagi Permatang Pauh boleh dihujah apabila kita bentangkan Belanjawan dasar nanti. Kita tidak menolak pandangan Yang Berhormat bagi Permatang Pauh, ada hujah dan mungkin Yang Berhormat bagi Permatang Pauh boleh bawa nanti sesi kita pada bulan Februari tetapi pada hari ini

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya. Saya faham 36(1) mesti maksud yang khusus. Ya.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:bolelah khusus kepada spesifik seperti yang diarah oleh Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, terima kasih. Sila-sila.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail: Tuan Pengerusi, ini khusus.....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kalau boleh terus kepada yang khusus.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail: Tuan Pengerusi. Ya, ini khusus kerana para pelabur memang sudah mengetahui apa yang telah berlaku di negara kita ini.....

Seorang Ahli: Ya, betul.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail: mereka lebih peka kerana mereka tidak akan melabur di dalam sesebuah negara yang tidak akan mendatangkan keuntungan kepada mereka. *[Tepuk]*

Saya hendak mengetahui cara-cara yang digunakan oleh pihak MITI, MIDA dan MATRADE menjelaskan dasar kawalan modal kepada para pelabur. Apakah jenis kawalan yang akan dilaksanakan pada millennium alaf yang baru? Adakah kerajaan hendak membatalkan kawalan tersebut? Selagi pemimpin negara gagal mewujudkan suasana politik yang lebih menarik dan lebih meyakinkan *[Tepuk]* selama itulah *[Tepuk]* pelabur-pelabur asing akan memilih Korea Selatan, Thailand, Singapura dan lain-lain negara di rantau ini. Terima kasih. *[Tepuk]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Terima kasih. Yang Berhormat bagi Batang Lumar.

11.10 pagi.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lumar]: Terima kasih, oleh kerana *precedence* telah buat, saya cakap dasar jugalah ini *[Disampuk]* Boleh buat, jangan. Oh, jangan. Ketua bukan pembangkang – Ketua Backbenchers sudah cakap jangan, janganlah itu. Jangan ikut, *[Disampuk]* ikut peraturan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi, saya akan ikut peraturan. Membahaskan Maksud B.20 Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Tambahan sebanyak RM11 juta untuk mempromosikan perdagangan pelaburan MITI, MIDA dan MATRADE di Malaysia.

Tuan Pengerusi, persoalan saya ada dua tiga persoalan sahaja, Yang Berhormat Timbalan Menteri tolong ambil *note* soalan saya supaya dapat jawapan. Sebab persoalan saya hanya persoalan sahaja, saya tidak cakap panjang. Ini bukan *rhetoric politic* dan sebagainya. Persoalan ini tepat pada tempatnya dan tepat pada persoalannya, tepat kepada kementerian dan tajuk yang kita persoalkan di sini.

Pertama, sama ada pegawai yang mempromosikan perkara ini menggunakan wang ini untuk tujuan mempromosikan Malaysia, tahu semua faktor berhubung dengan infrastruktur, pelaburan, kemudahan pelaburan, insentif pelaburan di Malaysia, bukan sahaja di Tanah Melayu, Yang Berhormat. Bukan hanya di Semenanjung sahaja, di Sarawak dan di Sabah juga sebab saya pernah diberitahu yang kadang-kadang pegawai ini apabila dia pergi ke luar negara, dia mempromosikan Malaysia tidak ubah dari Pulau Pinang sampai ke Johor sahaja. Sarawak dan Sabah itu terkeluar daripada sebutan, kalau ditanya, tidak tahu pun apakah infratraktur dan kemudahan yang wujud di Sarawak dan di Sabah.....

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Penjelasan, penjelasan.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: apa hendak penjelasan? Saya bertanya apa hendak diperjelaskan? *[Ketawa]*

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Penjelasan kepada pertanyaan.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Duduklah, orang bertanya – *you* duduk dulu.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduk, duduk.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Beri jalan atau tidak beri jalan?

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Apa hendak diberi jalan, tidak ada jalan dekat sini hendak diberi.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak beri jalan.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Takkan tak nampak jalan kot!

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak beri jalan.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: You jalan-jalanlah, saya tidak beri. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kalau dia beri jalan, dia duduk.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Kalau hendak jalan-jalan, saya tidak beri.

Seorang Ahli: [Ketawa] Boleh jalan.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Ini saya tanya soalan. Jadi, dia hendak tanya persoalan atas soalan saya. *[Ketawa]* Kalau saya buat hujah dan buat jawapan, baru tanya soalan dengan saya. *[Disampuk]* Ya, saya pun tidak faham. Ini perkara kecil.

Tuan Pengerusi, pagi tadi anak saya – bercakap dengan anak saya berumur enam tahun*[Boo]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Jadi, dia tahu persoalan-persoalan perkara yang dijawab, boleh jadi disoal. Jadi, bukanlah mengatakan bahawa Yang Berhormat tadi salah, dia betul juga tetapi belajarlah. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi, kadang-kadang saya ini bukan pakai nota ataupun benda yang ditaip, preparation di lain tempat, bendanya di sini sahaja

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya. Peraturan Mesyuarat yang ke berapa?

Puan Fong Po Kuan: Peraturan Mesyuarat 55(1) *[Ketawa]* Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat. 55(2) maaf. *[Sorak]* "Sesebuah Jawatankuasa yang telah diserahkan kepadanya satu

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, faham-faham. Sebab itu kita tegur selalu

Puan Fong Po Kuan: Oleh itu saya berharap Yang Berhormat mematuhi Peraturan Mesyuarat 55(2). *[Disampuk]* *[Tepuk]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila duduk. Ahli-ahli Yang Berhormat, sebenarnya kita kedatangan dua-dua belah pihak. Kadangkala pihak yang menegur itu 'terak' daripada pihak yang kena tegur. *[Ketawa]*

Jadi, sama-sama patuhlah, itu yang kita harapkan. Itu yang pentingnya. Jangan masa kawan kita bercakap, kita seolah-olah tidak menegur apa-apa. Jadi, itu tidak berapa baik. Jadi, kita patuhlah kepada Kerusi, kita khususlah kepada apa yang kita bincangkan sekarang. Sila Yang Berhormat bagi Batang Lupar.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Pengerusi, saya tidak bincang. Saya tanya soalan, saya buat jawapan tadi oleh kerana ada orang bertanya soalan di atas soalan saya.

Jadi, sebab itulah saya membincangkan sedikit. Jadi, kalau terkeluar, bukanlah salah saya, salah dia yang tanya.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, teruskan.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya sentiasa akur, dia berdiri angkat buku, tunjuk buku. Budak kecil 28 tahun, saya duduk [Disampuk] Ini peraturan di Dewan yang mulia ini. Siapa yang angkat buku, tunjuk buku, kena bacalah lain kali kawan. Baca apa kesalahan yang Ahli Parlimen sudah buat.....

Puan Fong Po Kuan: Tuan Pengerusi, maaf Peraturan Mesyuarat 55(2), saya ulang semula. [Sorak]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya faham dan saya beritahu. Teruskan Yang Berhormat bagi Batang Lumar kepada maksud.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Pengerusi, persoalan saya sama ada semasa pegawai ini mempromosikan Malaysia, janganlah cuba mempromosikan Semenanjung sahaja, promosikanlah SeMalaysia. Maknanya, termasuk Sarawak juga di Sabah kerana banyak kemudahan, infrastruktur yang telah disediakan oleh Kerajaan Negeri Sarawak dan Kerajaan Negeri Sabah tetapi kalau persediaan ini, infrastruktur ini yang telah berjuta-juta diwujudkan, tidak digunakan pelabur, oleh kerana pelabur tidak diberitahu kemudahan-kemudahan yang wujud di negeri-negeri yang tertentu. Maknanya, pelaburan akan datang hanya ke Semenanjung sahaja.

Tuan Pengerusi, saya pernah bercakap dahulu – Tuan Pengerusi, ingat masa kita duduk semeja dahulu [Ketawa] kerana kita orang lama, saya pernah berkata kenapa tekankan pelaburan di *Eastern Corridor*, Semenanjung sahaja iaitu dari Johor pergi ke Pulau Pinang melintas Lembah Kelang. Saya katakan, kenapa dan apa pula yang berlaku di Sarawak dan Sabah, Kelantan, Terengganu dan sebagainya.

Ya, alhamdulillah kerajaan peka dengan cadangan kita diwujudkan koridor sebelah Barat dan selepas itu di Semenanjung Sarawak dan Sabah dimasukkan bersama. Diberi insentif-insentif yang tertentu. Kita berterima kasih dengan kerajaan tetapi persoalannya pegawai-pegawai yang pergi ke luar negara ini kurang memahami dan mengetahui, kalau pegawai belum datang, tolong datang ke Sarawak, berjumpa dengan kementerian-kementerian di Sarawak dan Sabah. Bertanya dengan mereka apa infrastruktur, apa kemudahan yang wujud di Sarawak. Jadi, persoalan saya yang pertama tolong jawab.

Tuan Pengerusi, yang kedua bukan lebih baru sahaja kerana dalam umur negara ataupun dunia ini, yang disebutkan baru itu mungkin dua tahun dan tiga tahun. Jadi, baru-baru ini ada ura-ura syarikat dari Australia hendak membuat kilang aluminium di Bintulu, Sarawak dan pihak negeri Sarawak telah berbincang terus dengan syarikat ini. Malangnya, pada ketika yang sama pegawai daripada kementerian di Australia juga cuba menarik pekilang ini untuk mewujudkan kilang mereka di Australia.

Jadi, Australia telah menawarkan beberapa insentif, bermacam-macam insentif yang telah ditawarkan kepada syarikat ini supaya menetapkan kilang mereka di Australia. Tetapi dalam masa yang sama Sarawak juga menawarkan insentif-insentif yang tertentu.

Tuan Pengerusi, persoalan saya ialah apakah pertolongan Kerajaan Pusat dan apakah insentif dan cadangan supaya kilang ini boleh datang ke Sarawak dan ke Malaysia

ini dan tidak melabur di Australia, supaya negara kita mendapat satu kilang yang besar, satu pengeluaran yang besar dan pulangan yang baik.

Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Tambun.

11.17 pagi.

Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah [Tambun]: Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Saya ingin menyentuh mengenai dengan MATRADE tentang program promosi perdagangan. Kita ketahui bahawa promosi perdagangan ini merupakan salah satu daripada aktiviti pemasaran yang mempunyai spektrum yang besar, sekurang-kurangnya ada lapan sub aktiviti. Salah satu yang kritikal dalam soal pemasaran ini adalah mengenal pasti produk-produk di luar negara kita yang mengikut citarasa pengguna-pengguna di negara-negara luar.

Bagi syarikat-syarikat multinational, baik terutamanya syarikat Jepun, mereka menyediakan stesen di negara-negara luar untuk membuat penyelidikan apakah citarasa dan permintaan di negara-negara luar dan kemudian maklumat ini disalurkan balik kepada syarikat-syarikat dalam negara tersebut untuk mengeluarkan produk yang dapat dengan izin, *match* keperluan di negara-negara luar. Oleh kerana di negara kita sektor swasta tidak memainkan peranan yang penting dalam soal itu, kita bergantung kepada MATRADE.

Saya difahamkan bahawa dari segi MATRADE, di tempat-tempat yang saya pernah lawati, apa yang dilakukan oleh MATRADE lebih kepada promosi. Ada tempat dan ruang untuk *exhibition* barangan dan kemudian menyediakan konteks dengan ejen-ejen di luar negara dan aktiviti untuk menyelidik keperluan-keperluan dan permintaan oleh pengguna di negara luar tidak dilakukan. Dengan itu produk yang kita keluarkan, yang cuba dipromosi oleh MATRADE tidak memenuhi permintaan pengguna-pengguna di negara-negara luar.

Jadi, saya ingin menekankan kepada perkara ini dan saya ingin menyatakan sekali lagi bahawa dalam proses pemasaran yang paling kritikal adalah mengenal pasti produk-produk yang dikehendaki dengan ciri-cirinya supaya kita dapat melakukan *product differentiated* yang dapat memenuhi permintaan pengguna-pengguna di negara luar.

Kemudian, tentang misi perdagangan saya ingin mendapat penjelasan daripada kementerian apakah asas pemilihan syarikat-syarikat yang mengikuti misi perdagangan. Dalam pengalaman saya sebagai Ahli Parlimen, pernah saya mengikuti misi perdagangan. Saya dapati ada dua jenis pengusaha yang mengikuti misi perdagangan ini.

Satu, yang mengambil kira bahawa misi perdagangan ini sebagai satu *overseas trip* dan satu sebagai *overseas venture* dan yang meletakkan misi perdagangan ini sebagai *overseas venture* ini sebenarnya tidak ramai – yang mengadakan perbincangan, perjanjian, kemudian balik mengadakan *collaboration*, *contact agent*, mengeksportkan barang kepada negara-negara. Yang serius tidak begitu ramai. Yang lain menganggapnya sebagai *overseas trip*, sebagai jalan untuk melihat ke negara luar dan akhirnya tidak ada manfaat kepada misi perdagangan tersebut.

Jadi, sehubungan dengan itu saya ingin bertanya tentulah kementerian, ada membuat penilaian prestasi (*performance evaluation*) tiap-tiap misi perdagangan, apakah hasil daripada misi perdagangan tersebut. Setelah kita mengadakan misi perdagangan dalam tempoh jangka waktu yang begitu panjang, apakah hasil yang kita perolehi dan dari segi nisbah eksport negara, sebanyak manakah yang dihasilkan daripada misi perdagangan ini yang dapat memberikan keuntungan kepada negara kita.

Di samping itu, saya berpendapat bahawa dalam proses pemilihan (*selection*) ini, saya berpendapat kementerian harus mengenal pasti syarikat-syarikat kita yang sudah *ready* untuk pergi ke peringkat global. Saya ingin menyentuh perkara ini sekali lagi bahawa mungkin oleh kerana negara kita ini sebuah negara yang pernah dijajah selama 500 tahun, jadi mentaliti rakyat dan pengusaha kita adalah mentaliti kita dijajah. Kita duduk dalam *cocoon* kita, dalam sempadan kita dan kita tidak lihat ke luar. Dengan sebab itu kalau kita lihat dari segi struktur perdagangan atau ekonomi dunia, ia dikuasai oleh tiga bangsa besar; Amerika Syarikat, Eropah dan Jepun dan ketiga-tiga negara ini adalah negara bangsa yang menjajah.

Selama ribuan tahun mereka menjajah negara lain dengan itu telah terbentuk dalam masyarakat dan rakyat mereka termasuk pengusaha yang keinginannya adalah untuk menjajah, untuk mengeluarkan produk dan produk ini dipasarkan di negara-negara luar. Jika mentaliti ini tidak diubah ke atas pengusaha kita untuk kita menjelajah ke negara-negara luar, kita tidak akan sampai ke matlamat kita hendak mewujudkan negara kita sebagai pedagang besar dalam pasaran antarabangsa kerana jika kita lihat dari segi tiap-tiap produk di pasaran antarabangsa, di belakangnya ada satu syarikat yang kuat dan kukuh dan dalam syarikat yang kuat dan kukuh ini ada dua ciri-ciri penting iaitu pertama, dengan izin, *strong corporate soul*, jiwa korporat yang begitu kuat hendak melintasi sempadan negara; dan kedua, *strong personality*, personaliti yang mahu berjaya ke peringkat antarabangsa.

Dengan yang demikian, saya berpendapat bahawa kerajaan mesti mengadakan pemilihan syarikat-syarikat yang mengikut misi perdagangan ini, syarikat-syarikat yang sudah bersedia untuk pergi ke peringkat antarabangsa dan selepas itu kita berharap bahawa syarikat ini pergi ke fasa yang kedua, tidak bergantung kepada campur tangan kerajaan (*government intervention*). Saya tidak percaya kita dapat melahirkan sektor swasta yang dapat memasarkan produk kepada peringkat antarabangsa yang bergantung kepada kerajaan. Ia mesti berasaskan kepada inisiatif sektor swasta sendiri baru ia dapat menghasilkan keputusan ataupun kejayaan yang lebih merangsangkan.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Rompin, ya.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Syabas kepada Tambun kerana ulasan dan kupasan yang mendalam dari segi membuka pasaran dunia untuk produk-produk kita di Malaysia. Saya hendak meminta penjelasan iaitu isu membuka pasaran luar ini sama ada kita perlukan sokongan dan kerjasama kerajaan atau tidak. Sebab apa, kita nampak bahawa negara Amerika Syarikat menggunakan kedudukan mereka dalam WTO.

Sebagai contoh, baru-baru ini mereka menggunakan *social charter* untuk membuka pasaran-pasaran dunia ketiga. Ia menggunakan kekuatan kerajaan mereka - Amerika Syarikat misalannya menggunakan kekuatannya dalam WTO untuk membuka pasaran di Jepun - membuka pasaran IT di Jepun, telefon dan kereta di Jepun. Swasta hendak masuk menjual produk mereka di Jepun kerajaan Amerika Syarikat secara kuat, kadang-kadang itu menggunakan teknik buli, dera untuk Jepun membuka pasaran tetapi kita negara yang kecil, adakah kita juga perlu kekuatan kerajaan kita untuk membantu swasta membuka pasaran-pasaran di negara Barat ini.

Saya bimbang sedikit *approach* pandangan Tambun tadi bahawa kita biarkan swasta sendiri sahaja sebab Barat akan juga, bila mereka menggunakan kekuatan kerajaan untuk membukakan pasaran, sudah semestinya swasta di sana, di EEC atau di Amerika juga akan menggunakan kekuatan kerajaan kita untuk menghalang kemasukan produk-produk kita, menghalang kemasukan syarikat-syarikat kita. Ini saya minta penjelasan sedikit di atas kebimbangan saya dengan pandangan Tambun, mungkin Tambun juga ada isu atau pandangan tertentu tentang perkara ini. Saya minta pandangan.

Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Pengerusi, sebenarnya tidak perlu bimbang. Yang Berhormat Rompin melihat daripada perspektif yang besar dan luas. Saya bersetuju dari segi peranan di WTO, saya pernah menyuarakan bahawa proses globalisasi ini akan meminggirkan negara-negara membangun termasuk negara kita dan setiap negara sekarang ini termasuk negara maju mahupun negara-negara membangun adalah *invisible hand*.

Amerika Syarikat yang memainkan peranan mengatur arah dan tuju perdagangan negara-negara tersebut. Itu sebabnya negara seperti negara Malaysia apabila mencadangkan sesuatu agenda di peringkat antarabangsa tidak dipersetujui oleh negara-negara ASEAN mahupun negara Asia termasuk Jepun kerana agenda yang dimainkan oleh Amerika Syarikat tersebut.

Tuan Mohd Apandi bin Haji Mohamad: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Muhammad bin Abdullah]: Jeli bangun.

Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Nanti, nanti sekejap. Jadi, saya lihat dalam Persidangan WTO, Presiden Amerika sendiri hadir kerana kita tahu bahawa WTO ini berperanan untuk melaksanakan agenda liberalisasi perdagangan dunia, bermakna bahawa dunia ini akan menjadi sebagaimana kata Adam Smith sebagai satu *workshop* yang besar dan oleh kerana sekarang dominan perdagangan adalah di tangan tiga negara tersebut, dipanggil sebagai *Triad*, maka negara-negara lain yang baru dalam proses hendak memasuki pasaran akan terpinggir dan tidak dapat bersaing dengan mereka.

Tuan Mohd Apandi bin Haji Mohamad: Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Tambun. Oleh kerana Tambun ada menyebutkan tentang keganasan dan tentang Amerika yang tidak mengikut peraturan, apakah Yang Berhormat Tambun tahu bahawa eksport Malaysia yang terbesar adalah ke Amerika?

Yang kedua, apakah Yang Berhormat Tambun tahu bahawa antara import kita yang terbesar juga adalah dari Amerika juga?

Di samping itu, Yang Berhormat Tambun ada menyebutkan tentang sikap rakyat. jadi, bolehkah Yang Berhormat Tambun menjelaskan setakat manakah Yang Berhormat fikirkan tentang bentuk motivasi dan latihan-latihan jiwa yang perlu dijalankan kepada setiap ahli korporat Malaysia termasuk Yang Berhormat bagi Rompin?

Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Pengerusi, saya memang sedar saya menyentuh perkara-perkara yang saya cakap ini, eksport terbesar negara kita adalah kepada Amerika Syarikat; pada tahun 1998 sebanyak RM51 bilion, kedua kepada Republik Singapura sebanyak RM40 bilion. Apa yang saya sentuhkan tadi bukannya keganasan – peranan Amerika Syarikat memperluaskan agenda Amerika Syarikat dalam pasaran ekonomi dunia.

Untuk makluman Yang Berhormat, dari segi perdagangan dan pelaburan dunia, 80 peratus dikongsi oleh tiga negara ini iaitu Amerika Syarikat, Eropah dan Jepun, manakala 20 peratus dikongsi oleh 150 negara. Jadi, terdapat imbalance. Apabila kita memperkatakan negara kita mengeksport ke Amerika Syarikat dan mengimport daripada Amerika dari segi saiz perdagangan kita dengan negara Amerika Syarikat memang besar tetapi jika diambil dari segi peratusan dari segi pasaran dunia baru kosong perpuluhan kosong kosong berapa peratus, bukannya banyak, bukannya banyak. Bukan soal keganasan, saya ingat Yang Berhormat silap dari segi tafsiran apa yang saya nyatakan.

Tuan Mohd Apandi bin Haji Mohamad: Saya hormat Yang Berhormat Tambun, sedikit sahaja.

Bolehkah Yang Berhormat jelaskan kepada Dewan, setakat manakah peranan yang boleh dimainkan oleh EAEC yang sekarang ini tenggelam-timbul. Apakah pulangan yang diperolehi daripada EAEC yang sekarang tenggelam-timbul.

Dato' Kerk Choo Ting: Tuan Pengerusi, perkara ini sudah keluar daripada tajuk.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat Tambun, kalau.....

Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Pengerusi, biar saya jawab sedikitlah...

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Jawab sedikit kemudian terus kepada tajuk asal.

Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Kalau tidak, dia tidak seronok kalau saya tidak jawab. Tadi saya sudah menyentuh tentang *invisible hand*. Di Asia kalau kita hendak melaksanakan sesuatu mesti mendapat sokongan Jepun kerana Jepun merupakan ekonomi terkemuka di Asia dan Jepun bergantung kepada Amerika Syarikat. Eksport Jepun ke Amerika Syarikat berpuluh kali ganda daripada Malaysia, malahan mengikut laporan tidak rasmi, Jepun menguasai 30 peratus daripada ekonomi negara Amerika Syarikat. Jika Jepun tidak bersetuju pelaksanaan EAEC, maka tidak mungkin EAEC ini dapat dilaksanakan. Itu yang saya katakan *invisible hand* tadi. Saya harap Yang Berhormat jelas.

Tentang kursus-kursus Yang Berhormat nyatakan tadi, bukan soal kursus, ini adalah soal *cultural*, soal tamadun, soal *civilization*. Negara-negara membangun ini dalam *life cycle* yang berbeza yang telah jauh, jauh lebih daripada kita. Kita baru di peringkat hendak membina bandar Putrajaya sudah bising, ini dia standard kita, *the third world's standard*, dari segi *cultural and civilization* yang kita ada di negara ini. dari segi politiknya pun begitu. Tidak apalah saya sentuh ini sudah terkeluar. Saya ingat nanti Yang Berhormat Timbalan Menteri akan menegur saya.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: [Bangun]

Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Jadi, time saya ada berapa lagi?

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kira-kira sudah habis. [Ketawa]

Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Oh, sudah habis. Saya sentuh sedikit sahaja, biarlah.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa kira sudah habis.

Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Jadi, kira penutupnya, Tuan Pengerusi, tentang pelabur asing di negara kita. Saya lihat pelabur asing di negara kita ini merupakan satu pasaran besar, dia melabur di negara kita, kita beri faedah kepada dia. Walaupun tempat ini sebagai *intermediary*, dia *import* produk dan kemudian dia jual produk ke negara-negara lain tetapi kita boleh memainkan peranan penting. Jadi, saya ingin menyatakan sejauh mana negara kita melihat pelabur asing ini sebagai satu potensi kita untuk mengeksport barangan kita dari segi kita mengadakan *joint venture* dengan syarikat-syarikat ataupun pelabur-pelabur asing ini atau mengadakan *collaboration* dengan mereka kerana pelabur asing ini dia sudah mempunyai pasaran yang besar. Jadi, apa peranan yang patut kita mainkan supaya ada *collaboration* atau *joint venture* dengan cara itu kita boleh memasarkan produk kita ke peringkat antarabangsa.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, masa sudah cukup, Yang Berhormat Tambun.

Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Ha, sudah habis?

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa sudah habis.

Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Baik, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Terima kasih. Saya benarkan seorang lagi bercakap, selepas itu....

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Nanti dahulu. Saya akan benarkan seorang sahaja lagi bercakap, selepas itu saya minta Menteri akan menjawab. Kepong.

11.34 pagi.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, Rompin itu dia hanya asyik kepada kejuruteraan sahaja itu.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kepong, teruskan.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya akan teruskan. [Ketawa] Tuan Pengerusi, saya suka bangkitkan usaha-usaha MITI, MATRADE untuk menggalakkan pelaburan di dalam negara ini dan sukalah saya bangkitkan terlebih dahulu, sebelum kita menarik perhatian kepada orang-orang asing untuk melabur di dalam negara ini, apakah usaha kementeriannya untuk menarik pelabur tempatan. Setahu saya setakat ini pelabur tempatan sudah merosot dengan dahsyat. Kalau itulah yang berlaku di negara ini, apakah puncanya ataupun faktor-faktor yang menyebabkan para pelabur tempatan tidak berminat di dalam negara sendiri. Mungkin dasar yang terdapat di dalam kementerian tidak cukup untuk menggalakkan orang-orang tempatan.

Bolehkah Yang Berhormat terangkan setakat ini kemerosotan pelaburan tempatan dalam peratusannya sama ada 50 peratus ataupun 60 peratus pada tahun ini dan sementara itu di dalam pelaburan asingnya bolehkah Yang Berhormat terangkan pada tradisinya Jepun ataupun Amerika Syarikat merupakan pelabur yang terbesar di dalam negara ini dan setakat suku yang pertama ini kalau tidak silap saya hampir RM3.0 bilion secara *direct investment* sudah dipohon kepada pihak kementerian dan bolehkah Yang Berhormat terangkan bidang-bidang yang terlibat di dalam permohonan daripada pelabur asing ini. misalnya, dengan izin, *applications for new manufacturer products including expansion and diversification of projects* dan di dalam bidang ini saya nampak ada kebanyakannya di dalam elektronik dan *electrical* sahaja.

Ini bermakna sebahagian besar, hampir lebih daripada 50 peratus pelaburan setiap tahun adalah di dalam bidang elektronik dan *electrical* sahaja dan kita tidaklah boleh menumpukan 100 peratus kepada industri yang begitu khusus kerana di dalam dunia ini dengan kos buruh di negara ini kian meningkat, maka pihak pelabur asing akan melabur ke negara-negara di sekitarnya termasuk Vietnam, China dan sebagainya dan juga kalau tidak silap saya mereka sudah menumpu perhatian ke Amerika Latin sekarang. Kita mesti memberitahu kepada para pelabur di sini bahawa di dalam negara ini kita mempunyai daya tarikan termasuk kita pun sudah tidak ada nepotisme, tidak ada kronisme, tidak ada rasuah dan sebagainya. Ini memang kita mesti buat untuk menarik perhatian mewujudkan suasana yang sihat kepada para pelabur tempatan dan asing.

Memang orang pergi ke negara-negara lain kalau kita tidak berwaspada, walaupun ada sedikit sebanyaknya masih boleh menarik perhatian kerana kita longgarkan syarat-syarat. Apakah syarat-syarat yang dilonggarkan, syarat eksport, syarat milikan syarikat diberi dengan syarat-syarat yang tertentu, syarikat-syarikat kita dimiliki 100 peratus oleh pihak asing dan juga syarat-syarat eksport.

Bolehkah Yang Berhormat terangkan apakah syarat eksport yang diberi kerana diberi kelonggaran kerana hendak eksport itu cukai-cukai dikurangkan atau dihapuskan dan sebagainya. Bolehkah Yang Berhormat terangkan setakat ini bilangan syarikat yang mendapat syarat yang baik untuk eksport dan bilangan yang melabur di dalam dua, tiga tahun terutamanya sejak bermulanya krisis ekonomi lebih dua tahun ini. Bilangan syarikat yang membuat pelaburan daripada *investment* dan bidang-bidang yang tertentu sama ada bidang-bidang selain daripada elektronik dan *electrical*, bidang tekstil, bidang plastik dan *petrochemical* terutamanya *oleochemical* kerana kita mesti menggalakkan bukan sahaja pelaburan tempatan bahkan pelaburan asing mengadakan *oleochemical* sangat penting sekali.

Kita mempunyai minyak kelapa sawit yang banyak dan salah satu bidang kita boleh galakkan ialah bidang *oleochemical* kerana walaupun kita mempunyai satu syarikat sahaja yang mengeluarkan *oleochemical* tetapi lebih 70 atau 80 peratus dieksport. Ini bermakna bidang inilah kita mesti pilih untuk menggalakkan pelaburan sama ada *direct* ataupun tidak *direct* untuk membangunkan *oleochemical industry* di negara ini.

Saya nampak usaha di dalam laporan yang saya terima tidak begitu sangat untuk menggalakkan oleo chemical industry bahkan perhatian itu hanya ditumpukan pada bidang elektrikal dan dan elektronik sahaja.

Tuan Pengerusi, kita tidak bolehlah menumpukan ke bahagian yang khusus begitu kerana setahu saya dan kita pun tahu orang pergi ke negara-negara lain termasuk Latin Amerika dan lama-kelamaan bidang elektronik diambil alih oleh Amerika Latin dan kita mati, mampus sama sekali.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat Rompin bangun.

Dr. Tan Seng Giaw: Rompin buat apa, Rompin sahaja, dia di....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia minta penjelasan.

Dr. Tan Seng Giaw: Kejuruteraan dia tahu, itu tidak payah lagi.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Beri atau tidak beri, ha, sila.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Masih Yang Berhormat bagi Kepong mewakili pembangkang lagi. Saya mengucapkan syabas kepada Yang Berhormat Kepong. Ini kita setuju pandangan Yang Berhormat Kepong, negara kita tertumpu kepada industri IT, bila *electrical* itu tidak semestinya hanya - maknanya lebih besar, itu melibatkan chip IT, *micro processor software*, itu dimaksudkan dalam apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Kepong. Mungkin kementerian kalau dapat kaji kembali takrifan ini. Adakah Yang Berhormat Kepong bersetuju atau tidak? Perkataan itu hanya nampak tertumpu skop yang kecil tetapi yang sebenar maknanya lebih besar. Saya ingat teknologi yang dia pakai, saya ingat semenjak merdeka lagi sehingga Yang Berhormat Kepong salah faham tetapi industrinya lebih besar, bukan *narrow* tertumpu apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Kepong.

Saya minta pandangan Yang Berhormat Kepong. Tetapi pandangan Yang Berhormat Kepong betul, saya bersetuju tetapi saya minta pandangan Yang Berhormat Kepong. Adakah Yang Berhormat Kepong juga melihat industri-industri patut juga digalakkan agar berasaskan komoditi yang ada atau berasaskan kepada hasil yang ada seperti pertanian, seperti bidang-bidang yang lain di mana sumbernya kita ada. Adakah ini juga kita perlu beri tumpuan seperti pertanian dan lain-lain lagi.

Ini, Yang Berhormat bagi Kepong kadang-kadang ada baik juga pandangannya. Hari ini nampaknya baik, saya syabaslah.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, kali inilah yang pertama kali kita dengar hujah yang lebih bernas daripada Yang Berhormat bagi Rompin. Sebahagian itu betul juga dan di *local source* memang satu perkara yang penting walaupun Yang Berhormat 'Madam rapid-fire' sudah, dia sangat cepat, kalau kita dengar Yang Berhormat Kuala Kangsar cakap memang cepat seperti peluru sehingga Tuan Pengerusi, kadangkala pun tidak dapat mengertilah apa yang dicakap.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Terus sebut.

Dr. Tan Seng Giaw: Terus sahaja. Tuan Pengerusi, kita mesti.....

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Yang Berhormat bagi Kepong, tadi saya puji, ini saya tegur 36(6) ini, seorang ahli tidak dibenarkan mengeluarkan sangkaan jahat. Dia seorang menteri yang menjalankan tugas dengan baik, Yang Berhormat buat begitu di bulan puasa melainkan Yang Berhormat tidak menghormati bulan Ramadhan ini.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, malangnya Yang Berhormat bagi Rompin itu menumpukan bahagian kepada menteri yang salah, kalau Kubang Pasu memang boleh lantik sesiapa pun tetapi Yang Berhormat Kuala Kangsar....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Terus, terus.

Dr. Tan Seng Giaw: ...tidak boleh melantik sesiapa pun, kalau pun ada ampu atau sebagainya sia-sia sahaja itu. Sasaran yang salah.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat teruskan.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, walaupun Yang Berhormat Kuala Kangsar sudah sebutkan berkali-kali mengenai *local source* tetapi setakat ini usaha yang diambil oleh pihak kementerian itu nampaknya masih lemah. Kita mesti mempertingkatkan usaha untuk menambahkan *local source* dan masalah *expansion* dan *diversification*, itulah yang disebutkan oleh Yang Berhormat Rompin tadi, itu memang satu bidang, kita mesti adakan lebih kajian, penyelidikan dan lebih promosi untuk *expansion* dan *diversification*. Saya hendak lihat di dalam alaf baru ataupun millennium baru ini, kita nampak bidang-bidang yang lain seperti plastik, *oleochemical* dapat tempat yang lebih, peratusan yang lebih kerana Tuan Pengerusi, tahun ini pun hampir 40% daripada permohonan untuk elektrik dan elektronik sahaja.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa Yang Berhormat sudah cukup.

Dr. Tan Seng Giaw: Sudah cukup. Saya mematuhi kepada petua Tuan Pengerusi. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Terima kasih, minta kementerian jawab.

11.45 pagi.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Kerk Choo Ting]: Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan tentang kementerian saya. Secara amnya saya ingin memberi maklumat kepada Ahli-ahli Yang Berhormat peruntukan tambahan 1999 yang melibatkan MITI serta agensi-agensinya berjumlah RM11 juta itu bagi aktiviti-aktiviti promosi perdagangan dan pelaburan.

Peruntukan tersebut adalah seperti berikut untuk agensi MITI – RM1 juta, MIDA – RM5 juta, MATRADE – RM5 juta. Jadi, ini berikutan dengan nasihat daripada Majlis Tindakan Ekonomi Negara yang telah mengenal pasti beberapa tindakan pemulihan keyakinan pemasaran negara dan di antaranya adalah mengamalkan dasar-dasar yang liberal dan memperbaiki penyebaran maklumat ekonomi.

Dengan itu misi-misi promosi perdagangan pelaburan yang lebih agresif perlu diperhebatkan. Oleh sebab itu bilangan misi-misi promosi perdagangan dan pelaburan ditambahkan dan ini juga memerlukan peruntukan tambahan dan 12 misi perdagangan dan pelaburan dirangka oleh MITI bagi tahun 1999 tetapi hanya 9 dilaksanakan kerana anggaran itu tidak mencukupi.

Penyertaan MIDA dalam seminar-seminar simposium promosi pelaburan juga ditambahkan dan penyertaan MATRADE dalam beberapa aktiviti tambahan seperti Trade Fare, penubuhan dua *permanent exhibition center* di Dubai dan di Rotterdam dan akhirnya keperluan MIDA dan MITI untuk mempergiatkan aktiviti *media out reach* yang merangkumi perhubungan awam untuk memperbaiki persepsi yang salah mengenai krisis ekonomi dan kewangan serta kawalan modal di Malaysia untuk menarik pelabur-pelabur. Kempen ini adalah melalui *editorial* dan *supplement* perniagaan utama serta majalah-majalah.

Peruntukan sedia ada itu didapati tidak mencukupi dan peruntukan tambahan diperlukan. Jadi, peruntukan tambahan yang diperlukan itu adalah untuk menampung kos-kos tambang perjalanan, penginapan, penganjuran seminar, mesyuarat, perbelanjaan percetakan, penerbitan, produksi elektronik dan sebagainya dan juga aktiviti itu yang berkait termasuk perbelanjaan wakil daripada CUEPACS atau MTUC yang turut sama menyertai rombongan itu.

Seterusnya secara terperinci saya ingin menjawab atau memberi maklumat-maklumat penting kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang membangkitkan isu itu bermula dengan Yang Berhormat bagi Kluang, sungguhpun kes itu ada kait-mengait dengan perkara eksport dan import tetapi bukan tepat tentang perkara ini.

Jadi, untuk perkara yang lain – pelaburan. Pelaburan yang diluluskan pada tahun ini dari Januari hingga Oktober adalah RM13.233 bilion iaitu daripada pelaburan tempatan RM3.788 bilion, daripada pelaburan asing RM9.445 bilion. Ini yang diluluskan.

Berikutan dengan soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Permatang Pauh, iaitu pelaburan asing tahun ini tidak boleh dikatakan berkurangan. Sungguhpun pada tahun 1998, jumlahnya adalah RM13 bilion, tahun ini cuma RM9.445 bilion tetapi angka ini cuma dikutip daripada Januari hingga Oktober, mungkin sampai akhir tahun ini angkanya hampir sama. Jadi, kalau dari segi sektor yang paling hangat, iaitu barangan elektronik dan elektrik.

Tahun 1998, jumlah pelaburan asing cuma RM2.4 bilion tetapi tahun ini RM6.7 bilion. Ini menunjukkan suasana politik di Malaysia tidak menjejaskan pelaburan-pelaburan asing.

Dari segi kawalan kapital pilihan, ini dibuat atas permintaan daripada pelabur-pelabur asing dan juga tempatan sebab kalau mata wang Ringgit Malaysia itu tinggi-rendah perniagaan itu tidak boleh dibuat. Oleh sebab itu, Kerajaan Barisan Nasional menetapkan supaya USD1.00 bertukar kepada RM3.80 sen. Jadi, kita tetapkan ini supaya perniagaan antarabangsa itu boleh dijalankan dengan licin dan ini disambut oleh Malaysia dan di dunia oleh ahli-ahli perniagaan, pengeksport dan pengimport dengan baik. Jadi, dengan kawalan kapital pilihan yang berkenaan dengan perniagaan antarabangsa kepada kementerian kita ini adalah satu dasar dan strategi yang baik dan kita masih teruskan itu sehingga ada

pandangan daripada swasta yang meminta kita membubarkan, barulah kita akan membubarkan itu.

Berkenaan suasana politik, sudah saya tegur dan jawab. Suasana politik di Malaysia sungguhpun ada sedikit pergolakan sana-sini tetapi ini tidak menjejaskan keyakinan pelabur asing.

Berkenaan isu-isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Batang Lupar, saya ingin menjawab begini, kita mempunyai satu dasar untuk memberi insentif-insentif yang lebih banyak dan lebih besar kepada syarikat-syarikat yang melabur di Koridor Pantai Timur yang meliputi Sarawak, Sabah, Kelantan, Terengganu dan sebahagian negeri Pahang. Jadi, kalau hendak tahu apa-apa insentif-insentif itu, bolehlah berhubung dengan MITI ini, kita ada iaitu syarat-syarat yang terperinci supaya boleh..... *[Disampuk]*

Tuan Wilfred Madius Tangau: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada yang minta penjelasan ya, Yang Berhormat bagi Tuaran, ya.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Penjelasan.

Dato' Kerk Choo Ting: Okay.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Yang Berhormat menyatakan beberapa contoh termasuk Sabah untuk menarik pelaburan. Adakah kementerian Yang Berhormat sedar bahawa Kota Kinabalu Industrial Park menghadapi masalah untuk menarik pelaburan dan saya ingin tanya, apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kementerian untuk mempromosikan Kota Kinabalu Industrial Park (KKIP) ini? Terima kasih.

Dato' Kerk Choo Ting: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kita selalu ada mesyuarat dengan Kerajaan Negeri Sabah, berkenaan KKIP itu. Banyak masalah dihadapi oleh pelabur-pelabur di Sabah, itu kita memang tahu - tambang perkapalan, port, tenaga dan juga sumber-sumber alam yang diperlukan untuk memproseskan menjadi barangan keluaran, semua jadi masalah. Jadi, kita sedang mengadakan mesyuarat beberapa kali untuk menyelesaikan ini. Ini bukan kementerian saya yang boleh menyelesaikan perkara-perkara itu.

Tuan Robert Lau Hoi Chew: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat Sibubangun untuk penjelasan.

Dato' Kerk Choo Ting: Saya rasa tidak payahlah. Saya hendak habiskan ini.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat hendak terus.

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Mintalah, minta penjelasan.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi Yang Berhormat.

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Kawan lama. *[Ketawa]* Tolonglah!

Dato' Kerk Choo Ting: Saya memang memahami apa yang dia hendak cakap.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak beri.

Dato' Kerk Choo Ting: Saya boleh bercakap dengan dia selepas

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Ini tidak adil.

Dato' Kerk Choo Ting: Sabah, Sarawak - Sarawak memang banyak. Tadi seorang, Yang Berhormat bagi Batang Lupa sebutkan satu syarikat aluminium yang modalnya lebih kurang RM10 bilion begitu, memang besar. Tetapi insentif-insentif, syarat-syarat dan harga gas dan apa-apa yang diminta oleh syarikat itu, kalau saya dedahkan kepada Yang Berhormat, Yang Berhormat pun akan terbuka mata sama ada kita boleh luluskan atau tidak. Ini bukan terlibat dengan MITI sahaja, ini melibatkan juga dengan kementerian yang lain.

Jadi, kita sedang kaji sama ada kita boleh memberi begitu banyak insentif atau tidak. Kalau boleh ia akan datang. Kalau tidak boleh ia akan pergi. Itulah sebab. Bukan kita tidak mahu, kita memang mahu pelaburan yang begitu besar datang ke Malaysia tetapi syarat-syarat, insentif-insentif yang diminta itu terlalu banyak. Jadi, kita mesti meneliti sama ada itu boleh atau tidak boleh memberi manfaat kepada Sarawak secara jangka panjang atau jangka pendek. Itulah sebabnya.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]: Yang Berhormat Sibubangkit lagi.

Dato' Kerk Choo Ting: Tidak payahlah, saya tidak bagi.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]: Dia tidak bagi.

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Yang Berhormat Timbalan Menteri, beri peluang tentang kepentingan Sarawak, tolonglah.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]: Yang Berhormat Sibubangkit lagi, Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak bagi nampaknya.

Dato' Kerk Choo Ting: Tidak.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]: Ah, dia tidak bagi.

Dato' Kerk Choo Ting: Tidak bagi. Jadi, tapak-tapak perindustrian di Sabah, Sarawak pun banyak diwujudkan. Ini adalah satu syarat yang asas supaya kita menarik pelabur-pelabur tempatan atau pelabur-pelabur asing. Jadi, sebenarnya kita ada merancang satu dasar supaya banyak industri tertumpu di Johorkah, Sabah, Sarawak atau di mana-mana tempat. Kita ada satu konsep untuk taburkan pelaburan yang lebih wajar di Malaysia ini.

Berkenaan dengan isu-isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Tambun yang begitu banyak sehingga[Disampuk]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]: Yang Berhormat Sibubangkit lagi.

Dato' Kerk Choo Ting: Saya tidak bagilah.

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Beri satu kalilah, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]: Dia tidak bagi, Yang Berhormat Sibubangkit lagi.

Dato' Kerk Choo Ting: Ini banyak yang saya akan meliputi.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]: Ya, dia tidak bagi.

Dato' Kerk Choo Ting: Saya[Disampuk]

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Saya kurang fahamlah. Ini tentang kepentingan Sarawak. Saya wakil rakyat Sarawak, saya minta satu soalan sahaja, mengapa tidak beri jalan.

Dato' Kerk Choo Ting:berucap di dalam Jawatankuasa, sebelum saya bangunlah, jangan[*Disampuk*]

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Tadi saya berdiri[*Disampuk*]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat Sibul

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Saya bangun tetapi tidak beri peluang.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat Sibul, dia tidak bagi.

Dato' Kerk Choo Ting: Dia datang lambat. Okaylah, kalau dia datang lambat saya lepaskan.

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Ini semangat Barisan Nasional, malu sekali.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat Sibul, dia bagi.

[Tuan Pengerusi (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Terima kasih. Yang Berhormat Timbalan Menteri kita semua sayangi. [*Ketawa*].

Tadi, saya ingin minta penjelasan. Yang Berhormat Timbalan Menteri kata, syarikat aluminium minta terlalu banyak insentif. Saya ingin tanya, adakah MITI panggil atau minta nasihat (*opinion*) daripada Kerajaan Negeri Sarawak supaya menyiasat bersama dan memberi keputusan bersama. Kalau hanya keputusan dari MITI, saya ingin merayu Kerajaan Pusat cuba minta penasihat dari Kerajaan Negeri Sarawak supaya syarat-syarat atau insentif-insentif mungkin Kerajaan Negeri Sarawak boleh terima kerana Sarawak adalah satu negeri yang lebih kurang sama besar dengan Semenanjung Malaysia. Kita mempunyai sumber yang banyak dan saya harap MITI ini dapat memberi perhatian khasnya untuk potensi *industrialisation* di dalam negeri Sarawak.

Saya ingin minta penjelasan, di samping kita menghantar misi-misi ke negara-negara asing, bolehkah MITI kaji kemungkinan kita adakan satu pameran produk negara seperti di negeri China di Kwangshun atau German di Hanover supaya pembeli-pembeli seluruh dunia akan datang dan runding perdagangan atau kontrak contohnya di negara kita. Ini adalah satu, mungkin lebih berkesan di samping kita menghantar misi-misi ke negara-negara lain. Sekian, terima kasih.

Dato' Kerk Choo Ting: Untuk menjawab Yang Berhormat bagi Sibul berkenaan dengan syarikat memproseskan aluminium itu, saya telah menerangkan bahawa ini bukan sahaja terlibat dengan MITI sahaja, ini terlibat dengan negeri Sarawak, kementerian-kementerian yang lain. Demi satu perbincangan sudah diadakan lebih kurang dua tahun. Sampai sekarang ini kita pun belum membuat satu keputusan sebab projek yang begitu besar kita mesti memastikan supaya projek-projek yang begitu besar memberi manafaat kepada Malaysia. Kita bukan sahaja berunding dengan kerajaan negeri Sarawak, kita juga berunding dengan kementerian-kementerian yang lain dan juga syarikat-syarikat yang berkenaan, kita juga menghantar rombongan demi rombongan untuk mengenal pasti produk itu adalah baik. Jadi, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Sibul berkenaan dengan misi ke luar negeri kita memang ada dan kita selalu menjemput wakil-wakil daripada kerajaan negeri dan syarikat swasta untuk menyertai misi itu. Jadi yang saya tidak dapat jawab itu kita boleh berunding dalam kementerian saya atau di luar Dewan ini.

Berkenaan dengan isu-isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Tambun dia meliputi banyak topik. Dia memberi satu nasihat supaya kita mencontohi agensi-agensi Jepun di luar yang membuat pengkajian lebih terperinci, kemudian maklumat itu diberi

balik kepada Jepun supaya syarikat-syarikat swasta itu boleh mendapat maklumat yang berkenaan. Penyelidikan ini memang mustahak dan saya bersetuju dengan Yang Berhormat tetapi ini tidak boleh dikaji atau dibuat oleh MATRADE sendiri kerana kakitangan-kakitangan MATRADE di luar negeri itu pun kecil jumlahnya. Tetapi ini kalau perlu saya akan bangkitkan kepada kementerian ini supaya kita membuat dasar-dasar atau strategi yang baru. Setakat ini MATRADE cuma dapat data-data *preliminary*, kemudian menyebarkan balik ke dalam MITI atau kepada sektor-sektor yang berkenaan dan juga menolong sesiapa yang hendak memasarkan barangan itu ke luar untuk *preliminary* data. Yang terperinci itu terpulanglah kepada inisiatif syarikat-syarikat swasta tersendiri dan memang memasarkan barangan kepada luar negeri adalah satu perkara yang bukan senang, ia memakan masa dan barangan itu mutunya mesti memenuhi keperluan antarabangsa dan harganya mesti harga yang bersaing. Ini bukan senang.

Berkenaan dengan misi *overseas* itu sebagai *overseas trip*, ini tidak betul, mungkin ada satu dua kakitangan mengambil kesempatan dia pergi ke sana sebagai makan angin tetapi kerjanya pun begitu teruk dan bukan senang hendak kita *organise* satu misi atau rombongan. Banyak kerja kena dibuat. Jadi perbincangan yang lebih serius tidak mencukupi. Ini mungkin kita boleh bangkitkan ke dalam MITI supaya kita cuba memperbaikinya. Selain daripada inisiatif-inisiatif

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, ada yang bangun.

Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya hendak buat *correction* sikit, Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan dari segi *overseas trip* ini melibatkan pegawai-pegawai kerajaan. Yang saya maksudkan bukan pegawai kerajaan tetapi pengusaha yang pergi itu walaupun ditanggung sendiri oleh syarikat tetapi daripada apa yang saya lihat banyak daripada mereka tidak serius dalam soal untuk mengadakan hubungan perdagangan dengan negara yang mereka lawati. Itu yang saya maksudkan.

Dato' Kerk Choo Ting: Terima kasih. Saya mengambil nota itu. Jadi dari segi pasaran dunia saya ingin menjawab ini berkenaan dengan siapa yang membangkitkan perkara ini, Kpong dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain. Sebenarnya MITI sudah cuba menceburi destinasi-destinasi yang baru, jadi market ini juga cuba pergi ke pasaran baru yang telah dikenal pasti itu seperti berikut. Negara-negara Timur Tengah seperti Syria, Lebanon, Iraq, Libya dan Turki dan negara Asean baru iaitu negara Myanmar, Laos, Cambodia, Negara Afrika iaitu Ghana, Muzambique dan Zimbabwe, Negara Carribean iaitu negara Jamaica, Cuba dan juga negara Asia Tengah iaitu Central Asia dengan izin, seperti Mongolia, Republik Boryati, Uzbekistan, Turkministan, Kazakhstan dan Korgistan. Itulah destinasi-destinasi atau pasaran baru yang kita cuba pergi.

Saya hendak jawab berkenaan dengan syarikat swasta. Syarikat swasta kalau hendak keluar memasarkan barangan ke negara luar, syarikat itu mesti mempunyai seorang tokoh atau jiwa atau *the soul of the company*. Dia mesti mempunyai satu kebudayaan korporat yang baik dan juga terlibat di dalam R&D, *brand name* dan *marketing* atau *market network*. Sebab dunia akan datang adalah satu dunia yang bebas dan kita akan menghadapi persaingan yang lebih hebat. Jadi AFTA, WTO akan diwujudkan dan peranan-peranan yang maju dengan peranan-peranan yang sedang membangun pun adalah perbezaan dan berkonflik.

Jadi Kerajaan Malaysia, (MITI) selalu meneliti, menyusuli dan mengambil inisiatif dalam perkara-perkara ini. Jadi yang terperinci itu saya tidak akan panjang lebar di sini.

Saya cuma akan memberi satu maklumat Ahli Ahli Yang Berhormat, eksport pada tahun ini daripada bulan Januari hingga Oktober adalah yang terbesar sekali bukan negara Amerika Syarikat tetapi ASEAN, jumlahnya 60 billion dan yang kedua Amerika Syarikat 58 billion, EU 40 billion, Negara-negara Selatan 27 billion, Jepun 29 billion. Itulah angka daripada Januari sampai Oktober tahun ini.

Berkenaan dengan import yang terbesar sekali pun daripada ASEAN iaitu 46 billion, Jepun 41 billion, USA 35 billion, EU 23 billion, Negara-negara Selatan 13 billion. Jadi berkenaan pelaburan asing apa peranannya di dalam Malaysia ini. Memang benar kalau di dalam teknologi E&E, FDI itu kebanyakannya datang daripada pelabur-pelabur asing. Jadi pelabur-pelabur asing juga mengaku mereka memberi prosesan *manufacturing* itu kepada syarikat-syarikat tempatan, tetapi *R&D product design* dibuat di luar negeri. *Briname packaging* apa pun dibuat di dalam negeri kemudian *marketing* pun dibuat di dalam negeri.

Oleh sebab itu MITI sudah membuat satu Pelan Induk Perindustrian (Industrial Master Plan) untuk tahun 1996-2005 supaya kita membangunkan industri kita masuk ke R&D, masuk ke *product design* juga pergi ke *briname packaging* dan *marketing*, dengan izin, sebab nilai yang kita dapat, nilai yang kita tambah dalam proses itu lebih kurang 20% tetapi di dalam R&D dan *product design* mungkin 40%, *briname marketing* 40%, jadi kita cuma makan tulang sahaja, daging itu itu dimakan oleh syarikat-syarikat FDI. Itu memang betul tetapi kita mesti membuat persediaan supaya kita pun boleh dapat makan daging dengan sendiri, itulah dasar-dasar negara kita.

Berkenaan Kepong, dia mengatakan pelaburan tempatan itu merosot. Sebenarnya pada tahun ini Januari-Oktober pelaburan tempatan cuma 36%, pelaburan asing 64%. Bukan pelabur-pelabur tempatan itu tidak berminat tetapi mereka menghadapi kesan-kesan buruk daripada krisis kewangan. Sampai hari ini baharulah beransur pulih. Jadi dari segi sektor-sektor negara kita begini kita mesti bersiap sedia. Semua industri yang berasaskan sumber alam seperti pertanian, petrochemical dan kemudian kita naikkan menjadi industri teknologi tinggi. Selepas kita berjaya di dalam teknologi tinggi, kita masuk ke industri teknologi maklumat, satu demi satu. *Primary industry* kemudian *secondary industry*, *high-tech industry* kemudian maklumat.

Pada pandangan saya dasar-dasar yang digubalkan oleh kerajaan negara kita itu memang betul. Cuma kita selalu menghadapi cabaran-cabaran daripada luar dan juga ada sedikit kelemahan dalaman. Jadi kelonggaran-kelonggaran untuk eksport, inisiatif-inisiatif untuk eksport.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Tambun.

Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Pengerusi saya bersetuju dengan pandangan Timbalan Menteri tentang perubahan daripada pertanian kepada *manufacturing* kemudian IT dan perlunya kita terlibat dari segi teknologi canggih untuk kita dapat bersaing di peringkat antarabangsa. Saya bersetuju dengan dasar ini memang dilaksanakan oleh kerajaan kita tetapi dia punya *bottom line* adalah sejauh mana sektor swasta kita menepati apa yang dikehendaki oleh kerajaan dari segi penglibatan dalam teknologi-teknologi canggih, dan adakah kerajaan telah membuat analisis dari segi perbandingan mengikut tahun sejauh mana pertambahan penglibatan dalam bidang teknologi canggih dan kita membuat pula perbandingan dengan negara-negara lain. Di manakah kedudukan ataupun *ranking* kita di peringkat antarabangsa?

Dato' Kerk Choo Ting: Terima kasih Yang Berhormat bagi Tambun. Sebenarnya ada, kita sudah membuat dua kajian tentang E&E dengan sektor industri yang lain. Jadi kita menggalakkan syarikat-syarikat tempatan yang membuat kontrak *manufacturing* itu menaik taraf menjadi syarikat-syarikat yang boleh membuat R&D, *product design* mempunyai pasaran tersendiri seperti UNISEM, CARSEM, Long Keng

Tou (LKT), Eng Engineering dan Tongkah Industri, ramai yang kita lihat prestasinya sudah meningkat, Ini sudah ada. Juga kalau kita hendak mencapai ke taraf seperti Silicon Valley, Jepun, Taiwan atau mana-mana negara yang maju maka dasar-dasar pendidikan, dasar-dasar latihan kita kena ubah supaya produktiviti-produktiviti, kemahiran-kemahiran kita dapat meningkat. Kalau tidak ada orang yang boleh membuat perkara-perkara itu segala dasar-dasar, segala cita-cita tidak akan tercapai.

Jadi kita akan nampak banyak dasar sudah diubahsuaikan untuk memenuhi cabaran-cabaran yang akan datang. Sekianlah sahaja, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng] Ahli-Ahli Yang Berhormat masalahnya adalah bahawa wang sejumlah RM11,000,000 untuk Maksud B.20 di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM11,000,000 untuk Maksud B.20 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Maksud B.22 [Jadual]-

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kepala Bekalan B.22 di bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan terbuka untuk dibahas. Sibu

12.18 tgh.

Tuan Robert Lau Hoi Chew [Sibu]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Saya ingin memberi tahniah kepada Tuan Pengerusi kerana telah dilantik menjadi Timbalan Yang di Pertua.

Saya ingin merujuk Maksud B.22 Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan iaitu tambahan sebanyak RM150 juta untuk kempen-kempen yang diadakan oleh kementerian ini.

Tuan Pengerusi di sini saya ingin bertanya daripada jumlah RM150 juta berapakah diberikan untuk mempromosikan industri pelancongan untuk negeri Sarawak. Saya di Dewan yang mulia ini selalu mengutamakan kepentingan negeri Sarawak kerana wakil-wakil rakyat dari negeri Sarawak 28 kita fikir bersama. Era telah tiba untuk Kerajaan Pusat memberi lebih prihatin kepada potensi pembangunan di negeri Sarawak termasuk pelancongan.

Tuan Pengerusi, kita semua tahu Sarawak ialah negeri terbesar di dalam negara kita dan kami di Sarawak mempunyai 26 kaum iaitu mempunyai kebudayaan yang begitu menarik dan lain-lain ciri seperti ecotourism dan lain-lainnya pun begitu berpotensi dan begitu bagus. Saya harap kerajaan pusat akan memberi bantuan kepada kerajaan negeri Sarawak supaya industri pelancongan di negeri Sarawak akan membangun dengan secepat mungkin.

Ini ialah tentang negeri Sarawak, untuk kawasan saya bandar atau kota Sibu ialah satu kota yang begitu unik kerana kami mempunyai satu sungai. Sungai Rajang iaitu sungai yang terpanjang terbesar di negara kita... [Disampuk]... bukan di dunia, di negara kita. Saya telah melawat cruise di Sungai Yang Tse di China dan saya banding dengan ciri-ciri Sungai Yang Tse dengan Sungai Rajang saya fikir potensi untuk membangun satu industri pelancongan river cruise, dengan izin, dari Balaga ke Belawit di dalam Sungai Rajang mungkin lebih menarik daripada Sungai Yang Tse di China.

Saya ingin bertanya adakah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan di kerajaan pusat pernah mempromosikan Sungai Rajang di dalam kempen-kempen mempromosikan pelancongan di luar negeri. Kalau tidak, masanya sudah tiba untuk kementerian beri perhatian mungkin mengirim pakar-pakar atau kakitangan-kakitangan pergi melawat Sarawak bersama dengan Kementerian Pelancongan di negeri Sarawak menyiasat apakah potensi-potensi di negeri Sarawak supaya boleh mengeluarkan satu pamphlet atau video presentation lebih balance untuk.....

Tuan Che Ghani bin Ambak: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Sibu, Setiu bangun.

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Nanti. Ini tentang Sarawak. Tuan Pengerusi, beberapa kali di Dewan yang mulia ini saya telah mencadangkan dasar langit terbuka - (*open sky policy*) dilakukan oleh kerajaan pusat. Di Sarawak pintu masuk antarabangsa untuk penerbangan antarabangsa ialah Kuching sahaja seperti di sini Ipoh untuk Perak, Penang untuk Penang, saya fikir ini tidak adil kerana Sarawak, tadi saya telah katakan jangan dilupakan. Geografi negeri Sarawak lebih kurang besar dengan Semenanjung Malaysia tanpa Perlis iaitu satu pintu masuk untuk penerbangan antarabangsa untuk Sarawak tidak cukuplah. Contohnya dari Kuching ke Lawas, pakai [*Disampuk*] – bukan jalan kakilah, pakai pesawat mungkin tiga jam lebih jauh dari Penang ke Johor Bharu iaitu jangan lupa the *facts*.

Saya merayu dengan ikhlas kalau mahu membangunkan industri pelancongan di negeri Sarawak, membuka langit untuk lapangan Sibu dan Miri perlu ditimbang dan dilaksanakan. Janganlah menjaga kepentingan MAS atas '*on cost*' pembangunan industri pelancongan negeri Sarawak.

Tuan Pengerusi, RM150 juta ini jumlahnya cukup besar saya ingin tahu bahagiannya untuk Sarawak berapa? Dan akhir kata, sekali lagi saya merayu dengan ikhlas kepada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan berilah pegawai-pegawai ke Sarawak termasuk menteri dan timbalan menteri supaya memberi bantuan kepada kami di Sarawak supaya Sarawak boleh maju sama cepat dengan negeri-negeri di Semenanjung Malaysia. Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Rasah.

12.27 tgh.

Datuk Goh Siow Huat [Rasah]: Tuan Pengerusi, saya memang bersetuju dengan satu peruntukan yang besar berjumlah RM150 juta untuk membiayai promosi pelancongan di peringkat antarabangsa. Soalan saya adakah kementerian menyediakan satu peruntukan membantu tempat-tempat yang berpotensi pelancongan seperti tempat bersejarah supaya membangunkan tempat-tempat ini dengan pesatnya. Jika ada berapa banyak peruntukan itu. Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kemaman.

12.28 tgh.

Tuan Abdul Rahman bin Yusof [Kemaman]: Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya ingin menarik perhatian Dewan kepada perbelanjaan tambahan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan yang menelan belanja yang cukup tinggi iaitu RM150 juta. Apakah kempen pengiklanan mempromosikan Malaysia ini tidak dipikul sama oleh pihak swasta oleh kerana yang menerima banyak manfaat dari promosi kita di luar negara ialah pihak swasta. Kalau kita lihat *brochure* yang dikeluarkan di luar negara kita lihat banyak hotel dan yang paling menyedihkan Malaysia di *promote* sebagai destinasi perjudian dan pengalaman saya di luar negara sama ada di Jepun ataupun di Eropah ataupun di Amerika tidak ketinggalan Malaysia dipromosikan sebagai tempat destinasi

perjudian. Apakah syarikat-syarikat ini tidak membabitkan sama ataupun membelanjakan sama dalam mempromosikan Malaysia.

Yang kedua, saya ingin mengetahui bahawa usaha mempromosikan Malaysia ini berjaya atau tidak? Apakah kerajaan Malaysia menggunakan petanda atau 'benchmark' agar segala perbelanjaan mempromosikan Malaysia ini benar-benar memberi pulangan yang baik kerana kalaulah kita buat sesuatu program seperti berlaku di mana kita menarik pelancong-pelancong dari kalangan homoseksual, gay dan lesbian melalui konvensyen AIDS, adakah ini merupakan satu kejayaan dalam mempromosikan Malaysia ke luar negara.

Dan yang ketiganya ialah apakah piawaian yang digunakan Malaysia ini untuk mempromosikan Malaysia setaraf dengan piawaian yang digunakan di negara yang kita iklankan. Contohnya di Jepun, sama ada benar ataupun tidak, *brochure* mengatakan bahawa di Kuala Lumpur ini hanya ada dua sahaja hotel bertaraf lima bintang iaitu Hotel Istana dan Hotel Shangri-La. Tetapi anggapan di kalangan rakyat Malaysia di Kuala Lumpur ini banyak hotel bertaraf lima bintang. Tetapi apakah taraf lima bintang yang kita iktiraf di kalangan masyarakat kita ini sama dengan taraf lima bintang yang diiktiraf dari negeri Jepun.

Dan keempatnya ialah mengenai kemudahan-kemudahan prasarana seperti tandas yang bersih, longkang yang bersih, kenderaan yang selesa dan sebagainya perlu diberi perhatian yang serius dan juga tandas-tandas di masjid-masjid perlu diberi perhatian juga kerana banyak pelancong dari kalangan orang Islam menggunakan tandas di masjid-masjid. Banyak masjid yang tandasnya tidak begitu bersih dan ini memberikan imej yang buruk terutamanya kepada masyarakat Islam itu sendiri. Jadi perhatian juga diberikan kepada kebersihan kemudahan awam terutamanya di masjid.

Pelancong-pelancong tempatan perlu jugalah diberi keistimewaan jangan saja kita memberi keistimewaan kepada pelancong-pelancong asing sahaja kerana kalaulah keistimewaan hanya diberi kepada pelancong asing maka rakyat tempatan akan ke luar negara untuk melancong. Tidak memilih Malaysia sebagai tempat pelancongan dan oleh kerana ini melibatkan pengiklanan, saya ingin juga mengetahui sama ada kerajaan kita mengamalkan satu dasar untuk menghormati etika pengiklanan.

Apa yang berlaku pada pilihan raya baru-baru ini banyak iklan yang ditaja oleh parti pemerintah menggunakan kaedah yang tidak beretika langsung iaitu memburuk-burukkan parti lawan dan ini merupakan satu yang bertentangan dengan etika pengiklanan yang dipraktikkan di mana-mana negara. Sekian, terima kasih.

12.32 tgh.

Tuan Haji Husam bin Haji Musa [Kubang Kerian]: Terima kasih kepada Tuan Pengerusi. Saya ingin mengambil bahagian di dalam membincangkan peruntukan tambahan kepada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan yang berjumlah RM150 juta dan peruntukan ini adalah khusus untuk kempen pengiklanan di peringkat antarabangsa oleh Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia. Sehubungan dengan itu saya ingin mendapatkan penjelasan daripada pihak kerajaan bagaimanakah urusan penganugerahan kontrak promotion ini dilakukan dan adakah ianya dijalankan secara tender terbuka ataupun secara runding dan siapakah atau kementerian manakah yang mengendalikan urusan pemberian kontrak ini kepada syarikat-syarikat yang berjaya.

Yang kedua ialah bolehkah pihak kerajaan menamakan syarikat-syarikat yang telah pun mendapat kontrak ini dan jumlah peruntukan yang telah diberikan oleh tiap-tiap syarikat yang terlibat dan sama ada syarikat ini adalah syarikat dalam negara atau pun luar negara dan yang ketiga ialah kita tahu bahawa kerajaan telah menganjurkan atau menjadi tuan rumah kepada *Formula One* dan SUKOM dan salah satu daripada tujuan penganjuran

ini ialah untuk memperkenalkan Malaysia secara lebih luas kepada komuniti antarabangsa dan kerajaan telah membelanjakan wang yang sebegitu besar bagi tujuan-tujuan ini. Saya hairan mengapa kerajaan masih memerlukan peruntukan tambahan yang sebegini besar untuk tujuan promosi sedangkan kita telah pun mempunyai aturcara-aturcara yang telah menelan belanja yang juga amat besar bagi tujuan yang sama. Adakah ini tidak berlaku satu pertindihan lebih-lebih lagi ini adalah satu anggaran tambahan.

Jika kita membandingkan dengan anggaran asal yang disertakan dalam Ringkasan Peruntukan Asal dan Peruntukan Tambahan di akhir daripada kertas yang telah dibentangkan, kita lihat bahawa untuk B.22 Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan anggaran asal 1999 ialah hanya RM139 juta tetapi anggaran tambahannya adalah jauh lebih besar daripada anggaran asal iaitu berjumlah RM150 juta dan ini menunjukkan bahawa anggaran ini telah diperolehi secara yang begitu *ad-hoc*. Adakah dengan tiba-tiba negara memerlukan satu peruntukan yang begini besar bagi tujuan promosi yang tidak difikirkan pada masa kita merangka anggaran perbelanjaan bagi kementerian ini pada awal tahunnya. Jadi ini sudah tentu menimbulkan satu tanda tanya apakah faktor-faktor yang telah mendesak yang begitu penting dan kritikal sehingga kita memerlukan anggaran yang begini besar.

Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan dukacita saya selaku ahli baru Dewan ini kerana Menteri-menteri kita hari ini tidak hadir. Saya faham bahawa Menteri kita ada Mesyuarat Kabinet...

Tuan Pengerusi [Dato' Lim Si Cheng]: Ya, Mesyuarat Kabinet.

Tuan Haji Husam bin Haji Musa: Tetapi saya fikir untuk tujuan kemuliaan Dewan ini dan kerana kita hanya bersidang dalam masa yang singkat, hanya empat hari dan akan berakhir pada hari esok- hari Khamis, Kabinet wajar pinda tarikh mesyuaratnya pada hari yang lain bagi membolehkan semua menteri ini hadir dan menunjukkan penghormatan kepada Dewan ini. Dan ini selaras dengan apa yang telah diserukan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa semua pihak yang telah dipilih oleh rakyat, memandang berat urusan persidangan kerana saya rasa dari sinilah menteri-menteri ini dapat *feedback* dan akhir sekali ialah saya hendak menyambung apa yang telah disuarakan secara begitu tulus ikhlas daripada Yang Berhormat bagi Sibul iaitu urusan-urusan untuk meningkatkan kemudahan-kemudahan dan persediaan destinasi pelancongan dan saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kerajaan.

Berasaskan jumlah RM150 juta adalah untuk tujuan promosi semata-mata dan peruntukan keseluruhan bagi Kementerian ini hanya 139 juta, saya ingin mendapatkan penjelasan dan gambaran. Berapakah sebenarnya peruntukan yang telah diuntukkan kepada kementerian ini untuk membangunkan destinasi pelancongan termasuk di Sarawak yang saya bersetuju dengan pandangan Ahli Yang Berhormat bagi Sibul mempunyai potensi yang begitu besar dan seperti yang kita maklum bahawa di dalam industri pelancongan, kita memerlukan 5A dan salah satu daripada 'A' itu ialah *accessibility* - kemudahan untuk pelancong-pelancong *access* kepada destinasi-destinasi yang telah kita bangunkan dan saya dengan ini menyokong dengan pandangan Ahli Yang Berhormat bagi Sibul supaya kerajaan lebih serius untuk memandang industri pelancongan dalam perspektif *nation wide*, dengan izin, iaitu bukan saja tertumpu kepada negeri-negeri tradisi tetapi juga membangun potensi-potensi yang sedia ada dan saya mengucapkan terima kasih di atas kesempatan ini. Sekian.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Padang Serai dijemput dan selepas ini saya minta kementerian yang berkenaan menjawab.

12.39 tgh.

Puan Lim Bee Kau [Padang Serai]: Terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Pengerusi kerana memberi peluang kepada saya walaupun peluang terakhir untuk berbahas berkenaan dengan topik ini.

Tuan Pengerusi, saya ingin mendapat penjelasan berkenaan dengan angka yang begitu besar sekali yang telah dibelanjakan untuk kempen pengiklanan di peringkat antarabangsa. Jadi saya ingin mendapat penjelasan sama ada angka yang sebesar ini adalah kebanyakan atau pun semata-mata untuk membuat promosi di beberapa projek besar yang telah negara kita laksanakan dan sebahagian besar atau pun sebahagian yang lebih itu kerana cara pengiklanan yang dijalankan di peringkat antarabangsa, adakah secara amnya dengan promosi-promosi seperti yang kita dapati sekarang adalah secara am berkenaan memperkenalkan tempat-tempat pelancongan bagi negara kita.

Saya ingin mendapat penjelasan dan juga kalau pihak kementerian tidak mempunyai secara khususnya promosi yang lebih khusus kepada negara-negara kerana negara-negara yang mempunyai minat adalah berlainan. Jadi seperti yang kita dapati ada sesetengah negara, minat pelancong untuk melancong ke sesuatu tempat adalah berlainan misalnya di tempat-tempat yang maju, kebanyakan daripada pelancong minat mereka ialah mungkin dari segi *ecotourism*. Di sesetengah negara mungkin dari segi *shopping* dan di sesetengah tempat mungkin dari segi pelancongan.

Jadi, saya hendak cadang atau hendak minta kebijaksanaan kementerian untuk mengadakan promosi yang lebih khusus kepada sasaran yang kita tujukan dan mungkin kementerian boleh memberi lebih teliti lagi tentang sasaran negara-negara yang kita mengadakan kebanyakan promosi, sebab mungkin setengah-setengah negara tidak mempunyai kemampuan untuk melancong. Jadi, tidak payahlah kita mengadakan promosi di tempat-tempat sedemikian. Mungkin kita patut mengadakan sasaran kepada negara-negara yang memang penduduk di situ selalunya melancong ke tempat-tempat lain. Dari segi ini mungkin kita boleh dapat hasil ataupun mencapai kejayaan yang lebih besar lagi daripada promosi yang kita buat, sebab angka yang kita belanja itu adalah angka yang besar. Jadi, saya khuatir kalau angka yang kita belanja itu tidak dapat hasil ataupun kejayaan yang setimpalnya. Ini yang saya hendak bangkitkan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

12.42 tgh.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Dato' Dr. Ng Yen Yen]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Kepong, Batang Lupar, Bandau, Kubang Kerian, Kepong, Pokok Sena, Sipitang, Bagan Serai, Sibul yang mengambil bahagian dalam perbahasan berkaitan dengan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan khususnya dalam bidang pelancongan. Seperti kata pantun orang tua-tua:

Tenang air di laut,

Sampan kolek mudek ke Tanjong,

Hati terkenang mulut tersebut,

Saranan tuan-tuan dan puan-puan tetap disanjung.

Tuan Pengerusi, peruntukan tambahan sebanyak RM150 juta khusus untuk digunakan bukan sahaja untuk pengiklanan secara kefahaman tradisi, tetapi pengiklanan yang mana makna luas. Ia termasuk untuk melaksana strategi, permasalahan antarabangsa dan domestik secara menyeluruh berdasarkan empat *marketing makes*, iaitu pengiklanan. Untuk menjual secara agresif pakej lawatan acara yang sedia ada kepada pasaran yang

disasar bagi meraih pulangan yang cepat melalui media cetak dan elektronik. Kempen pengiklanan adalah berteraskan *tactical* dan *event base*, dengan izin, bagi acara-acara utama seperti Formula One, seperti *Le Tour* di Langkawi, *World Cup Golf* dan lain-lain. *Cooperative advertising* juga akan diadakan bagi promosikan pakej-pakej pelancongan dan menarik kehadiran acara-acara MICE – bukan tikus ya, tetapi *meeting, incentive, conference* dan *exhibition*, dengan izin, ke Malaysia. Pengiklanan di elektronik serta di Internet seperti di Laman Web; <http://tourism.government.my>. Jikalau sesiapa hendak tuliskan website kita. Dari tahun 1999 laman ini telah dikunjungi oleh setengah juta orang.

Tujuan promosi ialah sebagai pelengkap kepada usaha pemasaran untuk mewujudkan impak. Tuan Pengerusi, pada tahun 1998 perbelanjaan rakyat Malaysia yang melancong luar negara dianggarkan hampir RM1.5 bilion. Ini satu jumlah yang begitu besar melaksanakan kempen promosi domestik yang agresif bagi menggalakkan pelancongan domestik untuk menjadi pemangkin ke arah menggalakkan ekonomi setempat dan mengekang pengeluaran keluar mata wang asing.

Tuan Pengerusi, kempen pelancongan domestik bertemakan 'Cutu-cutu Malaysia' telah dilancar pada bulan September 1999. Kempen ini akan dilanjutkan untuk tempoh dua tahun dan bertujuan untuk menerapkan nilai budaya cuti terancang dan menjadikan percutian satu keperluan hidup rakyat Malaysia.

Tuan Pengerusi, promosi antarabangsa – melancarkan kempen promosi antarabangsa yang akan dilanjutkan untuk tempoh dua tahun pada Oktober 1999 sempena perarakan Citrawarna Malaysia bertemakan '*Malaysia Truly Asia*' untuk meletakkan Malaysia sebagai destinasi top of the my destination di peringkat serantau dan antarabangsa. Untuk menggalakkan kempen ini penganjuran misi galakan dan pernyataan pameran-pameran antarabangsa akan digiatkan lagi. Aktiviti-aktiviti termasuk *Malaysia on Wheels, Malaysia Trade Fair*....

Tuan Haji Husam bin Haji Musa: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, ada yang bangun

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Nanti saya habiskan, tidak banyak masa. Jualan terus di tempat beli-belah di Beijing, di Kuanjo dan di Shanghai.

Perhubungan awam – tujuan perhubungan awam ialah untuk memantapkan imej Malaysia di pasaran yang dikenal pasti. Program perhubungan awam meliputi hubungan mesra dengan pihak media serta personality yang berpengaruh akan diusahakan dengan bantuan pegawai peringkat tertinggi. Aktiviti lawatan suai kenal bagi wakil media asing untuk menggalakkan penulisan tentang Malaysia, wakil agensi pelancongan dan crew station TV, film akan dipertingkatkan lagi.

Tuan Pengerusi, penyebaran maklumat – tujuan penyebaran maklumat ialah untuk menyalurkan maklumat secara berterusan dan efektif. Melalui program ini kementerian telah mengadakan penerbitan mingguan *Weekly Travel Supplement* dengan kerjasama akhbar tempatan terutamanya *Utusan Malaysia, Straits Times, Star, Sin Chew Jit Poh*, dan juga *Singapura Straits Times* dan *Lien He Jit Poh*. Haraplah Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini bacalah tiap-tiap minggu, pada hari Selasa – *Utusan Malaysia*, pada hari Rabu – *Straits Times* dan sila maklum balas kepada kerajaan.

Tuan Che Ghani bin Che Ambak: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, ada yang bangun.

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Nanti saya habiskan. Tuan Pengerusi, untuk mendapat pulangan yang terbaik di dalam masa yang terdekat kerajaan menjalankan kempen *tactical*

yang agresif dengan memberi fokus kepada pasaran-pasaran strategik iaitu negara yang kurang menerima kesan krisis ekonomi seperti Australia, India, Timur Tengah, Eropah dan USA, pasaran serantau seperti Singapura dan Thailand dan juga pasaran yang mempunyai ramai penduduk berketurunan Cina yang berpotensi untuk keluar melancong seperti China, Taiwan, Hong Kong dan Indonesia. Sasaran kita untuk tahun 2000 ialah hampir 1 bilion pelancong dari penduduk keturunan Cina.

Tuan Che Ghani bin Che Ambak: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, ada yang bangun.

Tuan Che Ghani bin Che Ambak: Yang Berhormat, boleh saya beri sedikit penjelasan.

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Ada yang minta izin, belum lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Timbalan Menteri tidak beri jalan.

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Tuan Pengerusi, pecahan peruntukan tambahan RM150 juta ialah seperti berikut; aktiviti pengiklanan – RM90 juta, aktiviti promosi – RM30 juta, aktiviti perhubungan awam – RM20 juta dan aktiviti penyebaran maklumat – RM10 juta. Peruntukan ini adalah penting untuk jangka masa dua tahun, bukan untuk tahun 1999 sahaja tetapi akan masuk tahun 2000.

Menjawab kepada Yang Berhormat bagi Kubang Kerian.....

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat dari Arau bangun.

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Saya ingat kita berlaku adil ya. Jika saya tidak beri kepada pembangkang, saya juga tidak beri kepada orang kita juga ya. Biar saya adil di sini.

Tuan Pengerusi, syarikat-syarikat yang dilantik untuk kerja-kerja pengiklanan adalah Syarikat Intergrated Strategic Communication Sdn. Bhd. untuk pasaran Eropah, Timur Tengah, Amerika dan Australia dan Syarikat Naga DBB Sdn. Bhd. untuk pasaran China, Hong Kong, Singapura, Taiwan, India dan orang-orang China di merata dunia, dan Syarikat Spencer-Azizul Advertising Sdn. Bhd. untuk pasaran domestik. Syarikat-syarikat tersebut dilantik mengikut *prosedur* biasa, bukan berunding tetapi dengan tender dan yuran yang dibayar kepada syarikat-syarikat bukan begitu milion tetapi *commission* sahaja di atas kerja pengiklanan. *Commission* mereka ialah 12%. *Commission* di pasaran sekarang, the *market price* sekarang ialah 17.65%. Jadi, kita sekarang sahaja beri 12%.

Tuan Pengerusi, peruntukan tambahan RM150 juta ini adalah berpatutan selaras dengan sumbangan bidang pelancongan di dalam ekonomi negara nombor dua selepas sektor pembuatan, tetapi untuk tahun 1998 jatuh ke tangga ketiga dan tempatnya diambil oleh sektor kelapa sawit. Memang tahun 2000 jikalau harga kelapa sawit tidak begitu tinggi, saya harap pelancongan kita akan naik ke tangga kedua pula.

Pada tahun 1996 jumlah ketibaan pelancong asing ke Malaysia adalah 7.1 juta dan perbelanjaan mereka di Malaysia ialah RM10 bilion. Pada tahun 1997 sebanyak 6.2 juta dan perbelanjaan di Malaysia sebanyak RM9.6 juta dan tahun 1998 seramai 5.5 juta dan perbelanjaan mereka sebanyak RM8.5 bilion, maknanya tidak naik.

Tuan Pengerusi, bulan Januari sehingga Ogos 1999 ketibaan pelancong telah meningkat 30% kepada 4.3 juta orang berbanding 3.3 juta orang bagi tempoh yang sama tahun 1998. Sekiranya pertumbuhan ini berlanjutan, sasaran pelancong seramai 6 juta dapat dicapai.

Tuan Pengerusi, prestasi sektor pelancongan telah menurun pada tahun 1997/1998 akibat daripada beberapa isu dari krisis seperti jerebu, wabak penyakit, kegawatan ekonomi serantau dan laporan negatif media asing. Oleh sebab itu, untuk mengembalikan keyakinan pelancong asing, maka kerajaan perlu berusaha agresif dan intensif dan nampaknya laporan negatif sekarang sudah *dineutralised* oleh promosi kerajaan yang begitu intensif.

Peruntukan tambahan ini juga dapat mengatasi masalah kenaikan kos dan pertukaran mata wang asing. Ia juga dapat membantu Malaysia bersaing dengan negara-negara jiran seperti Singapura dan Australia.

Tuan Pengerusi, jikalau bandingkan kos promosi kita dengan negara jiran kita, pada tahun 1998 Australia Tourism Commission dapat RM189 million untuk promosi, Tourism Thailand – RM232 million sahaja untuk promosi dan Singapore Tourism Board – RM200 million dan Malaysia Tourism Board tahun 1998 – RM60 million, macam mana kita hendak *compete* dengan negara-negara ini?

Tuan Pengerusi, dengan peruntukan ini, adalah diharapkan Malaysia akan dapat mencapai sasaran ketibaan pelancong seramai 8.5 juta orang dengan perbelanjaan pelancong berjumlah RM14.7 bilion pada tahun 2000. Dengan promosi yang lebih agresif adalah diharap dapat membendung rakyat Malaysia melancong ke luar negara dan membendung pengaliran wang ke luar.

Tuan Pengerusi, *religious tourism*, dengan izin, adalah salah satu aspek yang diutamakan oleh kerajaan. Bangunan-bangunan seperti masjid, tokong-tokong, kuil-kuil yang sedia ada merupakan destinasi yang diminati oleh pelancong khususnya pelancong luar negeri.

Di samping itu, usaha juga dilakukan oleh kementerian untuk mempromosikan perayaan-perayaan seperti Hari Raya Aidilfitri, Thaipusam, Hari Wesak, Hari Deepavali untuk menarik lebih ramai pelancong.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Okay saya beri satu chance.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya terkejut apabila Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan *religious tourism* ataupun pelancongan keagamaan digalakkan. Saya kurang pasti mengenai hal ini. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan perkara ini, adakah ini di antara satu perkara yang mendorong kewujudan tokong-tokong secara haram di beberapa kawasan Melayu tanpa mengambil kira sensitiviti masyarakat lain di sesetengah kawasan kerana saya sendiri pun berhadapan dengan masalah kewujudan tokong-tokong secara haram yang dikaitkan dengan rekreasi dan juga pelancongan. Adakah ini di sebalik cerita-cerita ini? Terima kasih.

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Tuan Pengerusi, masa kita sebutkan *religious tourism* yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Pokok Sena, maknanya lebih luas macam pelancong asing datang, dia buat satu *appreciation* kuil-kuil dan tokong-tokong, bukan pergi buat apa-apa sembahyang atau kita bukan panggil dia masuk buat apa-apa yang khas untuk agama itu. Itulah, dengan izin, *that is the meaning of religious tourism* yang begitu luas lagi.

Tuan Pengerusi, selain dari itu, pelancongan berasaskan aktiviti kebudayaan Malaysia yang pelbagai budaya, ini adalah satu kekuatan yang ada pada Malaysia di dalam mempromosikan negara kita. Kerajaan telah mengguna unsur-unsur berkaitan perkara ini seperti tarian-tarian, makanan-makanan dan juga cara hidup rakyat Malaysia seperti Sabah – Keamatan Festival, Sarawak – Gawai Festival, hari mereka dan lain-lain.

Tuan Jimmy Donald: Tuan Pengerusi, terima kasih. Yang Berhormat Timbalan Menteri, tentang hal mempromosikan kebudayaan, saya nampak dari masa ke semasa rombongan yang dibawa ke luar negara untuk mengiklankan kebudayaan kita, mereka mengatakan mereka mempromosikan kebudayaan dari masyarakat Iban, masyarakat Orang Ulu, masyarakat Kenyah, tetapi kita nampak orang yang dibawa itu bukan dari kaum etnik itu, hanya sample. *[Ketawa]*

Oleh kerana saya ini pada satu ketika dahulu datang dari *civil service*, perkhidmatan awam dan saya nampak orang dari *civil service* ini kadang-kadang dia terlalu 'Kuala Lumpur centred' ataupun 'Semenanjung centred' dan apabila mereka hendak menunjukkan kebudayaan tarian, mereka melihat video tape dari Sarawak dan dia gunakan orang dia dari Semenanjung ini. Kita dari Sarawak ini kita sungguh tersinggung melihat apa yang mereka pertunjukkan itu sungguh berlainan dan memalukan kita dari Sarawak ini.

Saya mintalah dari Yang Berhormat Timbalan Menteri yang baru, yang saya nampak dinamik, aktif dan berkemampuan akan menentukan apabila mengiklankan sesuatu dari Sarawak dan Sabah gunakanlah orang Sarawak, orang Sabah dan bahan-bahan dari Sarawak dan Sabah. Minta komen dari Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Tuan Pengerusi,

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, masa sudah cukup, Yang Berhormat diminta sambung petang ini.

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Dewan bersidang semula.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang ini.

Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Tuan Yang di-Pertua: Mesyuarat dalam Jawatankuasa. Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan B.22 dikemukakan semula untuk dibahas. Ya sila.

2.31 ptg.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Dato' Dr. Ng Yen Yen]: Tuan Pengerusi, Malaysia pada masa yang sama perlu meletakkan negara kita di peta pelancongan dunia. Dunia ini, yang sekarang begitu kecil dengan kemajuan pengangkutan dan kelajuan menghantar maklumat. Kita perlu selalu bersaing dalam semua aspek dengan negara lain di bidang pelancongan. Untuk membolehkan kita bersaing dibidang pelancongan mereka, kita perlu menganjurkan acara-acara peringkat dunia seperti Formula One dan pertandingan golf dunia. Antara keuntungan Formula One adalah 30 ribu peminat Formula One dari luar negara yang datang ke Malaysia untuk menyaksikan event tersebut.

Justeru itu, keuntungan bukan sahaja kepada negara tetapi untuk negeri-negeri juga yang mengambil peluang masa itu untuk mempromosi negeri mereka. Sumbangan setiap negeri adalah semasa perarakan 'Citrwarna' Malaysia yang diadakan sewaktu acara Formula One.

Tuan Mahfuz bin Haji Omar: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Hendak beri jalan atau tidak.

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Tidak Tuan Pengerusi, saya hendak habiskan ini. Di mana penonton dapat melihat keunikan dan keindahan dan kebudayaan sesuatu negeri dan juga hotel-hotel di Lembah Kelang dan Kuala Lumpur telah penuh semasa *race* tersebut. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, Formula 1 telah disaksikan oleh sejumlah 660 juta penonton di seluruh dunia. Dengan kata lain sejumlah 660 juta orang di dunia telah mengenali Malaysia di dalam satu *event*. Saya kira semua Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini perlu memahami *impact* 660 juta penonton dari seluruh dunia di dalam satu *event* dapat pengetahuan tentang kemajuan Malaysia, tentang Malaysia boleh menganjurkan acara yang bertaraf dunia. Ini tanpa mengira semula Yang Berhormat dari mana-mana parti yang setia pada negara, harus berbangga dengan pencapaian kita.

Tuan Pengerusi, keuntungan dari penjimatan pengiklanan adalah begitu besar, di mana sebagai contohnya, di Jepun untuk pengiklanan sesuatu di video elektrik televisyen

.....

Tuan Mahfuz bin Haji Omar: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Pokok Sena bangun Yang Berhormat.

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Tuan Pengerusi, saya hendak habiskan, tidak banyak lagi.

Tuan Mahfuz bin Haji Omar: Sampai habis tidak ada apa.

Dato' Dr. Ng Yen Yen: berharga RM1 milion 1 minut. Jadi, kita ada mengiklankan, kita ada 6 jam bermakna kos pengiklanan di televisyen dekat RM360 milion yang kita jimatkan. Pengiktirafan Malaysia oleh seluruh dunia yang dicapai oleh Formula One tidak boleh dinafikan dan ia akan menjadi satu *event* tahunan.

Tuan Pengerusi, saya memang faham bahawa ada setengah pihak mendakwa macam-macam seperti membazir wang dan lain-lain terhadap Formula One tetapi untuk makluman Dewan yang mulia ini, adakah Yang Berhormat dan dari pihak pembangkang sedar bahawa imej Malaysia di kaca mata dunia. Malaysia, dengan izin, *is now on the world map*. Sebenarnya negara jiran kita, Singapura begitu kkuatir tentang usaha Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri dalam acara Formula One dan mengikut laporan *The New Straits Time Singapore* pada 5 Disember ada berkata, di muka pertama

Tuan Mahfuz bin Haji Omar: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Hendak beri jalan atau tidak.

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Tuan Pengerusi, tidak. Berita yang tersiar di Singapura *The New Straits Times*, 5 Disember, muka pertama yang menyiarkan, dengan izin, *I shall read: "Expressed the concern that Malaysia has put a lot of effort, a lot of thinking into the two events, it did not happen by chance, but very careful thinking. Its express the very shuttle concern of Singapore about the role Malaysia will take, will overtake Singapore in tourism."*

Tuan Pengerusi, jadi, mengenai isu minum arak semasa acara Formula One. Perkara ini dilakukan oleh pelancong luar negeri yang menjadi kebiasaan bagi negara mereka. Pihak kementerian tidak

Tuan Mahfuz bin Haji Omar: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Hendak beri jalan atau tidak.

Tuan Mahfuz bin Haji Omar: Yang Berhormat, sepatutnya Yang Berhormat harus memberikan peluang untuk saya menyoal balas.

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Sabar, sabarlah, saya dah kata, saya hendak habis. Bagi saya habis dahulu. Saya tidak bagi menjelaskan. *[Disampuk]*

Pihak kementerian tidak terlibat langsung di dalam perkara ini. Apa yang penting pada kita ialah membangunkan rakyat kita Malaysia yang begitu berkeyakinan dan ada nilai hidup yang murni dan dengan ini mereka boleh mempertahankan diri daripada gejala-gejala kurang sihat seperti homoseksualiti, minum arak dan judi.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Bagan Serai ada membangkitkan persoalan mengenai promosi pelancongan kepada perkara-perkara yang lebih khusus. Kementerian memang melakukan promosi pelancongan mengikut perkara-perkara yang lebih khusus. Contohnya kita mempromosikan *ecotourism, sports tourism, makanan, shopping* 'beli belah' dan pejabat kita – 18 pejabat kita di luar negeri ada selalu buat kajian di atas apa yang sesuai untuk buat promosi untuk menarik pelancong dari negara luar masuk ke negara kita. Kita pun ada satu bahagian penyelidikan di kementerian yang membuat kajian dari masa ke semasa untuk menentukan apa yang pelancong luar negeri hendak semasa mereka datang melancong di sini.

Yang Berhormat bagi Kemaman bertanya apakah pihak swasta turut sama terlibat dalam mempromosi pelancongan. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, pihak swasta memang terlibat dalam mempromosi pelancongan ini dengan cara memberi kemudahan penginapan dan juga pengangkutan dalam negeri semasa lawatan suai kenal oleh media asing dan juga *travel agent*. Dan buat masa ini kita memang tidak ada sesuatu *benchmark* untuk mengukur keberkesanan kempen promosi pelancongan tetapi cara terbaik bagi mengukur keberkesanan promosi pelancongan ialah jumlah ketibaan pelancong asing dan pelancongan domestik.

Untuk makluman Yang Berhormat, bahagian penyelidikan kementerian kita sedang pun menjalankan kaji selidik untuk mengatasi masalah ini.

Tuan Pengerusi, untuk makluman Yang Berhormat, kementerian memang mempromosi semua negeri di negara kita dan ada menyediakan kalender *event*, kalender Malaysia, *calendar of event, Malaysia fascinating destiny, a showcase of event* dan di dalamnya semua negeri ada maklumat itu dan terdapat di negeri-negeri. Jika Yang Berhormat berminat bolehlah menulis ke kementerian untuk lawatan dan kita akan berikan taklimat. Dan harap jangan ikut macam dulu, semasa kementerian memberi taklimat, sangat kurang Ahli-ahli Yang Berhormat yang datang di taklimat itu lepas itu tanya soalan banyak-banyak yang polisi yang patut sudah tahu.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Sibul yang membangkitkan soalan tentang kemudahan *open sky*, dan *river cruise* dan juga pembangunan di Sarawak. Kementerian dari masa ke semasa memang mengadakan perbincangan dengan pihak MAS tentang kemudahan pengangkutan ke Sarawak, dengan izin, "*we share your concern*" apa Yang Berhormat dari Kubang Kerian saya kata *I think*, yang *accessibility* yang begitu mustahak dan kita akan cuba lagi berunding dengan MAS berkaitan *open air policy* ini. Dan *river cruise*, saya harap Sarawak bolehlah buat satu kertas kerja di atas *river cruise* sebab memang sungai-sungai di Sarawak begitu panjang, begitu luas, sungai-sungai di Semenanjung tidak begitu dalam dan *river cruise* boleh satu *niche area* untuk pelancongan Sarawak. So kita, *encourage you*, menggalakkan you cuba buat *a specific* kertas kerja.

Tuan Pengerusi, kementerian juga dari masa ke semasa ada membawa kumpulan dari negeri-negeri untuk tujuan promosi dan kementerian berharap supaya kerajaan-kerajaan negeri selalu menyediakan satu perkumpulan yang bertaraf antarabangsa. Masa kementerian bawa mereka keluar negeri itulah taraf mereka yang dicapai. Jadi untuk

makluman Yang Berhormat sebanyak 100 orang ahli dari Sabah dan Sarawak pada bulan Oktober telah di bawa untuk program *Citra Warna ke Kuala Lumpur* dengan bayaran oleh kementerian.

Tuan Pengerusi, jumlah pekerja yang terlibat secara langsung dalam industri pelancongan Malaysia pada tahun 1998 adalah berjumlah 114 ribu orang, jumlah ini tidak termasuk mereka yang terlibat secara tidak langsung seperti penghasil-penghasil makanan, bahan-bahan seni dan kraf tangan dan penjual-penjual cenderamata. Tuan Pengerusi, dengan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kubang Kerian, *I think*, walaupun Menteri kita tidak ada di sini kerana menghadiri mesyuarat kabinet, tidak bermakna Timbalan Menteri tidak boleh menjawab soalan-soalan. Jawapan yang diberikan adalah dengan kerjasama pegawai-pegawai kementerian, jangan Yang Berhormat nampak Menteri sahaja, nampaklah Timbalan Menteri juga, dan jangan kata Timbalan Menteri makan gaji buta. *[Disampuk]*

Tuan Haji Husam bin Haji Musa: Boleh minta penjelasan.

Tuan Pengerusi: Boleh beri jalan atau tidak Yang Berhormat.

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Saya hendak habis dah. Minta maaf.

Tuan Haji Husam bin Haji Musa: Kalau dah habis hendak duduklah. *[Disampuk]*

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Minta maaf. Jadi, Tuan Pengerusi, sekarang *I hold the stand*, jadi itu hak saya. Tuan Pengerusi, saya suka di sini - bahawa negara kita memang menjadi pilihan untuk dilawati oleh pelancong dari luar negeri. Walaupun

Tuan Mahfuz bin Haji Omar: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Pokok Sena bangun Yang Berhormat.

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Tuan Pengerusi, dia tidak faham *style* saya. Tuan Pengerusi, Yang Berhormat tidak tahu *style* saya lagi. Sekejap lagi. Walaupun bukan pilihan pertama untuk pelancong luar negeri itulah satu pencapaian Malaysia sebagai pilihan utama oleh pelancong seluruh dunia. Pelancong-pelancong datang ke Malaysia selain daripada sebab kebudayaan kita, disebabkan oleh juga keadaan negara kita yang aman, suasana politik yang stabil, keselamatan yang terjamin dan

Tuan Mahfuz bin Haji Omar: Point of order

Tuan Pengerusi: Point of order.

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Apa, point of order?

Tuan Pengerusi: Nanti, nanti, Yang Berhormat dia kemukakan kepada saya Yang Berhormat. Sila duduk.

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Okey.

Tuan Pengerusi: Ya

Tuan Mahfuz bin Haji Omar: Duduk dulu, 35 (1) Tuan Pengerusi, seorang Ahli Yang Berhormat, dia bercakap mesti menghadap Tuan Pengerusi, ini menghadap lain ni *[Ketawa]*

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Tuan Pengerusi, saya ingat mata you ada senget sikitlah. *[Ketawa]* Sebab saya dekat ni. Kadang-kadang you tidak tengok saya 100% masa, okey. *[Disampuk]* Tidak apa, kadang-kadang saya tengok you juga, *[Disampuk]* tidak suka saya tengok you ke? Tidak boleh tengok you juga, ya. *[Ketawa]* handsome juga, boleh tahan lah, boleh tahan, boleh tahan sahaja, bukan handsome sangat.

Tuan Pengerusi, jadi, itulah *you break my train of thought*, ha Tuan Pengerusi. Jadi saya mula, okey [*Disampuk*] tidak baca, tidak payah baca. Kita punya itu pun baca juga tadi [*Menunjuk ke arah YB. Pematang Pauh*]

Tuan Haji Husam bin Haji Musa: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi: Tidak beri jalan.

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Tuan Pengerusi, jadi, saya ni hendak tamatkan. Oleh yang demikian adalah menjadi hasrat kementerian supaya tiap-tiap rakyat Malaysia memelihara keadaan ini supaya negara kita ini harus stabil, maju dan berkeupayaan masa wawasan 2020. Dengan itu terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM150,000,000 untuk Maksud B.22 di bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM150,000,000 untuk Maksud B.22 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Maksud B.29 dan B.31 [Jadual] –

Tuan Pengerusi: Kepala B. 29 dan B.31 di bawah Kementerian Kewangan terbuka untuk dibahas. Batang Lupar

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]: Tuan Pengerusi, saya cakap 'betul-betul sikit' Tuan Pengerusi. Kadang-kadang saya memeranjatkan, buat *surprise* dengan kawan-kawan bila saya 'cakap sedikit' sahaja. Jadi, terbangkit daripada perkhidmatan perbendaharaan ini, dalam perenggan 2, RM125 juta untuk menampung bayaran subsidi bahan-bahan petroleum, mengekalkan harga gas cecair. Saya hendak tanya satu persoalan sahaja Yang Berhormat Timbalan Menteri yakni harga gas ini mengekalkan paras RM1.18 sen bagi Semenanjung dan RM1.26 sen bagi Sarawak dan Sabah. Jadi rasional kenapa di Sarawak ini RM1.26 sen dan di Semenanjung RM 1.18 sen, [*Disampuk*] padahal gas di Sarawak yang keluar banyak sekali, pertama.

Yang kedua, kenapa pula gas di Sarawak harga dia lebih mahal daripada di Semenanjung. [*Disampuk*] Oleh kerana pengguna ini, orang daripada kawasan saya pun tanya dengan saya, kenapa perbezaan harga ini. Orang kampung, orang dari luar bandar, dan siapa yang hendak ganggu saya ini, bermakna tidak peka dengan kehendak orang luar bandar ini. Dalam satu kilogram, dia lebih 8 sen kalau 1 tong gas itu untuk masak di dapur misalnya ada 30 kilogram makna kita dah bayar 30 kali ganda daripada yang dah dibayar di Semenanjung, 8 sen tu jauh lebih mahal. Jadi ini adalah tidak memuaskan. Saya melihatnya, sudah 10 tahun saya melihat, jadi oleh kerana benda ini tiap-tiap tahun saya tidak persoalkan, kali ini saya persoalkan jugalah, siapalah tahu mungkin peluang-peluang akan datang kita tidak tahulah, hendak soal soalan ini.

Jadi saya berharap Timbalan Menteri beri jawapan kenapa perbezaan ini dan kenapa harga disparity di antara Semenanjung dengan Sarawak dan Sabah. Yang mana, sebagaimana saya sebutkan tadi Sarawak dan Sabah, dan Sarawak terutamanya, mengeluarkan gas dan mengilangkan gas untuk digunakan. Terima kasih.

2.50 ptg.

Tuan Jimmy Dohald [Sri Aman]: Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya menyuarakan keraguan tentang Maksud B.29 ini apabila Hari Raya ataupun Tahun Baru Cina, apabila perayaan ini berdekatan. Kita di Sarawak susah betul hendak mendapatkan

bekalan gas. Ini disebabkan lesen-lesen untuk meng 'operate' stesen minyak tidak banyak, kadang-kadang mungkin tidak ada diberi kepada warga Malaysia yang keturunan Iban, keturunan Orang Ulu, keturunan Bidayuh dan saya haraplah kereta-kereta di Sarawak ini dapat berjalan dengan lancar semasa Tahun Baru Cina dan Hari Raya. Saya minta Petronas memberi lesen yang lebih banyak lagi kepada pemohon-pemohon daripada kaum Iban, kaum Bidayuh, kaum Orang Ulu.

Tuan Pengerusi, bolehkah saya pergi ke Maksud B.31?

Tuan Pengerusi: Ya, boleh.

Tuan Jimmy Donald: Boleh, ya. Terima kasih, Tuan Pengerusi. Maksud B.31 – pada suatu ketika dahulu kerajaan kita ada menjalankan Kempen Bersih, Cekap, Amanah dan telus dan saya menyentuh perkara ini oleh kerana pada ketika itu kita mendengar Jabatan Kastam dan Eksais memerintahkan pegawai-pegawai jangan membawa wang yang lebih banyak apabila turun bekerja. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri, adakah kempen, amalan ini masih dijalankan?

Tuan Pengerusi, apa yang saya ragu ialah apabila kita menempah barang-barang yang berharga, kemungkinan besar barang itu melalui kastam ditemui hilang dan kita tidak tahu di mana kita hendak menuntut ganti rugi. Pada tahun yang lepas juga apabila anak saya balik dari England, bungkusan (*parcels*) ditemui telah dibuka. Jadi, barang-barang yang berharga sedikit itu semua sudah hilang. Kita pun tidak tahu. Jadi, kalaulah begini amalan Jabatan Kastam dan Eksais, saya meraguinyalah. Di manakah kepercayaan rakyat kita kepada jabatan ini?

Satu lagi perkara, pegawai-pegawai kastam yang ingin menjalankan tugas mereka dengan cara yang bertanggungjawab, kadang-kadang mereka dihentam ataupun samseng datang untuk men 'declare' barang-barang yang dibeli ataupun yang diimport. Jadi, saya hendak tahu sama ada Bahagian Penguatkuasa, Jabatan Kastam dan Eksais ada di sana untuk membantu pegawai-pegawai kastam yang ingin menjalankan tugas mereka dengan cekap, bersih dan amanah, ada menerima bantuan supaya mereka akan terus dapat menjalankan tugas mereka dengan cara yang bertanggungjawab dan saya juga ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri, apakah langkah-langkah untuk menentukan yang berdiri di atas pagar itu, yang mungkin belum belajar tentang apa ertinya cekap, bersih dan amanah? Apakah latihan-latihan, kursus-kursus ataupun *surveillance* yang digunakan untuk menentukan mereka ini tidak menyeleweng? Sekian, terima kasih.

2.53 ptg.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Maksud B.29 iaitu diminta supaya meluluskan satu jumlah RM25 juta untuk membiayai sebahagian daripada kos faedah penebusan Dana Fasa 1 Syarikat Prasarana Negara Berhad.

Tuan Pengerusi, tajuk ini sangat mengelirukan. Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini tidak tahu apa dia jumlah yang diperuntukkan ini. Misalnya, Syarikat Prasarana Negara Berhad ini pun satu syarikat yang dimiliki oleh kerajaankah atau dimiliki swasta.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, bolehkah saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan perkara ini selepas itu Yang Berhormat boleh sambung.

Tuan Lim Hock Seng: Ya, bagus juga cadangan itu.

Tuan Pengerusi: Sila, Yang Berhormat Timbalan Menteri apa dia perkara itu dan juga Fasa 1 Syarikat Prasarana Negara Berhad.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Permohonan tambahan yang diminta sebanyak RM25 juta bagi membiayai sebahagian

daripada kos faedah pengurusan Dana Fasa 1 Syarikat Prasarana Negara Berhad (SPNB). Dana ini ditubuhkan semasa kita ada kegawatan ekonomi.

Jadi, untuk membantu dan menyelenggarakan projek-projek penswastaan, maka dana ini ditubuhkan, dana dan syarikat ini sekarang *dormant* oleh kerana kerajaan telah memindahkan aktiviti-aktiviti ini kepada Bank Pembangunan dan Infrastruktur. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, sila.

Tuan Lim Hock Seng: Terima kasih, Tuan Pengerusi kerana meminta Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menerangkan peranan Syarikat Prasarana Negara Berhad dan juga tujuan yang diminta dan saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat di sini pun sudah tahu apa maksudnya dan tidak perlu saya pergi dengan lebih dalam untuk tujuan ini.

Tuan Pengerusi, perkara yang kedua iaitu diminta RM126 juta untuk menampung bayaran subsidi bayaran bahan-bahan petroleum iaitu gas cecair. Tadi Yang Berhormat bagi Batang Lupar dan Yang Berhormat bagi Sri Aman meragui harga sekilo gas cecair, mungkin berbeza di antara satu tempat dengan yang lain dan daripada percakapan mereka ini, saya mempunyai satu fikiran mengapa negara kita masih tidak melaksanakan gas *supply* secara saluran paip.

Tuan Pengerusi, janganlah kata di negara-negara maju, di bandar-bandar yang besar, kalau kami pergi ke Medan, Hadyai, gas *supply* itu cuma buka suis sahaja dan ada dan tidak perlu khuatir bahawa menjelang Hari Raya tidak ada *supply* gas. Pada masa sekarang, kadar pengangkutan (*transport*) untuk gas cecair atau tong-tong dalam cecair selalu kita nampak di atas jalan, mungkin '*transport*'nya akan meningkat dengan tinggi dan semakin lama makin tinggi lagi.

Jadi, bilakah sistem *supply* gas secara saluran paip ke setiap rumah khasnya kawasan perumahan yang baru di mana boleh ditanam secara yang sedia ada dan tiap-tiap rumah boleh menikmati saluran paip yang boleh membekalkan gas cecair dan menjimatkan kos *transport* atau

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: [Bangun]

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Batang Lupar bangun.

Tuan Lim Hock Seng: Ya, boleh beri sedikit.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih, kawan. Tuan Pengerusi, geng lama ini sebab saya cakap dua minit sahaja, saya boleh beri dia bercakap lapan minit tambahan.

Saya hendak bertanya kalau - saya meneliti Kerajaan Negeri Sarawak umpamanya ada cuba mencadangkan hendak mengusahakan iaitu gas dari Bintulu itu dihantar ke Kuching, ke Sri Aman, ke Lubok Antu dan ke Batang Lupar dan sebagainya, ke Sabah pun ada.

Jadi, masalahnya kos pembinaan infrastruktur awal adalah begitu besar sekali. Jadi, dalam pandangan kerajaan hanya boleh dibuat menerusi penswastaan. Jadi, persoalan saya dengan Yang Berhormat bagi Bagan, kalau perkara ini dibuat oleh kerajaan tentulah belanja yang begitu besar sekali dan kalau tidak alternatifnya adalah menggunakan penswastaan.

Jadi, dalam pandangan Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat bersetuju, menyokong dengan tindakan kerajaan, apa sahaja tindakan kerajaan nanti? Kalau menggunakan wang kerajaan untuk menggunakan benda ini ataupun menggunakan cara *privatisation* untuk menghantarkan gas ke tiap-tiap rumah.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Pengerusi, ini seperti juga dengan bekalan elektrik dan bekalan air. Pada masa sekarang, syarikat-syarikat yang membekalkan gas cecair, Esso, Shell, Petronas dan Mobil dan lain-lain. Sesiapa yang hendak membekalkan saluran paip gas boleh memohon kepada kerajaan dengan tender terbuka atau mereka menyediakan prasarana yang mereka tanam. Selepas itu disalurkan ke setiap rumah dan di setiap rumah itu ada satu meter.

Jikalau boleh, saya mengesyorkan supaya banyak syarikat memasuki satu kawasan perumahan dan mana-mana syarikat yang menawarkan harga yang rendah, pelanggan itu memilikinya dan jangan dimonopolikan kepada satu syarikat sahaja.....

Tuan Mohd Apandi bin Haji Mohamad: Terima kasih, Tuan Pengerusi dan juga kepada Yang Berhormat bagi Bagan. Apakah Yang Berhormat bagi Bagan sedar bahawa kerajaan telah pun membina, sudah dua dan sekarang peringkat ketiga dengan izin, *Peninsular Gas Utilization Project* (PGUP) yang menyalurkan saluran gas daripada Kerteh ke Kemaman, Kemaman ke Segamat, Singapore dan terus ke Kelang dan sekarang ini dalam peringkat pembinaan dari Kelang sampai ke Bukit Kayu Hitam. Itu yang dilaksanakan Petronas, berserta dengan rakan-rakan kongsinya sama ada 'Novacode', Kanada dan juga daripada rakan-rakan kongsi dari negara-negara yang lain. Tetapi untuk sistem gas daripada punca utama kepada *distribution*, dengan izin, kepada *distribution* yang lain-lainnya telah diamanahkan kepada gas Malaysia.

Jadi, kita hendak tanya dengan pandangan Yang Berhormat, setakat manakah usaha kerana kontrak ini telah diberi lama oleh gas Malaysia dan usaha dia hendak menyampaikan dengan izin, agihan (*distribution*) daripada saluran utama ke rumah-rumah. Sudah setakat mana perkembangan (*progress*), kemajuan yang telah dilaksanakan oleh gas Malaysia.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bertanya kepada Yang Berhormat bagi Bagan, dia bukan kerajaan, ya. [*Ketawa*]

Tuan Lim Hock Seng: Memang saya ada nampak di sepanjang lebuh raya Utara-Selatan di tepi pagar, ada nampak orang tanam saluran paip, gaslah. Itu yang besar yang dimaksudkan saluran utama tetapi berkenaan dengan *Malaysia gas* yang dikatakan disalur dari saluran *main* kepada perumahan, itu saya tidak tahu langsung. Jadi, Yang Berhormat – Tuan Pengerusi sudah menjawab bagi pihak saya. Saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi, Maksud B.31 iaitu membiayai kadar kenaikan ruang pejabat. Saya nampak di sini, semenjak dua tahun yang lalu ekonomi negara kita merosot dan kebanyakan ruang pejabat tidak dapat disewa dan ramai pemilik bangunan, mereka menawarkan sewa yang agak rendah, mungkin turun 50% daripada kadar sewa yang ada pada dua, tiga tahun yang dahulu. Misalannya, rumah kediaman dahulu boleh dapat disewa sehingga RM1,000 sekarang RM500 pun tidak ada orang yang mahu.

Jadi, adakah kerajaan mengambil kesempatan ini dapat menyewa ruang pejabat dengan kadar sewa yang munasabah, ikut pasaran dan bukannya ikut tiga tahun yang lalu? Saya perlukan penjelasan berkenaan dengan kadar sewa ruang pejabat sama ada ada perbandingan dengan kadar sekarang dengan kadar dahulu, adakah berbeza atau mungkin meningkat? Sekian.

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat bagi Jeli. Sila kemukakan apa yang

2.56 ptg.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad [Jeli]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada kepada B.29 – Perkhidmatan Am Perbendaharaan.

Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan yang telah menjelaskan apa itu Syarikat Prasarana Negara Berhad. Oleh kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri telah memaklumkan bahawa tujuan syarikat tersebut adalah untuk membantu dan menyelenggara projek-projek penswastaaan semasa kegawatan ekonomi, izinkan saya bertanya untuk mendapatkan penjelasan. Apakah projek-projek yang terlibat daripada jumlah RM25 juta walaupun untuk penebusan kos faedah.

Jadi, saya ingin bertanya, apakah projek-projek yang terlibat dan siapakah kontraktor-kontraktor yang terlibat dengan projek-projek yang diselamatkan ini. Di samping itu, oleh kerana syarikat ini sudah *dormant* dengan izin, sudah tidak berfungsi dan sekarang ini telah dialihkan kepada Bank Rakyat yang mana pengerusinya Yang Berhormat bagi Sipitang, Bank Pembangunan – minta maaf Yang Berhormat bagi Sipitang. [Ketawa] Jadi, saya ingin bertanya setakat mana pembayaran balik oleh mereka yang terlibat telah dijelaskan sekiranya telah digunakan wang kerajaan untuk membantu syarikat-syarikat yang tertentu.

Kedua, oleh kerana sebanyak RM126 juta telah digunakan untuk menampung bayaran subsidi bahan-bahan petroleum, yang mana kita perhatikan bahawa harga gas cecair untuk Semenanjung RM1.18 sekilogram dan Sabah dan Sarawak RM1.26 sekilogram. Oleh kerana kita perhatikan bahawa bukan hanya Terengganu yang mengeluarkan gas tetapi Sabah dan juga Sarawak. Apakah tidak mungkin semasa kita membina integrasi nasional – harap-harap Ahli-ahli Yang Berhormat dari Sabah dan Sarawak sokong saya hari ini, dalam rangka untuk merapatkan hubungan dan juga untuk menunjukkan kesamarataan, apakah mungkin gas cecair ini disamakan pada waktu-waktu yang lain. Kalau RM1.18 di Semenanjung, maka RM1.18 jugalah di Sabah dan Sarawak. Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Husam bin Haji Musa: [Bangun]

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: [Bangun]

Tuan Pengerusi: Ya, baik-baik. Yang Berhormat bagi Arau dahulu ya.

3.05 ptg.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin [Arau]: Terima kasih, Tuan Pengerusi kerana memberi peluang kepada saya untuk turut bangun membincangkan Maksud B.29 – Perkhidmatan Am Perbendaharaan.

Tuan Pengerusi, saya ingin menarik perhatian kepada peruntukan sebanyak RM126 juta yang digunakan untuk menampung bayaran subsidi bahan-bahan petroleum bagi mengekalkan harga gas cecair (LPG) bagi Semenanjung Malaysia, Sabah dan juga Sarawak. Memang tidak dapat kita nafikan sejak negara mempunyai satu syarikat besar, konglomerat iaitu Petronas, kita telah berjaya melihat perubahan ekonomi di negara kita.

Saya mengucapkan tahniah kepada syarikat yang berkenaan di mana telah pun dapat menjadi salah sebuah daripada syarikat yang dibanggakan di negara kita. Dalam soalan pengeluaran petroleum ini kita dapati negara terpaksa mengeluarkan peruntukan yang begini besar untuk menampung bayaran subsidi.

Saya percaya peruntukan yang dikeluarkan ini adalah peruntukan daripada Perbendaharaan. Dalam masa yang sama pihak kerajaan juga terpaksa membayar royalti kepada negeri-negeri yang terlibat. Saya ingin menarik perhatian kepada royalti minyak yang telah diberikan kepada negeri Terengganu. Ini bukannya pertama kali saya bangkitkan di dalam Dewan yang mulia ini tetapi saya telah pun membangkitkan soal ini di dalam Dewan Negara, semasa saya berada di Dewan Negara.

Saya merasakan adalah satu perkara yang tidak adil bagi pihak kerajaan kerana royalti minyak bagi negeri Terengganu yang diberikan kepada negeri Terengganu,

sedangkan kawasan pemprosesan ataupun pengeluaran minyak di Terengganu adalah berada di luar daripada tiga batu nautika. Saya harap Yang Berhormat Menteri

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: *[Bangun]*

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Penjelasan.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Maaf, saya tidak beri jalan lagi. Biar saya habiskan dahulu.

Pada hal kawasan pengambilan minyak di negeri yang berkenaan adalah di dalam kawasan lebih daripada tiga batu nautika dan ini adalah merupakan kawasan antarabangsa dan kita dapati negeri-negeri di Semenanjung Malaysia, di Sabah dan juga di Sarawak, juga ada negeri yang mempunyai pendapatan per kapita rakyat dan juga sumber pendapatannya tidak sehebat negeri-negeri yang lain. Pada waktu sekarang ini kita dapati cuma Terengganu dapat menikmati

Tuan Lim Hock Seng: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat nanti sekejap.

Tuan Lim Hock Seng: 36(1) Keluar tajuk.

Tuan Pengerusi: Keluar tajuk, ya. Saya fikir berkenaan dengan royalti minyak keluar tajuk Yang Berhormat.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Pengerusi, adakah di luar tajuk padahal kerajaan di peringkat Persekutuan terpaksa mengeluarkan bayaran subsidi mengambil daripada peruntukan Perbendaharaan dan dalam masa yang sama Perbendaharaan juga terpaksa membayar royalti kepada negeri Terengganu.

Tuan Lim Hock Seng: 36(1) di luar tajuk, yang ini berkenaan dengan gas cecair sahaja dan bukan petroleum. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi: Mintalah ubah perkara lain Yang Berhormat, minta yang lain.

Tuan Mohd Apandi bin Haji Mohamad: Minta laluan.

Tuan Pengerusi: Minta laluan di belakang sana, hendak beri atau tidak?

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Saya tidak benarkan laluan. Walau bagaimanapun, saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kementerian, daripada peruntukan yang diberikan untuk bayaran subsidi ini berbanding dengan pendapatan daripada bahan-bahan petroleum ini berapa *percent*kah jumlah peruntukan yang dikeluarkan untuk bayaran subsidi dan berapakah bayaran-bayaran yang digunakan untuk bayaran-bayaran yang lain termasuk royalti kepada negeri Terengganu. Terima kasih. *[Yang Berhormat bagi Arau terus duduk]*

Tuan Mohd Apandi bin Haji Mohamad: Tidak boleh tanya?

Tuan Pengerusi: Dia sudah duduk, Yang Berhormat. *[Ketawa]* Sipitang.

3.11 ptg.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob [Sipitang]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin mengambil bahagian di bawah Maksud B.29 mengenai dengan subsidi sebanyak RM126 juta untuk bahan-bahan petroleum. Saya ingat rakan saya dari Bagan tidak begitu melihat apa yang kerajaan buat. Soal penyaluran gas ke rumah-rumah dengan paip ini sudah ada di Malaysia. Saya sudah melihat, jikalau kita pergi ke beberapa pangsapuri di Kuala Lumpur ini sudah tidak memakai tong gas lagi, sudah ada meter tersendiri dengan menggunakan gas, tentu sekali ia dibuat secara berperingkat-peringkat.

Saya memang bersetuju kalau semua kampung ada paip gas ini. Cuba bayangkanlah kampung di kawasan Parlimen saya, Parlimen rakan-rakan dari Kelantan, Hulu Terengganu semacam sama juga, yang mana kawasan daripada pusat bandar sejauh 120 kilometer dan rumahnya pula berasingan jauh-jauh, bagaimanakah kos untuk kita menampung perbelanjaan untuk membiayai pemasangan paip gas ini. Tentu sekali lebih murah jikalau dengan menggunakan tong gas. Rakan dari Jeli ini bangun, dia dahulu adalah satu perahu. Saya beri peluang kepada dia, apa dia hendak tanya.

Tuan Mohd Apandi bin Haji Mohamad: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Apakah Yang Berhormat sedar bahawa jika dibandingkan negara kita dengan mana-mana, umpamanya Medan, kita bandingkan Kuala Lumpur berapa tempat lagikah di Kuala Lumpur walaupun agihan oleh gas Malaysia itu masih menjalankan kerja-kerja berperingkat-peringkat, apakah Yang Berhormat sedar bahawa banyak lagi tempat di bandar-bandar utama, kita jangan membicarakan pangsapuri semata-mata, umpamanya rumah-rumah teres yang belum lagi memperolehi saluran automatik gas cecair ini kalau dibandingkan dengan Medan dan negara-negara lain, saya perhatikan bahawa di bandar-bandar yang kecil pun sudah ada, walaupun negara itu kalau dalam hakikat yang kita tahu lebih jauh terkebelakang daripada negara kita. Penjelasan.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Terima kasih Yang Berhormat bagi Jeli. Saya sedar mengenai perkara ini. Memang kerajaan bersungguh-sungguh dan sekarang Terengganu dan Kelantan di bawah PAS. Kalau Kerajaan PAS di Terengganu bersungguh-sungguh betul, pasanglah paip daripada Kuala Terengganu ke Hulu Terengganu misalnya, dan semua rumah. Kalaulah mereka mempunyai kemampuan dan Kerajaan Malaysia saya ingat memang, untuk ini....

Tuan Abdul Rahman bin Yusof: Penjelasan.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Saya tidak beri jalan, beri saya habiskan dahulu. Untuk ini tentu sekali kita memikirkan untuk kesejahteraan rakyat tetapi kemampuan kita berperingkat-peringkat, kita dahulukan di kawasan bandar dahulu barulah di kawasan kampung.

Kawasan saya misalnya, Long Pasia, Yang Berhormat semua pernah mendengar Long Pasia. Daripada Sipitang sejauh 125 kilometer, mana mungkin untuk kita pasang paip gas daripada Sipitang ke Long Pasia yang di Long Pasia cuma lebih kurang 60 buah rumah. Jadi, adalah lebih murah kita membawa tong gas ke Long Pasia ataupun menggunakan bahan-bahan api yang lain kerana bahan api ada alternatif, tidak seperti Bagan tadi, dia sempit sedikit fikirannya. Kerana kalau air ia mesti dihantar dengan paip, lebih mudah. Memang ada alternatif untuk membawa dengan baldi daripada perigi tetapi bahan api kalau kita tidak pakai gas, kita ada alternatif lain, kita boleh pakai dapur minyak gas, boleh pakai kayu api dan mungkin juga pakai lain-lain bahan. Jadi, kita ada pilihan, jadi di situlah pemikiran kita harus terbuka dan luas untuk memudahkan cara kita. Saya beri peluang kepada kawan kita.

Tuan Pengerusi: Ya, tadi siapa? Ya.

Tuan Abdul Rahman bin Yusof: Pertamanya ialah tahukah Yang Berhormat bahawa Petronas adalah di bawah Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri tidak mempunyai sedikit pun kuasa untuk menentukan hala cara perniagaan mereka.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Boleh memohon, terpulunglah kepada Petronas sama ada dia hendak lulus atau tidak dan kalau Terengganu hendak buat dia boleh buat. Tuan Pengerusi, saya ingin menambah di bawah subsidi tadi. Yang Berhormat bagi Jeli dengan saya pun sebenarnya mempunyai idea yang sama juga, fasal Yang Berhormat bagi Jeli dia satu perahu dahulu, Tuan Pengerusi, sebab itu dia mempunyai idea yang sama.

Mengenai dengan subsidi untuk menstabilkan harga ini, saya memang daripada Malaysia Timur dan kita merasakan bahawa selama ini memang ada perbezaan rakyat di Malaysia Timur dengan di Semenanjung. Kita selalunya agak malang kerana berada di bawah keadaan yang lebih mahal. Alangkah baiknya, kalau kerajaan, saya ingin bertanya dengan Timbalan Menteri Kewangan, kalau boleh sebarang subsidi walau apa pun untuk menyeragamkan harga biar ia lebih tinggi sekali dan diambil kira supaya harga di Semenanjung dan di Sabah itu disamaratakan, jadi alang-alang bagi subsidi, biar subsidi untuk menyamakan kemudahan di Semenanjung dan di Sabah. Misalnya, dalam keadaan ini iaitu paras di Semenanjung 118 sen sekilogram dan di Sabah dan Sarawak 126 sen. Kita ada 8 sen lebih tinggi. Jadi, alang-alang beri subsidi biarlah ia sama-sama 118 sen ataupun 126 sen sama rata di Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

Tuan Pengerusi, dengan itu saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi: Kubang Kerian, selepas ini Yang Berhormat Menteri menjawab.

3.19 ptg.

Tuan Haji Husam bin Haji Musa [Kubang Kerian]: Ya, Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin mengambil bahagian untuk sama-sama membincangkan peruntukan tambahan untuk Perkhidmatan Am Perbendaharaan untuk menampung bayaran subsidi bahan-bahan petroleum bagi mengekalkan harga gas cecair LPG pada paras yang telah disebutkan tadi. Saya ingin melihat perkara ini dalam konteks jangka panjang di mana seperti yang telah kita maklum daripada anggaran ini sebanyak RM125 juta – satu jumlah yang bukan kecil telah terpaksa digunakan daripada wang negara bagi memberikan subsidi untuk mengekalkan harga gas cecair.

Saya rasa dalam jangka panjangnya ada beberapa perkara yang perlu diperhatikan oleh kerajaan. Yang pertama ialah dari segi kos operasi pengeluaran gas ini sendiri. Saya merujuk kepada potensi yang ada di sempadan di antara Malaysia dan Thailand iaitu dalam kawasan operasi GDA yang pada hemat saya pada waktu ini belum lagi diputuskan secara yang benar-benar *economic* dan melintasi pertimbangan politik iaitu dari segi *piping* gas cecair yang telah dikeluarkan daripada kawasan GDA. Destinasi yang terdekat untuk pengangkutan gas ini ialah daripada kawasan GDA itu sendiri ke Kelantan tetapi kita telah mendapat tahu kerajaan sedang menimbang untuk membina satu paip yang panjang dari Songkla ke Perlis dan satu *option* yang lain ialah ke Terengganu. Kalau tidak silap saya perbezaan kilometer di antara Kelantan dan Terengganu ialah 100 kilometer lebih untuk *extra piping*, dengan izin, dan kalau tidak silap saya tiap-tiap satu kilometer menelan belanja sebanyak RM100 juta *extra* daripada yang sepatutnya dan dengan ini kita telah membelanjakan satu kos operasi yang sangat besar sedangkan kita mempunyai pilihan untuk menjimatkan perbelanjaan. Dengan itu saya mencadangkan secara serius kepada kementerian yang berkaitan menimbang secara *economic* untuk menentukan kawasan yang lebih strategik bagi pendaratan gas daripada kawasan GDA.

Saya juga ingin mendapat tahu adakah terma-terma perundingan di antara Kerajaan Malaysia dan Thailand dalam hal ini menguntungkan negara dan tidak merugikan negara dari segi jangka panjang.

Satu hal yang lain ialah saya juga difahamkan bahawa kita juga bersempadan dengan Vietnam – Malaysia dan Vietnam dan saya difahamkan bahawa kawasan operasi atau kawasan cari gali minyak dan gas di antara sempadan Malaysia dan Vietnam telah pun digazetkan sebagai kawasan keselamatan yang bermakna bahawa pengeluaran gas daripada kawasan ini telah dikeluarkan ataupun mungkin dalam proses pengeluaran. Saya ingin mendapatkan kepastian sejauh mana maklumat-maklumat ini daripada pihak yang terbabit.

Yang akhir sekali ialah saya mengucapkan tahniah kepada Menteri Luar Negeri yang dapat hadir pada petang ini. Semua kerusi menteri lain kosong dan Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan tadi kata menteri-menteri diwakilkan oleh timbalan-timbalan menteri tetapi yang ada di hadapan kita hari ini ialah enam orang timbalan menteri. Saya bukan apa, sengaja hendak beri *impression* kepada rakyat terbanyak bahawa menteri dan timbalan menteri kita adalah serius dengan sidang ini. Sekian.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab ya.

3.23 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd Salleh]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun membahaskan peruntukan-peruntukan di bawah B.29 dan B.31.

Yang Berhormat bagi Batang Lupar telah pun menyatakan tentang perbezaan gas cecair ataupun gas di dapur kita ini di antara Semenanjung dan juga di Sabah dan Sarawak. Ini kerana kita lihat bahawa harga LPG di Sabah dan Sarawak adalah lebih tinggi kerana kos operasi iaitu insurans dan pengangkutan serta komisen pengedar adalah lebih tinggi. Kalau kita bandingkan kos operasi di Semenanjung Malaysia sekilogramnya 37.94 sen dibandingkan dengan Sabah 40.01 sen dan di Sarawak 40.57 sen. Komisen pengedar di Semenanjung Malaysia ialah 21.42 sen sekilogram kalau dibandingkan dengan di Sabah dan Sarawak ialah sebanyak 21.67 sen. Walau bagaimanapun, seperti mana yang diperkatakan semalam dan juga hari ini, kita akan meneliti balik subsidi ini, kalau misalnya diperhatikan bahawa subsidi ini terlampau tinggi jadi kita terpaksa menaikkan subsidi itu lagi untuk menyamakan paras di antara Sabah, Sarawak dan juga di Semenanjung.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sebenarnya saya hendak mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Jeli dan Sipitang kerana menyokong apa yang saya sebut tadi, bukan saya sokong dia, dia sokong saya. Terima kasih, itu sahajalah. *[Ketawa]*

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Yang Berhormat bagi Sri Aman meminta kalau boleh gas Petronas ini diberi kepada orang Iban, Bidayuh dan juga Orang Hulu, saya akan panjangkan perkara ini kepada kementerian yang berkenaan.

Maksud B.31 mengenai Bersih, Cekap dan Amanah, masih lagi kita mengadakan beberapa kursus. Saya teringat dahulu penghabisan sekali kita di seminar dengan Badan Pencegah Rasuah dan juga seminar mengenai Penerapan Nilai-nilai Islam kepada pegawai-pegawai kastam kita. Mengenai larangan membawa banyak duit untuk pegawai-pegawai kastam beruniform, perkara ini masih lagi berjalan dan berkuat kuasa.

Mengenai mengambil barang-barang yang dibawanya gangster dan sebagainya untuk menakut-nakutkan pegawai-pegawai kastam, ini adalah sebahagian daripada *work hazard* yang pegawai kastam alami seperti juga JPJ apabila menangkap lori-lori membawa muatan lebih, 'tonto' itu berkeliaran mengejar pegawai-pegawai JPJ. Kursus Yang Berhormat katakan itu akan kita pergiatkan lagi dari masa ke semasa.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: *[Bangun]*

Tuan Jimmy Donald: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Ya. Sri Aman.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Batang Luparkah atau Sri Aman, Tuan Pengerusi?

Tuan Jimmy Donald: Sri Aman, Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Timbalan Menteri, soalan saya tadi ada dua. Yang pertama apakah *instruments* ataupun langkah-

langkah yang digunakan untuk menjaga pegawai-pegawai kastam yang menyeleweng, yang mengambil barang yang disimpan di dalam stor sementara hendak dituntut. Kadang-kadang kita pun mendengar apabila menuntut ada juga pegawai yang tengok barang yang kita bawa, "Oh, ini cantik, boleh beri?" – ini soalan nombor satu, apakah langkah untuk mengawal pegawai-pegawai yang seperti ini.

Soalan saya yang kedua tadi ialah ada sebahagian besar pegawai kita adalah orang yang baik, bertanggungjawab dan apabila mereka hendak menjalankan tugas mereka, kadang-kadang orang yang *mendeclarekan* barang mereka membawa gangster dan samseng dan apakah perlindungan yang kita beri kepada pegawai yang baik seperti ini?

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya belum masuk kepada perkara yang ketiga lagi mengikut catatan saya. Mengenai pegawai-pegawai yang dikatakan mengambil barang-barang daripada pemunya apabila dihantar melalui pos dan melalui kastam, prosedur kita daripada Jabatan Kastam ialah memeriksa barang-barang itu di hadapan tuan punya. Kalau misalnya barang itu sampai, diberitahu oleh pejabat pos bahawa barang itu sampai di pejabat kastam, pejabat kastam akan mengambil barang itu dan memeriksanya di hadapan tuan yang empunya. Perkara ini bukan sahaja berlaku di terminal kastam tetapi dua hari yang lepas saya rasakan KLIA juga telah menangkap banyak orang yang bekerja di pejabat KLIA itu sendiri yang telah mengambil barang-barang ini dan telah pun ditangkap dan akan dibawa ke mahkamah.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih, Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Dua perkara yang saya hendak bangkitkan fasal gangster ini tadi, perkara ini memang wujud, Tuan Pengerusi. Dahulu di Sarawak lebih kurang setahun atau dua tahun lepas memang ada *godfather* yang menjaga kastam ini. Tiap-tiap kali orang hendak *mendeclarekan* barang-barang, *godfather* inilah yang turun pergi ke tempat itu. Jadi, pegawai itu bila nampak sahaja *godfather* ini semuanya menggeletar takut. Jadi, sepatutnya perkara ini tidak berlaku. Jadi, apakah usaha kementerian untuk menasihatkan Jabatan Kastam supaya melaporkan perkara ini kepada polis dan standbykan polis supaya orang yang macam ini jangan digunakan pihak yang tertentu untuk menakut-nakutkan pegawai-pegawai.

Tuan Pengerusi, perkara yang kedua yang penting lagi, baru-baru ini ada seorang dari Indonesia ditangkap di sempadan Tebedu oleh kerana menyeludup lapan laras senjata api masuk ke Sarawak. Jadi, nampaknya penjagaan di sempadan Tebedu adalah tidak memuaskan. Maknanya apa benda sahaja kalau kita hendak seludup itu boleh masuk. Jadi, apakah tindakan kementerian supaya di Kuching itu nanti tidak menjadi *cowboy town* kerana senjata yang masuk dari Pontianak itu kerana sekarang orang sudah banyak datang ke Sarawak. Kita kata alhamdulillah, banyak orang kaya daripada Indonesia itu dia lari dengan keadaan-keadaan yang berlaku di Pontianak, Sambas dan sebagainya bahkan dari Jakarta menghantarkan anaknya bersekolah di Kuching dan banyak sekolah international dan sekolah-sekolah di peringkat IPT ini sudah diduduki ataupun tempat budak-budak dari Indonesia ini belajar. Jadi, kita katakan ini satu perkara yang positif tetapi perkara yang negatif ialah dalam masa yang sama mereka ini bawa masuk senjata dan culture yang berlainan dengan apa yang ada di negara kita terutama sekali di Kuching. Jadi, penjagaan di sempadan Tebedu itu kena dipertingkatkan, bukan sahaja kastam, mungkin kastam terpaksa berbincang dan kementerian kena memberi arahan kepada semua pihak supaya senjata-senjata ini tidak masuk ke Sarawak.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Selalunya checking point kita ada tiga jabatan, pertama Jabatan Kastam, kedua Jabatan Imigresen dan ketiga Jabatan Polis. Jadi, syor Yang Berhormat supaya dapat ketiga-tiga ini bekerjasama, kita akan ambil tindakan.

Yang Berhormat bagi Bagan menyatakan mengenai *piping* dan saya rasa terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Jeli yang telahpun menjawab bagi pihak saya dan juga Yang Berhormat bagi Sipitang dan kita akan membuat perkara-perkara ini beransur-ansur kerana pembangunan itu bukan merupakan *one-off* sahaja tetapi kita akan pergi ke beberapa peringkat dan RM126 juta subsidi ini ialah kerana kita rasakan sepertimana yang mana dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Kepong semalam, minyak masak kita sudah subsidi dan gas ini pun kita subsidi.

Jadi, kata Yang Berhormat bagi Kepong semalam kalau minyak masak tidak di subsidi harga satu goreng pisang akan sampai RM1 dan kita mintalah peniaga-peniaga apabila minyak pun kita subsidi, gas pun kita subsidi, kita harapkan bahawa pengguna-pengguna akan dapat harga yang berpatutan.

Yang Berhormat bagi Jeli telah pun menanyakan mengenai Syarikat Prasarana Negara Berhad (SPNB) dan meminta siapakah yang mendapat projek-projek yang telah pun diberi bantuan oleh syarikat dan diberi bantuan oleh dana ini.

Aktiviti Syarikat Prasarana ialah untuk membantu beberapa projek, infrastruktur yang ditangguhkan seperti yang saya katakan tadi akibat daripada kegawatan ekonomi yang melanda negara pada waktu itu. Jadi, sebagai permulaan Syarikat Prasarana telah mendapat sumber daripada *internal sources* dan melalui *Note Issue and Speciality* (NIS) dari tempoh satu tahun untuk membiayai projek infrastruktur tersebut dan dalam tempoh lebih kurang lima bulan Syarikat Prasarana telah pun membiayai projek-projek seperti berikut:-

- (i) Sistem LRT 2 (Putra) yang berharga RM771 juta;
- (ii) pembangunan KL Sentral yang berharga RM336 juta; dan
- (iii) projek Express Railing yang berharga RM940 juta.

Walau bagaimanapun, aktiviti Syarikat Prasarana telah dihentikan sepertimana saya katakan tadi oleh kerana kerajaan membuat keputusan supaya Bank Pembangunan Malaysia Bhd. ditukar nama kepada Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia Berhad (BPIMB) dan mengambil alih aktiviti Syarikat Prasarana dalam membiayai projek-projek infrastruktur.

Jadi, tarikh pengambilan alih ini berkuat kuasa pada 14 Januari 1999 apabila nama Bank Pembangunan bertukar kepada BPIMB. Setelah pengambilan alih ini, Syarikat Prasarana yang masih wujud menjadi domain sepertimana Yang Berhormat bagi Jeli bercakap tadi.

Yang Berhormat bagi Arau dan juga Yang Berhormat bagi Kubang Kerian telah menanyakan tentang JDA dan Yang Berhormat bagi Arau telah menanyakan tentang royalti minyak. Oleh kerana perbincangan kita di peringkat jawatankuasa, saya mengesyorkan kalau boleh perkara ini dibangkitkan nanti dalam Rang Undang-undang Akta Cukai Jualan Pindaan 1999 kerana ini menyentuh mengenai petroleum yang dikatakan menyentuh mengenai royalti yang diperkatakan ke peringkat asal nanti.

Jadi, Tuan Pengerusi, sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ahli-ahli yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM151,000,000 untuk Maksud B.29 dan RM8,485,000 untuk Maksud B.31 di bawah Kementerian Kewangan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM151,000,000 untuk Maksud B.29 dan RM8,485,000 untuk Maksud B.31 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Maksud B.51 [Jadual] -

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kepala Bekalan B.51 di bawah Kementerian Luar Negeri terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Bukit Bintang.
3.35 ptg.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Tuan Pengerusi, saya bangun untuk membahaskan Maksud B.52 Kementerian Kerja Raya di mana sejumlah RM17,000,000...

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kementerian Luar Negeri, Kementerian Kerja Raya belum lagi, ini B.51. Ya, Yang Berhormat bagi Cheras.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Seputeh.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Seputeh, ya.

3.36 ptg.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tuan Pengerusi, saya bangun membahaskan B.51 Kementerian Luar Negeri. Bolehlah dikatakan selama ini pendirian kerajaan terhadap Timor Timur adalah paling memalukan di masyarakat antarabangsa. Sebelum Timor Timur mencapai kemerdekaan kerajaan enggan memberi sokongan kepada rakyat....

Datuk Seri Panglima Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Mengikut 36(1), ini keluar daripada tajuk ya.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat bagi Seputeh, Kementerian Luar Negeri ini adalah berkaitan dengan membiayai lawatan ketua perwakilan ke negara-negara yang tertentu, yang ada di dalam kertas kita. Jadi, kalau disebut luar daripada itu tidak masuk tajuk.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Mengikut ini, ditauliahkan serentak di bawah sesuatu kedutaan Malaysia di luar negeri. Jadi, saya membincang, kalau Malaysia ada kedutaan di negeri Indonesia, jadi isu Timor Timur boleh dibahas di Dewan.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak boleh, ia ada sebut negeri-negeri yang berkenaan di bawah ini, dalam kertas ini.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tetapi kalau mengikut ini, ialah kos bagi kerja-kerja dan persiapan awal pembukaan di negeri-negeri tersebut. Jadi, di sini ada dua bahagian kalau mengikut teks ini.

Datuk Seri Panglima Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Pengerusi, boleh saya jelaskan.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sila, sila.

Datuk Seri Panglima Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Kalau hendak bawa berkenaan hal Timor Timur, hal-hal lain boleh dibawa bila kita membincangkan dalam sesi akan datang, oleh kerana sesi ini adalah berkenaan di Yaman, Khartoum dan lawatan yang melibatkan kawasan-kawasan yang kita sebutkan tadi.

Tuan Pengerusi: Ya, sudah jelas?

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tuan Pengerusi, saya membangkitkan isu ini kerana menurut ini ada dua bahagian.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak ada, sebab menteri berkenaan telah memberi penjelasan, memang menteri yang berkenaan lebih tahu maksud dalam perkara ini. Jadi, penjelasan itu sedemikian rupa bererti jangan kita masuk perkara lain. Kalau hendak bercakap hal berkaitan dengan ini, sila.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Okay, mungkin pada sesi yang akan datang ini, penjelasan atau penulisan terhadap bahagian yang hendak dibincangkan itu haruslah lebih jelas kerana bagi interpretasi saya, ini adalah dua perkara yang boleh dibincangkan di sini dan bukan mengenai negeri-negeri tersebut sahaja. Okay, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu.

3.38 ptg.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi [Kuala Terengganu]: Saya ingin merujuk kepada Maksud B.51 yang mana kita memperuntukkan lebih daripada RM3.7 juta iaitu lawatan dan mempersiapkan kedutaan kita di Sudan dan Yaman, Khartoum dan Sanaa.

Ini adalah satu yang begitu penting kerana selain daripada kita dapat menjalinkan hubungan dengan dua negara umat Islam ini, kita juga dapat membantu kedua-dua negara ini yang terhimpit. Jadi, dengan izin, *to my surprise* terutama *courage*, dengan izin, Kerajaan Malaysia ataupun Kementerian Luar untuk membuka kedutaan di Sudan yang sehingga kini masih dianggap sebagai *terrorist state* oleh kuasa-kuasa besar terutamanya Amerika Syarikat.

Cuma saya ingin memberi pandangan dan cadangan dan juga ingin bertanya kepada menteri yang berkenaan apakah sebenarnya motif dibuka satu kedutaan di Sudan yang sehingga kini masih dianggap sebagai sebuah negara *terrorist*, dengan izin, dan saya mengharapkan agar terutamanya dalam konteks Sudan ini kita memberi perhatian utama kepada mereka oleh kerana mereka dihimpit oleh kuasa-kuasa besar dan kedudukan yang ada pada mereka ini, kita perlulah menjadikan kedutaan Malaysia di Sudan itu untuk membantu saudara seIslam kita di Sudan dan bukan semata-mata untuk kita melihat dari sudut kepentingan ekonomi kerana kita sedar bahawa sekarang ini Sudan sedang menjadi tumpuan kuasa-kuasa ekonomi termasuk juga Malaysia terutamanya dari segi oil and gas, dengan izin, yang ditemui dengan begitu banyak dan sekarang ini penglibatan syarikat petroleum Petronas di Sudan sekarang ini.

Begitu juga dengan apa yang ada ataupun cadangan untuk membuka kedutaan kita di Yaman yang dianggap sebagai sebuah negara yang begitu penting di Timur Tengah. Jadi, saya juga mengharapkan ianya boleh menjadi suatu pintu masuk kepada kepentingan Malaysia terutamanya di Timur Tengah dari sudut Yaman itu sendiri dari segi politik, ekonomi, sosial dan sebagainya. Jad., dalam hal ini saya ingin beberapa penjelasan dan cadangan-cadangan yang boleh kita berikan kepada menteri berkenaan mengenai perkara-perkara berikut:

Yang pertamanya, sebagaimana yang telah disebut oleh Ketua Pembangkang semalam mengenai latihan kepada pegawai-pegawai yang dihantar ke luar negeri terutamanya di negara-negara Arab dari segi mereka untuk mahir dalam bahasa Arab. Jadi, ini perlu diberi perhatian oleh pihak Kementerian Luar Negeri kerana inilah antara masalah-masalah besar yang dihadapi oleh kita sendiri terutamanya pelajar-pelajar yang berada di sana apabila tidak ramai pegawai-pegawai kedutaan yang berada di sana yang boleh berbahasa Arab itu sendiri. Jadi, ini perlu diberi perhatian.

Yang keduanya, saya ingin juga mencadangkan agar pihak kedutaan dengan segera menyediakan pusat khidmat pelajar ataupun *student centre* dengan izin, kerana di kedua-dua negara ini bilangan pelajar Malaysia adalah begitu besar - saya ingat kedua-dua negara lebih daripada 200 orang pelajar-pelajar persendirian terutamanya yang berada ataupun yang sedang belajar di kedua-dua negara ini.

Yang ketiganya, saya ingin mencadangkan agar kita dengan segera membuka suatu *trade centre* sepertimana yang telah kita buka di bandar-bandar besar yang lain seperti New York ataupun di London dan ini boleh memberi bantuan untuk kita melebarkan hubungan dan juga pasaran yang ada di kedua-dua negara ini.

Satu lagi Yang Berhormat Tuan Pengerusi, yang ingin saya sebut di sini ialah kedua-dua kedutaan yang ada ini, iaitu di Khartoum dan juga di Sanaa kalau boleh kita memberi perhatian dari sudut pegawai-pegawai yang berkhidmat di kedua-dua negara ini kerana pengalaman saya sendiri yang berada ataupun belajar di Amerika Syarikat dan juga di England, di mana kita dapati segelintir pegawai kedutaan terlibat secara aktif dalam penubuhan kelab-kelab UMNO yang sepatutnya diharamkan penubuhan kelab-kelab UMNO ini yang saya mendapati menjadi antara punca sebab kepada perpecahan pelajar-pelajar Melayu di luar negeri. Jadi, saya harap ini perlu diberi perhatian oleh menteri yang berkenaan kerana pegawai-pegawai yang dihantar di sana daripada pengalaman yang ada pada saya di England dan Amerika Syarikat ada segelintir daripada mereka yang mengambil kesempatan ini untuk mengembangkan kedudukan politik mereka dengan mengaktifkan kelab-kelab UMNO dan sekiranya kalau masih mahu dibenarkan penubuhan kelab-kelab UMNO ini[disampuk]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]: Yang Berhormat, tidak masuk tajuk ini.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Ya, saya ingin - cadangan sahaja. Perlulah [disampuk]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]: Pergi lain, pergi lain. Ini tidak masuk tajuk, ini.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Perlu juga kelab-kelab politik yang lain dibenarkan terutamanya PAS dan DAP dan sebagainya.

Akhirnya, saya juga ingin mencadangkan oleh kerana kedua-dua negara yang kita akan buka kedutaan ini dengan peruntukan yang terhad [disampuk]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]: Yang Berhormat Shah Alam berdiri. Boleh beri.....

Dato' Ir. Mohd Zin bin Mohamed: Boleh beri penjelasan.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]: Sila.

Dato' Ir. Mohd Zin bin Mohamed: Saya hendak tanya Yang Berhormat ini belajar luar negeri dapat biasiswa kerajaankah atau belanja duit sendiri? [Ketawa]

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Saya ingat saya tidak perlulah jawab soalan yang saya ingat kelas dewasaTerima kasih. [Ketawa]

Mengenai bilangan kedudukan kedua-dua kedutaan ini yang saya kira sebagai begitu penting, oleh itu saya harap agar dapat ditambah peruntukan yang ada daripada RM3 juta lebih kepada suatu pertambahan yang lebih untuk ditambah bilangan pegawai-pegawai dan juga kemungkinan kita boleh membeli terus bangunan-bangunan yang ada di sana untuk dijadikan kedutaan agar ianya dapat dibesarkan di masa-masa yang akan datang. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]: Kepong.

3.45 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, saya tertarik kepada permintaan untuk meluluskan wang yang telah dibelanjakan bagi ketua-ketua perwakilan ke negara-negara asing dan saya mempunyai beberapa perkara yang perlu disebutkan di sini.

Yang pertama, semasa kita masih mengalami krisis ekonomi lebih 2 tahun, saya nampaknya ada setengah-setengah wakil kita dan ketua-ketua yang belum lagi ataupun tidak berikhtiar dengan bersungguh-sungguh untuk memajukan masalah ekonomi kita untuk meningkatkan perdagangan dan perindustrian. Memang kalau Yang Berhormat Kota Tinggi sebagai wakil ketua negara untuk melawat ke negara-negara asing memang kita

Datuk Seri Panglima Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Keluar tajuk.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak, tidak keluar.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Terus.

Dr. Tan Seng Giaw: Macam mana keluar pula.

Datuk Seri Panglima Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Memang sentiasa keluar.

Dr. Tan Seng Giaw: Membiayai lawatan ketua-ketua perwakilan.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Baca sampai habis. Kalau baca setakat lawatan banyak perkara yang boleh Yang Berhormat sebut.

Dr. Tan Seng Giaw: Lawatan ke - macam mana.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Baca sampai habis.

Dr. Tan Seng Giaw: Negara-negara ditauliahkan serentak di bawah sesuatu kedutaan Malaysia di luar negeri.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dan.....

Dr. Tan Seng Giaw: Dan ini lain perkara. Kos bagi kerja-kerja dan persiapan awal pembukaan kedutaan besar di Khartoum, Sudan dan Sanaa, Republik Yaman. Walaupun kita setuju - memang kita mesti adakan kedutaan di ketiga-tiga negara ini, yang terlalu lewat sudah sekarang ini tetapi ada dua perkara di sini.

Yang pertamanya, ketua-ketua perwakilan ke negara-negara asing. Ini termasuk di United Kingdom, Amerika Syarikat dan sebagainya.

Yang Berhormat Kota Tinggi[Ketawa].

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Biar Yang Berhormat Menteri beri penjelasan.

Datuk Seri Panglima Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Bukan, dia kena baca Tuan Pengerusi, mengikut[disampuk]

Dr. Tan Seng Giaw: Macam mana - saya baca dari sini.

Datuk Seri Panglima Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Standing orders, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, duduk, duduk.

Dr. Tan Seng Giaw: Apa standing order

Datuk Seri Panglima Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: 36 (1) terkeluar daripada tajuk oleh kerana United Kingdom tidak termasuk dalam ini.

Dr. Tan Seng Giaw: Macam mana tidak masuk pula. Tuan Pengerusi,

Datuk Seri Panglima Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Itulah dia tidak baca.

Dr. Tan Seng Giaw: Memang Bahasa Malaysia Yang Berhormat Kota Tinggi sekarang itu ketinggalan zaman. *[Ketawa]*

Datuk Seri Panglima Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Pengerusi, itu sangkaan buruk.

Dr. Tan Seng Giaw: Ketinggalan zaman. Ini memang.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Okay, teruskan Yang Berhormat Kepong, teruskan.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat perlu beri perhatian dua perkara di sini. Saya nampak Yang Berhormat Kota Tinggi pun bersama-sama dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bersama-sama sebagai salah seorang wakil untuk perwakilan ke negara-negara yang ditauliahkan itu - banyak negara, lebih 100 negara. Kita boleh bincangkan mengenai bagaimana pihak ketua-ketua perwakilan termasuk Yang Berhormat Kota Tinggi sama ada dia fasih di dalam hal ekonomi, kita masih mengalami krisis ekonomi sekarang. Memang ada kena-mengena. Bila kita ke luar negara kita hendak meningkatkan perdagangan di antara negara ke negara dan satu konsep yang baru. Duta kita, wakil kata keluar daripada negara ini bukan sahaja untuk melawat, tengok destinasi pelancongan sahaja, bukan itu. Kita mesti mempunyai tahap dan standard yang lebih tinggi termasuk macam mana kita boleh memajukan hala ekonomi di negara ini. Itu yang termasuk. Saya bercakap *[disampuk]*

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tuan Pengerusi *point of order* 55(2) seperti yang digunakan oleh wakil DAP tadi. Sila duduk Kepong.

Tadi Kepong bercakap dengan baik. Bila tengahari ini lain pula, laparkah? Lain sudah bercakap ini. Tumpulah kepada ...ini tolong, kalau tidak faham 55(2), yang wakil rakyat yang baru, yang belum kahwin lagi itu...*[Memandang kepada YB Batu Gajah]*.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, tidak payah, saya di sini. Saya ada di sini.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Ketawa]* Tolong bagi tahu kanda di sana....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tak payah, tak payah, saya ada di sini.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: ...sebab adinda, Kepong pun sudah merajuk, dinda mungkin

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, minta khususlah mengenai rang undang-undang ini sahaja.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, hampir RM4 juta dibiaya untuk lawatan Ketua-ketua Perwakilan dan di sini Kota Tinggi menjadi '*kota rendah*' kerana tidak mengiktiraf, mengakui dia pergi ke lawatan sana. Macam mana boleh buat macam ini. Dwi-perkara di sini. Tuan Pengerusi saya mencadangkan supaya Yang Berhormat bagi Kota Tinggi pergi ambil kursus ekonomi.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak mengapa, tidak kena mengena itu.

Datuk Seri Panglima Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Pengerusi saya fikir...

Dr. Tan Seng Giaw: Memang ada kena mengena....

Datuk Seri Panglima Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: ...ini Kepong, nanti dulu, *point of order*, duduk ya.

Dr. Tan Seng Giaw: [*Menyampuk*]

Datuk Seri Panglima Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Sangkaan buruk awak [*Ketawa*] Yang perlu diajar, dilatih ialah Kepong, fasal dia banyak perkara tidak faham kerana fikiran dia ter'*kepung*'.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Jadi, sudah teruskan Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: Hal ini saya sedih juga sebab itu saya cadangkan supaya Yang Berhormat bagi Kota Tinggi pergi kursus, yang pertama..

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak payahlah...teruskanlah yang lain.

Dr. Tan Seng Giaw: ...untuk meningkatkan fahaman Bahasa Malaysia, pertama....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak mengapa, Kepong, kursus ini penting belaka. Semua orang kena kursus.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya pun hendak menyertai kursus juga tapi saya ajak kalau kita dua-dua sama-sama kita pergi kursus juga... [*Ketawa*]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Terus-teruskan Kepong..

Dr. Tan Seng Giaw: ...kedua-dualah Kota Tinggi dan Kepong, kita pergi kursus Bahasa Malaysia...

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa sudah hendak habis.

Dr. Tan Seng Giaw: Macam mana boleh habis pula?

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sepuluh minit sudah lebih, hendak habis..

Dr. Tan Seng Giaw: Belum mula lagi. Ada beberapa cadangan yang baik, yang membina sekali.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya kata hendak habis. Sila teruskan.

Dr. Tan Seng Giaw: Selain daripada memajukan hal-hal ekonomi Malaysia, saya juga nampak apabila Yang Berhormat Menteri pergi ke luar negara sebagai seorang wakil negara ini dia tidak ambil pusing sangat mengenai hal pelajar-pelajar di universiti-universiti luar negara. Tidak. Sebab Tuan Pengerusi sekarang lebih dua tahun krisis ekonomi maka ramailah pelajar di luar negara mengalami kesusahan kerana kadar tukaran asing, tukaran ringgit kepada wang-wang asing sudah turun dan termasuk Pound Sterling, Dolar Amerika dan dengan demikian memang ramai yang mengalami kesusahan kerana tidak cukup wang.

Saya nampak Yang Berhormat bagi Kota Tinggi masih tidak mengambil perhatian mengenai penderitaan pelajar-pelajar di luar negara. Saya berharap beliau dapat ambil perhatian ini dan seterusnya memberi bantuan dengan sedaya upaya untuk membantu ramai pelajar yang mengalami kesusahan. Saya tidak nampak, dia dalam kenyataan demi

kenyataan lebih dua tahun ini, tidak nampak sangat sebutan mengenai penderitaan yang dialami oleh penuntut-penuntut Malaysia di negara asing. Saya ingat ada lebih sepuluh ribu orang.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada lain lagi.

Dr. Tan Seng Giaw: Ada lagi masalah khusus kerana saya nampak dia apabila membuat lawatan ke luar negara, dia pergi ke kelab-kelab UMNO sahaja. Kelab-kelab UMNO di United Kingdom, di Amerika Syarikat. Macam mana boleh sebagai wakil Malaysia dia pergi ke kelab UMNO sahaja dan kelab-kelab orang Malaysia yang lain tidak pergi. Macam mana boleh buat.

Datuk Seri Panglima Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Pengerusi saya ajak Yang Berhormat bagi Kepong ikut saya jalan tetapi masuk Barisan Nasional.

Dr. Tan Seng Giaw: Macam mana boleh buat. Dia pergi ke seluruh dunia, hendak tubuhkan kelab-kelab UMNO sahaja dan kemudian di dalam perhimpunan UMNO dia ajak mereka balik ke sini tetapi orang lain kerana kita banyak etnik di negara ini dan pelajar-pelajar pun terdiri daripada banyak kaum dan dia ajak UMNO sahaja balik ke sini. Macam mana kita boleh mewujudkan toleransi di negara ini.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ini *point of order*.

Dr. Tan Seng Giaw: Macam mana *point of order*.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: *Point of order* dulu sebab bercakap 55(2) Kepong, tumpu kepada butiran-butiran iaitu tentang kedutaan besar Malaysia di Khartoum, Sudan dan Republik Yaman sahaja. Ini pergi round satu dunia, buat apa?.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Terus kepada tajuklah.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tuju kepada tajuk. Tadi baru wakil daripada DAP Yang Berhormat sendiri ...

Dr. Tan Seng Giaw: Baik kita ajak Rompin dan Kota Tinggi sama-sama dengan Kepong, kita boleh kursus Bahasa Malaysia bersama-sama.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tumpukan kepada butiran ini.

Dr. Tan Seng Giaw: Ini dia baca yang bahagian yang kedua sahaja.

Datuk Seri Panglima Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Pengerusi untuk yang berkenaan pelajar untuk maklumat saya bagikan penjelasan kepada Yang Berhormat supaya kita tidak membuang masa Dewan yang mulia ini. Kalau yang berkenaan pelajar bawa di bawah Kementerian Pendidikan dan itu boleh dibincang dengan ini. Kalau hendak berkenaan dengan Kementerian Luar Negeri, saya punya tugas ialah untuk menjawab berkenaan dengan perkara-perkara yang melibatkan perhubungan dua hala dan banyak perkara yang Kepong kata tadi semua menunjukkan Kepong tidak tahu.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, memang Kota Tinggi ini dia anggap sebagai Menteri Luar Negeri ini, dia pergi bersalam dengan orang-orang asing sahaja. Kita ...

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Terus yang lain Kepong...masa sudah habis Kepong..

Dr. Tan Seng Giaw: Saya ada banyak lagi hendak bincangkan.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa sepuluh minit sudah habis. Banyak pun tidak kira, masa sudah habis.

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak termasuk di Kedutaan Besar Malaysia Khartoum Sudan dan Sanaa.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sebab itu jangan buang masa...teruskanlah..

Tuan Mahfuz bin Haji Omar: Minta penjelasan.

Dr. Tan Seng Giaw: Apabila kita hantar duta-duta besar..

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Pokok Sena hendak minta penjelasan.

Tuan Mahfuz bin Haji Omar: Tadi Yang Berhormat bagi Kepong ada menyebut bahawa Yang Berhormat Menteri Luar Negeri kita ada bertemu dengan pelajar-pelajar daripada kelab UMNO di luar negara. Adakah itu menunjukkan salah satu penyalahgunaan kepentingan negara hanya untuk menjaga kepentingan UMNO di luar negara.

Dr. Tan Seng Giaw: Kalau itulah dia buat memang betul kerana tumpu kepada orang UMNO sahaja, dia wakil negara tetapi temu dengan sebahagian orang sahaja.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Teruskan Kepong, yang lain.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya ada point banyak. Mengenai apabila hantar duta ke ketiga-tiga kawasan yang sudah saya sebutkan tadi kita mesti memastikan kualiti dan standard duta-duta kita ini adalah tinggi dan semua wakil dari anggota-anggota kedutaan itu memang memahami masalah-masalah yang dihadapi di Sudan, di Sanaa kerana kedua-dua negara ini memang banyak masalah bukan sahaja sejarah yang lama, memang lama, Yaman itu memang beribu tahun sejarahnya. Sudan pun begitu juga kerana di Sungai Nill itu berundur dari Sudan juga.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa sudah habis Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: Tamadun itu bermula di situ empat lima ribu tahun yang dulu juga.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sudah cukup masa.

Dr. Tan Seng Giaw: Ini menunjukkan saya pun tahu sedikitlah mengenai tamadun kita dan saya berharap duta-duta kita dapat memahami masalah-masalah yang rumit ini. Sekian terima kasih.

Puan Teresa Kok Suh Sim: *[Bangun]*

Tuan Mahfuz bin Haji Omar: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Terima kasih. Pokok Sena. Yang Berhormat ini tadi sudah dijemput bercakap, jadi saya bagi Pokok Sena.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tuan Pengerusi nanti sekejap, kalau Tuan Pengerusi membenarkan Yang Berhormat bagi Kepong berucap dan dengan interpretasi yang sama jadi saya harus diberi peluang, kerana saya berdiri dulu.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tuan Pengerusi ikut mana yang dia nampak dulu. Ini mengikut peraturan. Jadi oleh kerana saya nampak Pokok Sena, jadi saya jemput Pokok Sena.

4.00 ptg.

Tuan Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih, Tuan Pengerusi, fasal Pokok Sena mungkin besar, jadi mudah nampak.

Tuan Pengerusi, saya mengambil bahagian dalam B.51 ini untuk mendapat sedikit penjelasan dari Yang Berhormat Menteri. Pertama sekali yang saya hendak sentuh di sini bahawa usaha kerajaan Malaysia untuk membuka kedutaan besar di Khartoum, Yaman dan di Sanaa ini suatu yang sangat baik. Sudah tentulah bahawa tujuannya antara lain selain daripada untuk menjalinkan hubungan dua hala, hubungan perdagangan dan sebagainya, sudah tentulah bila kita membuka kedutaan-kedutaan di dua negara ini yang termasuk dalam negara anggota OIC ialah dalam usaha untuk turut sama-sama menggembelngkan tenaga di kalangan negara umat Islam, negara anggota OIC ini untuk menghadapi sesuatu isu yang berlaku ke atas kepentingan umat Islam di seluruh dunia.

Sejak akhir-akhir ini saya lihat sikap kerajaan Malaysia khususnya tidak sangat begitu jelas tentang isu-isu yang berlaku yang menyentuh soal kepentingan umat Islam. Umpamanya saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri bahawa isu yang paling mutakhir ini yang berlaku ke atas umat Islam di Chechnya iaitu serangan yang dilakukan oleh Rusia ke atas umat Islam di Chechnya. Saya tidak nampak di manakah peranan Malaysia dalam usaha menggembelngkan anggota-anggota OIC ini....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ini keluar tak?

Tuan Mahfuz bin Haji Omar: Tidak, saya sebut tadi bahawa ada kaitan bila kita menjalinkan hubungan sudah tentulah ke arah untuk penggembelngan tenaga anggota OIC untuk menjaga kepentingan umat Islam. Jadi, di mana sikap Malaysia sekarang ini dalam menangani masalah isu dan kepentingan umat Islam di Chechnya. Jadi, saya minta penjelasan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kalau tidak ada, Menteri jawab.

Puan Teresa Kok Suh Sim: *[Bangun]*

Datuk Seri Panglima Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tadi sudah bangun, dia tidak boleh dua kali dalam satu tajuk.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tapi saya tadi belum berucap.

Datuk Seri Panglima Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Pengerusi, boleh saya jawab?

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ya, Tuan Pengerusi, saya belum berucap.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri tidak begitu faham peraturan walaupun dia salah seorang anggota untuk

Datuk Seri Panglima Syed Hamid bin Syed Jaafar Alba: Ini siapa beri peluang bercakap? *[Ketawa]*.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, duduk, duduk.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Jadi, Tuan Pengerusi, boleh saya teruskan?

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Seputeh saya beri lima minit.

4.04 ptg.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Okey, lima minit. Terima kasih, Tuan Pengerusi. Bolehlah dikatakan selama ini pendirian kerajaan terhadap Timor Timur adalah paling memalukan di masyarakat....

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Datuk Seri Panglima Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Pengerusi, Timor-Timur....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Takkanlah ulang perkara itu.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Habis?

Datuk Seri Panglima Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Pengerusi, tadi ada *point of order* bahawa Tuan Pengerusi sudah membuat keputusan yang soal Timor Timur tidak boleh dibangkitkan kerana dia tidak masuk di dalam tajuk ini....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Datuk Seri Panglima Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Jadi, tidak boleh bercakap balik. Sudah ada *ruling*.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ya, Yang Berhormat Menteri, seperti yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kepong, ini ada dua perkara yang boleh dibincangkan. Satu, adalah mengenai lawatan ketua-ketua perwakilan ke negara-negara yang ada kedutaan Malaysia.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Pengerusi, tadi keputusan sudah dibuat....

Seorang Ahli: Penjelasan, hendak penjelasan.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Jadi keputusan sudah muktamad, tidak boleh dipertikaikan lagi. Kalau dipertikaikan, semua orang mempertikaikan Tuan Pengerusi punya keputusan nanti.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, jangan masuk kepada perkara itu. Kalau hendak bercakap pun yang lain.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Okey, saya hendak sentuh dan saya hendak mencadangkan kepada Kementerian Luar Negeri terhadap Timor Timur kalau ...

Datuk Seri Panglima Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Timor Timur lagi. [Ketawa].

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Timor Timur lagi. Tidak usahlah Timor Timur, yang lainlah yang ada kaitan dengan ini.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Saya bercadang bilakah kerajaan akan menghantar perwakilan-perwakilan Ahli Parlimen ke Timor Timur..... [Ketawa]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang lain?

Datuk Seri Panglima Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Pengerusi, saya cadangkan Kepong patut beri kursus, apa tidak buat tugas itu?

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tidak perlu beri kursus.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada yang lain-lain?

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tapi Yang Berhormat Menteri yang perlu ada kursus bahasa Malaysia kerana interpretasi saya mengenai penulisan ini adalah sama dengan Ahli Yang Berhormat dari Kepong. Jadi, kalau Tuan Pengerusi.....

Datuk Seri Panglima Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Yang Berhormat bagi Kepong dia pandai putar sikit [*Ketawa*] tapi Yang Berhormat, Timor Timur tidak termasuk dalam senarai ini. Saya boleh jawab di atas isu Timor –Timur, Tuan Pengerusi, tidak ada masalah...

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila-silakan.

Datuk Seri Panglima Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tapi bila tiba masanya untuk saya jawab. Buat masa sekarang tidak kena pada masanya, itu sahaja. Bukan saya tidak hendak jawab. Bila perbahasan yang lebih luas secara dasar nanti saya jawab berkenaan Timor Timur.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang lain? Kalau tidak ada, saya suruh Menteri jawab.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tapi ini memang tidak adil, Tuan Pengerusi, kerana yang penulisan ini salah dan saya minta Yang Berhormat Menteri harus memohon maaf kepada Dewan yang mulia ini kerana penulisannya dia jawab sehingga salah tafsiran timbul.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Okey, terima kasih. Menteri jawab.

4.07 ptg.

Menteri Luar Negeri [Datuk Seri Panglima Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar]: Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih. Saya hanya ingin memberitahu kalau Yang Berhormat bagi Seputeh tengok buku yang terperinci, dia ada berkenaan dengan tajuk-tajuk dan butiran-butirannya secara terperinci dan kita akan mengetahui apakah tajuk-tajuk yang melibatkan kos tersebut. Tetapi kalau dibaca daripada summary mungkin tidak terjumpa, jadi kena baca penuh kadang-kadang untuk tahu.

Saya bagi pihak Kementerian Luar Negeri, Tuan Pengerusi, ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat....

Dr. Tan Seng Giaw: [*Bangun*]

Datuk Seri Panglima Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Nantilah, biar saya gulung, belum habis, saya baru mula bercakap, duduk-duduk dulu....

Dr. Tan Seng Giaw: Penjelasan. Macam mana.....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kepong duduk, Menteri tidak beri. Boleh Kepong minta penjelasan?

Datuk Seri Panglima Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Saya baru ayat pertama. dia sudah minta penjelasan. Penjelasan dia tidak tahu apa yang saya hendak cakap pun. Tidak boleh.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Okey, terus. Kepong, Menteri tidak beri, duduk. Sila Menteri.

Datuk Seri Panglima Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Kepong duduklah, puasa-puasa.

Tuan Pengerusi, saya bagi pihak Kementerian Luar Negeri ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu, Yang Berhormat bagi Pokok Sena, Yang Berhormat bagi Kepong yang telah mengambil bahagian di dalam membincangkan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 1999 berkenaan Kementerian Luar Negeri.

Pertamanya berkenaan dengan Sudan dan Yaman, pegangan Malaysia ialah kita tidak menganggap Sudan sebagai negara Terrorist. Malaysia membuka kedutaan di Sudan untuk merapatkan hubungan di antara kedua-dua negara Islam yang kita jalin adalah bertujuan untuk memperkukuhkan hubungan ekonomi, perdagangan serta hubungan politik dan ini mendatangkan manfaat dan faedah kepada kedua-dua negara.

Kementerian juga menganggap Yaman adalah sebagai sebuah negara yang telah membuka kedutaan di sini dan potensinya, sejarah Yaman dan Malaysia mempunyai jalinan yang amat rapat dalam...

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Rompin berdiri.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Sedikit ulasan sebelum Dato' Menteri pergi secara mendalam tentang Kedutaan Besar Malaysia di Khartoum, Sudan dan Republik Yaman. Saya minta Dato' Menteri membuat sedikit ulasan tentang mengapa kita membuka kedua-dua kedutaan besar ini, adakah ini caranya kita membela Islam, membela negara Islam, menjaga kepentingan Islam. Sebab tadi ada Yang Berhormat dari Pokok Sena dia kata apa kita buat ini tidak membela Islam. Kalau kita tidak mahu membela Islam mengapa kita tubuhkan dua kedutaan ini? Juga penglibatan kita di Bosnia itu sendiri? Adakah itu juga satu dasar negara membela Islam. Chechnya juga kita ada memberi pandangan kita. Elok sebelum Dato' pergi kepada perkara ini minta sedikit pandangan Dato' mengenai perkara ini, nanti besok surat khabar ditulis lain pula. *[Ketawa]*

Datuk Seri Panglima Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada Rompin yang telah mengatur jawapan saya. Memang saya akan menjawab sebagaimana yang dikehendaki oleh rakan dan saudara saya daripada Yang Berhormat Rompin berkenaan kita punya pegangan terhadap Islam, perhubungan kita dengan negara-negara Islam. Kita tidak perlu pembuktian kerana kita melaksanakan dan mengamalkan. *[Tepuk]* Tetapi berlainan sedikit dengan PAS, dia selalu cakap tidak serupa bikin. Kalau tengok dalam surat khabar dia teruk bukan main, dia yang memecahbelahkan masyarakat Islam di negara kita. *[Tepuk]*

Tuan Mahfuz bin Haji Omar: Tuan Pengerusi, minta penjelasan.

Datuk Seri Panglima Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Penjelasan, Pokok Sena, okeylah beri.

Tuan Mahfuz bin Haji Omar: Minta penjelasan. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya tadi tidak menafikan soal pembukaan kedutaan di Sudan dan juga di Yaman itu sebagai satu usaha ke arah hubungan baik antara negara kita dengan negara-negara umat Islam. Tetapi yang saya bangkitkan di sini ialah apakah peranan Malaysia khususnya bagi isu yang paling mutakhir dalam usaha untuk menggemblengkan tenaga negara-negara anggota OIC bagi mengatasi permasalahan yang berlaku ke atas umat Islam di Chechnya akibat daripada serangan yang begitu teruk yang dilakukan oleh Russia ataupun kerana kerajaan sememangnya tidak begitu berminat untuk menangani permasalahan negara umat Islam kerana lebih banyak berbaik dengan negara lebih besar khususnya negara Israel.

Datuk Seri Panglima Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Sudah banyak buat ucapan sebab itulah Pokok Sena kalau diberi peluang jangan kita salahgunakan peluang itu. Kalau hendak penjelasan saya bagi penjelasan, Chechnya tadi terkeluar tetapi saya akan jawab kemudian, jadi duduk duhululah. Saya akan jawab kemudian berkenaan Chechnya.

Saya berharap juga Yang Berhormat dalam surat khabar Yang Berhormat tidak sibuk hendak memutar-belitkan apa kita cakap, keluarkan apa yang kita cakap. Jadi kalau Chechnya, kalau Yang Berhormat ikut betul-betul kita adalah salah sebuah negara Islam yang menyuarakan bahawa perkara ini perlu diselesaikan mengikut saluran politik dan kita mengutuk apa juga tindakan yang boleh membawa kepada keganasan dan menganiaya masyarakat Islam di sana tetapi Yang Berhormat tidak baca, yang keluar di situ sudah hentam, pandang kepada Israel, yang Israel kita tidak buat pun, saya hendak tunjukkan ada perkara yang PAS buat saya fikir. Ini surat, dia buat surat kononnya surat daripada Barak, yang Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad tulis kepada Barak.....

Tuan Mahfuz bin Haji Omar: Point of order.

Datuk Seri Panglima Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Nanti dahulu, tidak ada point of order, point of order yang ke berapa?

Tuan Mahfuz bin Haji Omar: 36(6). Duduklah, kena ikut peraturanlah, Menteri tak ikut peraturan. 36(6) "*Seseorang Ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas sesiapa sekalipun*" Mana ada bukti mengatakan surat itu dibuat oleh PAS tetapi satu perkara yang tidak boleh dinafikan bahawa Yang Berhormat memang berjumpa dengan Menteri Luar daripada Israel.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Pokok Sena duduk, sudah beritahu, saya boleh tafsir sendiri. Ini tidak apa, ini hanya memberikan satu contoh daripada Menteri.

Tuan Mahfuz bin Haji Omar: [Menyampuk]

Datuk Seri Panglima Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Pengerusi sudah buat keputusan, saya tidak beri jalan, Tuan Pengerusi sudah buat ruling.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sekarang ini Pokok Sena sudah membangkitkan ini jadi maknanya sekarang terpulang kepada Menteri untuk membuat jawapan.

Datuk Seri Panglima Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Pokok Sena sudah bercakap saya buat jawapan. Sangkaan buruk datang dari Pokok Sena, bukan daripada saya, yang 36(6) ini kalau saya bercakap dengan PAS itu sangkaan jahat kepada parti bukan kepada awak, mengapa terasa. Mengikut peraturan ini kepada Ahli Yang Berhormat yang tertentu. Ahli PAS ini sekarang mesti di sini berkenaan Yang Berhormat, bukan berkenaan parti. Tidak faham itu tidak apalah, kita belajar dahulu.

Saya hendak beri satu contoh, kalau PAS tidak buat baguslah. Contoh surat ini dikatakan ditulis oleh Perdana Menteri Malaysia kepada Barak. Surat ini menggunakan *letterhead* Perdana Menteri sedangkan semuanya tidak betul, *letterhead* Perdana Menteri mudah sahaja, ini Jabatan Perdana Menteri, Prime Minister Department, West Blok Level 3, semua *addressnya* pun salah, selepas itu tiru Perdana Menteri punya tulisan, Bahasa Inggerisnya kelam-kabut dan perkara ini disebarkan masa pilihan raya di masjid-masjid dan di surau-surau. Siapa punya kerja itu? Sekarang boleh tidak mengaku. Saya tidak beri jalan dalam hal ini. Ini perkara yang saya katakan, misalnya saya berjumpa dengan Menteri Israel, saya hendak beritahu Yang Berhormat adakah kita nafikan, apakah hukum yang menyebabkan saya tidak boleh berjumpa dengan mana-mana menteri daripada negara Israel sekalipun, adakah tidak ada pada zaman Rasulullah, Rasulullah berjumpa dengan orang-orang Yahudi untuk mencatit kedamaian. [Tepuk]

Jangan kita sekali-kali, saya hendak beritahu kepada Yang Berhormat bahawa kita berjumpa di atas alasan untuk memberitahu, ini saya tidak sembunyi, kerajaan kita tidak sembunyi, tetapi jangan merekakan perkara yang Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad tidak buat, Perdana Menteri tidak buat. Yang saya berjumpa, saya mengaku tetapi apakah mesej dan risalah yang saya sampaikan, Malaysia tidak boleh mengiktiraf Israel, Malaysia tidak boleh adakan hubungan....

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Sekarang sudah tidak ada bunyi lagi dari pembangkang, jangan cakap kotor, main kotorlah.

Tuan Kerk Kim Hock: Siapa buat ini? [*Menunjukkan satu risalah*]

Datuk Seri Panglima Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Itu you tanya kepada Permatang Pauh, jangan tanya dengan saya. Kota Melaka jangan buat macam ini, itu salah. Saya tunjukkan satu contoh.....

Tuan Haji Husam bin Haji Musa: Tuan Pengerusi, saya pohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Luar. Tadi Yang Berhormat telah membuat satu tuduhan bahawa salinan surat Perdana Menteri kepada Barak telah dibuat oleh PAS. Bolehkah Yang Berhormat ulang tuduhan ini di luar daripada Dewan ini. Saya perhati daripada semalam cara Yang Berhormat *handle* persidangan ini ataupun berucap dalam Dewan ini macam separuh main-main. Sekian.

Datuk Seri Panglima Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Saya ucapkan terima kasih kepada orang baru Kubang Kerian kerana bermain-main dengan perkataan. Saya ingin mengatakan perkara yang saya sebutkan bukan main-main, ia adalah perkara yang serius, bukan perkara yang main-main. Mengapa hendak suruh saya cabar perkara yang Yang Berhormat bawa di dalam Dewan dan saya sebutkan di dalam Dewan kerana saya menganggap Dewan ini tempat yang mulia untuk kita berbincang bertukar pendapat dan memberi pendapat kita, yang salah kita kata salah. Kalau PAS kata dia tidak buat, okay, PAS tidak buat tetapi perkara ini disebar, diucapkan di merata-rata tempat. Ini perkara yang paling penting....

Tuan Haji Husam bin Haji Musa: [*Bangun*]

Datuk Seri Panglima Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Duduk dahululah, kalau saya beri jalan.... masa saya bercakap duduklah, kalau saya beri jalan, tadi saya beri jalan, nanti dahulu, saya kata duduk dahulu. Saya beri jalan kepada Yang Berhormat kerana saya menghormati Yang Berhormat sebagai ahli dari Kubang Kerian tetapi bila Yang Berhormat menggunakan bahasa yang menghina tidak perlu bagi saya untuk memberikan penghormatan kepada Yang Berhormat. [*Tepuk*]

Tuan Haji Husam bin Haji Musa: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Menteri tidak beri. Duduk dahululah, ikut peraturan.

Datuk Seri Panglima Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Ikut peraturan jangan kita marah kerana saya bercakap, saya 'provoke'kah, minta maaf tetapi Yang Berhormat bercakap selepas itu saya pula bercakap, itu caranya. Kita belajarlah sama-sama.

Saya tadi hendak jawab berkenaan Yaman, tetapi sekarang ini sudah kacau semua. Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang mencadangkan supaya kita menghantar pegawai-pegawai yang terlatih yang mempunyai kemampuan, keupayaan, kefasihan di dalam bahasa Arab misalnya ke negeri-negeri Arab. Salah satu tindakan yang diambil oleh Kementerian Luar ialah sekarang bila kita menghantar mana-mana pegawai untuk kita membuat keputusan....

Tuan Haji Husam bin Haji Musa: *[Bangun]*

Datuk Seri Panglima Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Nanti dahululah saya hendak habiskan ayat ini, kalau tidak tergantung, tergantung hendak bertanya macam mana, terkepong nanti.

Jadi bila kita buat keputusan untuk menghantar duta atau perwakilan, kita mengambil masa enam bulan atau setahun untuk menentukan mereka yang akan pergi ke sesebuah negara dapat diberikan latihan yang sempurna terhadap bahasa ataupun budaya negara yang mereka dihantar. Insya-Allah ini akan terus diperhebatkan bagi kepentingan menjalin perhubungan yang akrab dan mesra di antara negara kita dan negara lain.

Jadi saya berharap perkara ini yang dibawa oleh Yang Berhormat, Yang Berhormat dapat mengikuti dan kita insya-Allah akan melakukannya untuk memperbaiki perkhidmatan kita bagi kepentingan negara kita dan kita juga mengadakan kursus-kursus latihan bahasa. Kursus latihan bahasa ini kita adakan kepada pegawai-pegawai di kementerian, latihan diadakan di Institute of Diplomatic and Foreign Relations iaitu di institut ini kita mengajar bahasa supaya mereka apabila berada di sesebuah negara dapat menguasai bahasa di negara tersebut

Untuk pengetahuan Yang Berhormat bagi Kepong, kita juga memberi penekanan oleh kerana pendekatan Malaysia adalah di dalam hal ekonomi dan perdagangan. Semua kementerian termasuk Kementerian Luar di luar negara akan sentiasa memberikan tumpuan kepada persoalan ekonomi dan perdagangan selain daripada persoalan politik dan setiap pegawai kita terlatih di dalam bidang-bidang ini untuk tujuan memajukan kepentingan Malaysia.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Pokok Sena bangun.

Tuan Mahfuz bin Haji Omar: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat. Tadi Yang Berhormat Menteri telah menyebut bahawa Malaysia akan memberikan keutamaan supaya soal hubungan dagang dan sebagainya untuk mempertingkatkan ekonomi. Adakah ini termasuk bahawa hubungan dagang dengan negara Israel. Sebab, minta maaf, Yang Berhormat bagi Kuala Kangsar, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri pernah menyebut dalam Dewan yang mulia ini dalam setahun atau dua tahun yang lalu bahawa tidak ada masalah untuk pedagang-pedagang Malaysia menjalinkan hubungan dagang dengan pedagang-pedagang daripada negara Israel dan saya juga melihat bahawa ada produk-produk daripada Israel sudah pun memasuki pasaran dalam negara Malaysia. So, adakah ini menunjukkan bahawa Kerajaan Malaysia tidak ada halangan untuk menjalinkan hubungan dagang antara Malaysia dengan Israel?

Datuk Seri Panglima Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Untuk pengetahuan Yang Berhormat, kita tidak akan menjalin perhubungan perdagangan dengan Israel. Itu pegangan dan pendirian dasar kita.

Tuan Mahfuz bin Haji Omar: Saya hendak minta penjelasan.

Datuk Seri Panglima Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Itu saya sudah jawab.

Tuan Mahfuz bin Haji Omar: Sikit boleh?

Datuk Seri Panglima Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Itu saya sudah jawab, buang masa saja.

Tuan Mahfuz bin Haji Omar: Saya hendak minta penjelasan. Ekoran daripada kenyataan daripada Yang Berhormat Menteri....

Datuk Seri Panglima Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Kalau produk itu daripada negara Israel, dia meletakkan 'Made In Israel'. Kalau ia dibuat di Israel, kita tidak mempunyai perhubungan perdagangan dengan Israel. Begitu juga ada Ahli-ahli Yang Berhormat mungkin berjumpa dengan peniaga-peniaga dan usahawan-usahawan daripada Amerika, mungkin mereka daripada keturunan Yahudi tetapi Yang Berhormat rapat macam pemimpin-pemimpin kita dulu ada rapat dengan Rubin, dengan Coohen, macam itu semua. Bila dia rapat, tidak bermakna dia dah jadi orang Yahudi ...

Tuan Mahfuz bin Haji Omar: Saya tidak maksud Yang Berhormat Pengerusi, apabila orang itu bertemu maka orang itu sudah jadi Yahudi atau tidak. Saya mendapat penjelasan ialah apakah sikap (stand) kerajaan apabila kenyataan Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri yang pernah mengeluarkan kenyataan di Dewan yang mulia ini bahawa Malaysia tidak ada apa-apa halangan untuk membuka ruang supaya pedagang-pedagang Malaysia menjalinkan hubungan dagang Israel. Bukan dengan orang Yahudi tetapi Israel. Maknanya orang Yahudi itu mungkin berada di Amerika tetapi ini dengan Israel bermakna orang yang berada di Israel.

Datuk Seri Panglima Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Ya, cukup. Ahli Yang Berhormat dari Pokok Sena, saya beri pendirian dan dasar kerajaan. Kalau Yang Berhormat mempunyai pandangan yang lain, itu terpulang. Dasar dan pendirian kerajaan ialah kita tidak ada perhubungan dagang dengan Israel. Itu.....

Tuan Mahfuz bin Haji Omar: Adakah bermakna penjelasan Yang Berhormat Menteri ini bercanggah dengan...

Datuk Seri Panglima Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Cukuplah...

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Datuk Seri Panglima Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Itu penjelasan saya, tidak ada perhubungan yang

Tuan Pengerusi [Dato' Muhamad bin Abdullah]: Duduklah, kalau hendak minta....

Datuk Seri Panglima Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Saya sudah bagi itu, jadi kalau tidak setuju, itu soal lain. Itu pendirian kerajaan

Tuan Mahfuz bin Haji Omar: Itu bukan jawapan, itu alasan.

Datuk Seri Panglima Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Itu bukan alasan, itu jawapan kepada pertanyaan itu. Saya sudah bagi itu. Kadangkala kita jawab memang parti pembangkang tidak setuju. Itu biasalah kan. Jadi, berkenaan dengan kelab-kelab UMNO, saya hendak terangkan sedikit berkenaan dengan kelab UMNO. Kelab UMNO yang ditubuhkan di luar negara, ini tidak termaktub di dalam undang-undang Malaysia sebab itu dipanggil kelab dan ia terangkum di dalam hukum dan peraturan undang-undang di negara mana mereka berada dan ia tidak termasuk di dalam undang-undang kita sebab itu dipanggil sebagai kelab dan mereka hendak menubuhkan menyokong mana-mana parti politik itu terpulang kepada mereka untuk berbuat demikian. Tetapi

Tuan Haji Husam bin Haji Musa [Kubang Kerian]: *[Bangun]*

Datuk Seri Panglima Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Nanti dahulu, saya akan beri. Untuk pengetahuan Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu dan juga saya fikir Kepong ada bawa. Saya minta maaf kepada Kepong. Saya bersetuju kalau Yang Berhormat beri kita komen untuk kita jawab tetapi kalau Yang Berhormat tidak tahu, boleh tanya dan saya akan jawab. Tetapi kalau Yang Berhormat mengatakan saya tidak berjumpa dengan orang lain daripada orang UMNO, itu adalah salah sebab tiap-tiap pemergian saya ke luar negara, dua tempat yang saya pergi. Satu, saya berjumpa dengan masyarakat

Malaysia tidak kira ideologi apa, parti apa, sama ada penuntut, pedagang, usahawan tidak kira, saya berjumpa dan mengadakan dialog dengan mereka. Tidak semestinya dialog itu mereka bersetuju dengan kerajaan. Itu saya dengar sama ada mereka bersetuju atau tidak, tugas kita adalah untuk mendengar rakyat Malaysia di mana juga mereka berada. Itu saya lakukan.

Keduanya, saya bukan berjumpa semata-mata Kelab UMNO kerana Kelab UMNO mempunyai perhubungan ideologi yang sama dengan kita, kita jumpa. Tetapi saya selalu berjumpa dengan persatuan-persatuan penuntut. Banyak tempat yang saya pergi. Baru-baru ini saya pergi ke U.K. Ada ramai persatuan penuntut yang terdiri daripada penyokong-penyokong PAS. Itu adalah perkara yang kita terima. Itu hakikatnya, ada penyokong PAS di situ kerana saya berjumpa bukan dengan Kelab UMNO, saya berjumpa dengan persatuan-persatuan penuntut dan untuk makluman misalnya di Sanaa. Saya pergi ke Sanaa, saya berjumpa juga dengan penuntut dan kebanyakan penuntut yang saya berjumpa di situ adalah kebanyakan mereka sudah pun dipengaruhi oleh PAS. Saya tanya pasal apa dipengaruhi oleh PAS? Mereka kata ada banyak pemimpin daripada parti PAS pergi jumpa. Itu terpulung. Kita juga mempunyai hak sebagaimana parti lain untuk berjumpa dengan penuntut. Jadi *this is not true*, dengan izin, Tuan Pengerusi yang mengatakan saya hanya berjumpa atau kerajaan kita berjumpa dengan satu kumpulan lagi. Kita akan berjumpa dengan siapa juga yang ingin berjumpa dengan kita.

Dr. Tan Seng Giaw : Tuan Pengerusi, penjelasan. Kalau Yang Berhormat bagi Kota Tinggi pergi sebagai wakil negara, Menteri Luar untuk menjalankan tugas sebagai orang Malaysia berjumpa dengan semua pihak, itu memang satu perkara yang baik. Saya berharap beliau akan terus berbuat demikian. Walau bagaimanapun, adakah Yang Berhormat sedar bahawa kerana mungkin setakat ini pihak *Malaysian Student Department* (MST) dan juga pihak kedutaan kita atau pun Suruhanjaya Tinggi di U.K dan kedutaan di Amerika Syarikat di merata-rata tempat di dunia mungkin tidak berusaha sangat untuk merapatkan semua kaum, penuntut-penuntut semua kaum.

Ini memang saya nampak apabila kita pergi ke luar negara, kita memang nampak ada diasingkan perhubungan di antara kaum itu boleh disebutkan mesra dan sebagainya, silaturrahim memang tidak wujud. Walau bagaimanapun, bolehkah Yang Berhormat meningkatkan usaha untuk merapatkan semua kaum di luar negara terutamanya penuntut-penuntut.

Datuk Seri Panglima Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Kadangkala lawatan kita mungkin Yang Berhormat boleh ikut. Baru-baru ini kita pergi ke New York dan di mana Perdana Menteri berjumpa dengan penuntut-penuntut dan orang Malaysia yang tinggal di Amerika daripada semua kaum dan kebanyakan daripada kaum bukan Melayu. Jadi itu tidak benar jika kita mengatakan bahawa di luar negara, saya berasa bangga bila saya berjumpa dengan rakyat Malaysia di luar negara, mereka memikirkan dan berasa bangga dengan Malaysia dan saya diberi makan oleh orang-orang semua daripada kaum Cina tetapi rakyat Malaysia. Mereka berasa bangga dengan rakyat Malaysia yang duduk di sana. Ini menunjukkan bahawa kita tidak mengamalkan sikap kesukuan kerana kita mahu menentukan bahawa semua kaum di dalam negara kita akan berasa bangga menjadi rakyat Malaysia walau pun mereka sudah meninggalkan negara kita sekian lama. Itu tidak menjadi masalah, memang tugas dan tanggungjawab kerajaan.

Tuan Haji Husam bin Haji Musa: Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana memberikan laluan untuk penjelasan. Saya ada dua tiga perkara yang hendakkan penjelasan. Saya mengalu-alukan dasar positif Yang Berhormat Menteri bahawa semua pelajar kita di luar negara mempunyai kebebasan untuk mengikuti mana-mana parti politik yang mereka fikirkan baik dan sesuai. Saya ingin membangkitkan terdapat kadang-kadang di sesetengah negara, terdapat pegawai-pegawai di Kementerian Luar yang kelihatan pada pandangan student lebih partisan kepada parti

UMNO dan Barisan Nasional. Saya berharap perkara ini dapat disemak dan diselidiki dan jika Yang Berhormat mempunyai maklumat-maklumat lanjut, saya rasa kita boleh bekerjasama untuk menyampaikan maklumat itu. Saya berharap dasar ini menjadi satu dasar yang rasmi bagi Kementerian Luar dan juga semua kedutaan dan juga pegawai-pegawai di kedutaan luar di luar-luar negara.

Yang kedua, saya merujuk kepada pandangan Yang Berhormat tadi bahawa Yang Berhormat telah memberikan satu tuduhan kepada Dewan ini iaitu surat Perdana Menteri kepada Uhd Barak telah dibuat oleh PAS dan saya berharap[beberapa ahli menyampuk] ya perkara ini belum berakhir, ya dan saya berterima kasih kepada Yang Berhormat kerana sebelah jawapan ini lebih berhemah dan saya berharap bahawa dalam persidangan ini kita saling hormat-menghormati dan tidak ada satu sangkaan yang boleh menyakitkan mana-mana pihak dibuat secara sewenang-wenang. Kita ada Kementerian Dalam Negeri, ada polis dan pihak penyiasat yang boleh menjalankan siasatan secara objektif

Datuk Seri Panglima Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Saya minta maaf....

Tuan Haji Husam bin Haji Musa: Saya hendak buat penjelasan yang terakhir sekali. Adakah Yang Berhormat telah mendapatkan maklumat daripada pihak-pihak siasatan terhadap perkara ini dan sebelum Yang Berhormat mengeluarkan tuduhan seperti itu.

Datuk Seri Panglima Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Pertamanya, saya lihat Yang Berhormat dari Kubang Kerian bila bangkit bagi kali kedua lebih berhemah. Terima kasih. Dan saya fikir salah satu perkara yang perlu kita berhemah ialah bila kita menunjukkan sikap yang tidak liar, yang mempunyai ketertiban, adab dan sopan, ini tidak dilakukan semasa pembukaan Parlimen mula-mula, jadi itu pun kita hairan macam mana berlaku, tetapi hari ini alhamdulillah, kita lihat

Tuan Haji Husam bin Haji Musa: Penjelasan.

Datuk Seri Panglima Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Cukup, cukuplah. Ini saya bercakap dan tidak perlu ..

Tuan Haji Husam bin Haji Musa: Minta penjelasan kepada jawapan yang baru dikeluarkan.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Datuk Seri Panglima Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Saya tidak mahu masuk dalam perdebatan dalam hal ini, saya buat komen, Yang Berhormat tadi buat komen. Saya katakan, oleh itu kita perlu sebagaimana yang saya katakan, kita perlu hormat menghormati di antara satu sama lain dan insya-Allah, kalau ini jalinan keislaman yang kita hendak lahir dan wujudkan, masyarakat Islam akan beruntung, tetapi apabila kita mengkhianati dan cuba memfitnah atau membohongi di antara satu sama lain, ini boleh mendatangkan kemudharatan. Siapa juga yang bertanggungjawab, merekalah merasa.

Tuan Haji Husam bin Haji Musa: Penjelasan Yang Berhormat. Saya rasa, ulasan-ulasan ini adalah begitu relatif dan tidak ada kena mengena dengan apa yang kita bahaskan sekarang dan

Datuk Seri Panglima Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tidak adab berucap, Tuan Pengerusi, biarkan saya habiskan jawapan saya ya. Terima kasih.

Tuan Haji Husam bin Haji Musa: Sedikit sahaja penjelasan Yang Berhormat, saya belum memohon penjelasan. Perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat sekejap tadi adalah satu perkara yang relatif dan mengikut pemerhatian saya ...

Datuk Seri Panglima Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Itu bukan penjelasan. Yang Berhormat Kubang Kerian, saya tidak minta Yang Berhormat untuk menjelaskan, Yang Berhormat boleh minta saya menjelaskan, tetapi saya tidak payah

Tuan Haji Husam bin Haji Musa: Saya hendak minta penjelasan.

Datuk Seri Panglima Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Jadi, terima kasih banyak, saya akan menjawab. Saya ingin mengatakan bahawa adalah menjadi tanggungjawab pegawai-pegawai kerajaan yang bertugas di luar negara untuk menentukan sebagai pegawai kerajaan, mereka melaksanakan dasar-dasar kerajaan yang memerintah pada masa dan ketika itu, oleh itu di dalam melaksanakan dasar kerajaan, di dalam perhubungan luar negara, ia adalah berkenaan dengan perhubungan luar negara Malaysia dengan negara-negara lain.

Oleh itu, pegawai-pegawai kerajaan, mereka melaksanakan tugas mereka dengan penuh amanah dan tanggungjawab dan kita tidak perlu memberikan tafsiran yang boleh membawa kepada pegawai kerajaan tidak dapat melaksanakan tugas mereka dengan baik. Kalau kita hendak melihat kedua-dua belah pihak kadangkala ada membuat tuduhan, kita akan menyemak perkara itu, kadangkala dikatakan bahawa pegawai itu mirip kepada pembangkang, ada kalanya dikatakan pegawai kerajaan itu melaksanakan tugasnya mirip kepada kerajaan, seharusnya dia mirip kepada kerajaan kerana kerajaan memerintah adalah Kerajaan Barisan Nasional, itu terpaksa dia lakukan sebagai pegawai kerajaan.

Jadi, itu adalah pegangan kita, walau bagaimanapun, kita akan mendengar perkara-perkara yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Penjelasan. Boleh atau tidak Yang Berhormat menjelaskan pertanyaan saya tadi dan juga pertanyaan Yang Berhormat Kubang Kerian mengenai penglibatan secara partisan pegawai-pegawai kedutaan yang dihantar yang membantu ataupun yang terlibat secara langsung dengan UMNO dalam aktiviti-aktiviti UMNO yang menekan pelajar-pelajar yang tidak terlibat dengan UMNO. Sekian, terima kasih.

Datuk Seri Panglima Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Saya fikir kita kena melihat sama ada penglibatan pegawai-pegawai yang menekan bila mereka menyokong parti-parti pembangkang. Jadi, kedua-dua kita kena lihat, kalau ada perkara yang sedemikian, jadi jangan kita putarbelitkan perkara itu ya. Tugas yang paling penting yang perlu dilaksanakan ialah supaya mereka menjalankan tugas yang telah diberikan.

Tugas yang diberikan ialah mereka melaksanakan dasar yang ditetapkan oleh parti pemerintah. Jadi, itu sahaja, fasal saya tidak mahu menghabiskan masa lagi yang panjang, oleh kerana ada banyak lagi jawapan yang hendak disambung.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Penjelasan. Last, last.

Datuk Seri Panglima Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tak usahlah, last pun, bila bulan Februari nanti banyak masa.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Timbalan Menteri bangun.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Minta sedikit penjelasan Yang Berhormat Dato' Menteri Luar Negeri. Mengenai dengan partisan pegawai kerajaan ini, saya amati pihak pembangkang menyatakan kalau ada di antara pegawai kerajaan yang tidak memihak kepada Barisan Nasional dan pemerintah dan diambil tindakan, itu adalah satu perbuatan yang sebagai tindakan, anggapan. Tetapi baru-baru ini berlaku bila mana pegawai-pegawai kerajaan ditukar di Terengganu, bila pemerintahan Kerajaan PAS menaiki kerajaan yang ada di Terengganu dan pertukaran itu bukanlah melibatkan yang rendah sehingga pihak atasan. Dan adakah ini satu perbuatan yang agak sedikit bercanggah dengan apa yang dinyatakan oleh pihak pembangkang tadi?

Datuk Seri Panglima Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Sebab itu saya tidak hendak bercakap, fasal kadang-kadang kita, yang parti pembangkang cakap, PAS cakap, dia tidak buat apa yang dia cakap, dia lihat orang lain sahaja yang tidak betul. Jadi saya fikir dalam hal ini, sebagaimana kita katakan, dia masuk sahaja semua orang kena tukar. Tetapi itu hak dia untuk melaksanakan, sepatutnya dia tidak melaksanakan perkara yang

Dato' Haji Kamarudin bin Jaafar: Penjelasan. Yang Berhormat Menteri Luar Negeri, saya ingin memohon penjelasan daripada Yang Berhormat, saya bersetuju dan boleh menerima hakikat bahawa tugas kementerian dan juga kedutaan-kedutaan negara di luar negara ialah untuk memberi sambutan kepada Perdana Menteri dan menteri-menteri termasuk Yang Berhormat Menteri selaku menteri-menteri negara.

Penghormatan ini baik, saya juga boleh menerima sikap dan apa yang dilakukan oleh kedutaan kita di luar negara, menerima dan menyambut Dato' sebagai pemimpin parti. Yang saya hendak tanya ialah ada terdapat amalan di kalangan negara-negara demokrasi yang lain, yang mana kedutaan-kedutaan di luar negara memberikan sambutan dan penghormatan yang sama kepada semua anggota parti terutama pemimpin-pemimpin parti termasuk pemimpin-pemimpin parti pembangkang. Misalnya pemimpin parti sekarang ini konservatif di England, di United Kingdom, jika mereka melawat Kuala Lumpur, kedutaan atau suruhanjaya United Kingdom di Kuala Lumpur akan meraikan dan memberi penghormatan yang sama sebagai pemimpin parti, adakah ini amalan kita dan kalau ini amalan kita, saya ingat ini suatu perkara yang baik.

Datuk Seri Panglima Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Saya fikir kalau amalan kita ialah untuk menentukan bahawa mereka melaksanakan tugas mereka sebagaimana, kalau ada ahli parti-parti pembangkang hendak jumpa kedutaan kita, kita tidak sekat - tidak ada masalah. Pemimpin-pemimpin kerajaan yang pergi kemana-mana kedutaan pun mereka tidak disambut, kalau mereka hendak berjumpa, mereka akan berjumpa. Kalau Yang Berhormat bagi Tumpat pergi ke England ada pihak menteri yang pergi berjumpa dengan pesuruhjaya tinggi dan ada yang tidak berjumpa, kalau daripada parti pembangkang hendak berjumpa dengan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia, tidak menjadi masalah. Itu boleh kita lakukan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Rompin bangun.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tuan Pengerusi, saya ada sedikit ulasan dengan Tumpat, saya pun hendak kompelin juga, saya sebagai ahli UMNO, bila saya pergi ke kedutaan di sana tidak ada dapat layanan juga. Saya difahamkan kedutaan yang memberikan khidmatnya atau beban itu adalah kepada wakil kerajaan - menteri, timbalan menteri, bukan sebagai ahli parti. Saya minta kalau dapat Yang Berhormat Dato' Menteri buat ulasan sedikit.

Saya rasa kalau mereka itu ahli UMNO sebagai parti tidak ada satu layanan yang khusus diberi kepada kedutaan, saya sendiri sebagai ahli Parlimen pun tidak, hanya diberi penghormatan ataupun menunggu di airport, menunggu kepada menteri-menteri ataupun jawatan mereka menteri, bukan kerana mereka itu ahli parti. Saya minta sedikit penjelasan dari Yang Berhormat Dato' Menteri.

Datuk Seri Panglima Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Okay. Terima kasih Yang Berhormat Rompin. Saya tadi hendak mengatakan bahawa menteri sekali pun, kalau mereka tidak perlu kepada perkhidmatan kita semasa mereka berada di luar negeri, mereka akan melaksanakan tugas mereka berasingan. Misalnya, Yang Berhormat Menteri Kerja Raya, bila dia pergi ke London, tidak ada orang dari kedutaan yang akan pergi melawat beliau melainkan beliau memerlukan kepada perkhidmatan kita dan begitu juga kita tidak pernah sambut orang-orang berasaskan parti, kita sambut berasaskan kepada

tugas dan fungsi masing-masing di dalam kerajaan sebagai pegawai kerajaan perlu perkara itu dilaksanakan.

Jadi, itu sahaja, Tuan Pengerusi, dan saya lihat banyak perkara yang boleh kita bincangkan dan kita ada masa yang lebih panjang di dalam perbincangan di bulan Februari. Untuk ini, saya ingin mengambil kesempatan sekali lagi mengucapkan berbilang-bersang terima kasih kepada Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbincangan pada petang ini dan saya mendapati pendapat-pendapat yang diberikan di mana saya tidak dapat menjawab satu persatu telah dicatatkan dan insya-Allah, kita akan memberikan pandangan dari masa ke semasa berkenaan isu-isu yang dianggap penting bagi menjamin bahawa negara kita akan sentiasa disanjung tinggi oleh negara luar dan kita sebagai ahli-ahli Dewan Rakyat ini sama ada dalam pembangkang ataupun tidak, perlulah memberikan kerjasama dan tidak melaksanakan sesuatu yang boleh mendatangkan mudarat kepada negara. Sekian, terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM3,746,700 untuk Maksud B.51 di bawah Kementerian Luar Negeri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM3,746,700 untuk Maksud B.51 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Maksud B.52 [Jadual] –

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kepala Bekalan B.52 di bawah Kementerian Kerja Raya terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Bukit Bintang.

4.40 ptg.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya bangun untuk membahaskan Maksud B.52 – Kementerian Kerja Raya di mana sejumlah RM17,996,000 dikehendaki sebagai bantuan kewangan kepada Kerajaan Negeri Selangor bagi menangani krisis bekalan air pada tahun 1998 yang lalu.

Tuan Pengerusi, Lembah Klang, khususnya Kuala Lumpur yang melibatkan kawasan Cheras, Pandan, Keramat, Ampang dan sebagainya pernah menghadapi tempoh keputusan bekalan air selama enam bulan dalam tahun 1998 sebelum Sukan Komanwel 1998 bermula.

Tuan Pengerusi, ia mencatatkan satu sejarah pahit bagi rakyat Kuala Lumpur dan Selangor kerana berdepan dengan krisis bekalan air dalam tempoh yang begitu lama. Rakyat tidak akan melupakan kejadian ini kerana yang menghairankan mereka, mengapa kawasan lain yang bukan bersumberkan bekalan air dari Empangan Sungai Langat dan Empangan Sungai Semenyih mendapat bekalan air seperti biasa.

Tuan Pengerusi, tetapi bekalan air dari kedua-dua empangan tadi, tidak ada, kalau ada pun kerap merosot, ada ramai orang berpendapat bahawa punca keputusan bekalan air ialah sebahagian bekalan air ditarik dan disalurkan ke perkampungan sukan Bukit Jalil di mana Sukan Komanwel 1998 yang berlangsung dalam bulan Disember. Oleh kerana ini, tekanan air menjadi rendah dan ditambah pula kawasan tadahan kurang mendapat hujan.

Tuan Pengerusi, saya harap peristiwa tersebut ini menjadi pengajaran semua pihak betapa perlu sumber air dihargai. Apa yang perlu saya tekankan di sini ialah pihak kementerian hendaklah memastikan rakyat mendapat bekalan air bersih yang mencukupi terutama di Kuala Lumpur.

Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri dalam pembayaran sebanyak RM18 juta, berapakah jumlah kos untuk dibayar kepada swasta yang membekalkan tanker air untuk menghantarkan air ke tempat yang menghadapi krisis bekalan air pada tahun yang lalu.

Soalan yang kedua, saya ingin tahu adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa dalam proses menjalankan bekalan air ke tempat yang menghadapi krisis bekalan air ini, ada penyelewengan bahawa pekerja-pekerja bekalan air ini meminta wang daripada orang ramai. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Cheng]: Rompin.

4.45 ptg.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih dan kita mengucapkan syabas kepada kerajaan kerana mengeluarkan dan menyokong peruntukan RM17 juta, hampir-hampir RM18 juta untuk menyelesaikan masalah air di Selangor. Ini ada Serdang pun suruh saya bercakap bagi pihak beliau kerana menteri ada, saya ucapkan syabas kepada menteri, bila dengar sahaja air tidak ada, dikeluarkan tangki yang banyak untuk menyelesaikan masalah kekurangan air, inilah menunjukkan bahawa pertanggungjawaban kerajaan, syabas kepada menteri dan kerajaan.

Saya hendak bertanya satu perkara dalam hal ini, dalam isu RM18 juta ini, adakah digunakan untuk menambahkan bekalan air atau mengukuhkan sistem pengagihan air. Dalam air ini ada dua perkara saya rasa, satu dari segi bekalan air dalam 'dam' itu sendiri, yang kedua dari segi pengagihan air, *distribution of water*, dengan izin, ke rumah-rumah.

Saya bersyukur alhamdulillah, dibelanjakan RM18 juta untuk menyelesaikan masalah air di Selangor tetapi saya hendak bertanya sedikit, adakah RM18 juta ini untuk menambahkan bekalan air atau mengukuhkan sistem pengagihan air itu di Selangor dan di Kuala Lumpur dan saya nampak juga bahawa bukan sahaja RM18 juta, tetapi saya juga menyokong supaya kalau ada tambahan yang akan datang, kerana dalam negara yang maju ini kita tidaklah begitu diterima oleh orang ramai, kalau masih lagi kita menghadapi masalah bekalan air.

Kita juga ingin bertanya sedikit kepada Yang Berhormat Dato' Menteri tentang Puncak Niaga ini yang menswastakan ini, bagaimana prestasi mereka dari segi pertanggungjawaban mereka memastikan supaya bekalan air akan datang turut mencukupi bagi negeri Selangor dan Kuala Lumpur. Saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Bentong.

4.47 ptg.

Tuan Liow Tiong Lai [Bentong]: Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Pengerusi, kerana telah memberi peluang kepada saya untuk mendapatkan sedikit penjelasan di bawah Maksud B.52 – Kementerian Kerja Raya.

Saya mengucapkan syabas kepada Dato' Menteri kerana telah dapat mengambil tindakan cepat dalam mendahulukan wang sebanyak RM17,996,000 sebagai bantuan kewangan kepada Kerajaan Negeri Selangor bagi menangani krisis bekalan air pada tahun 1998 yang lalu.

Saya ingin mendapatkan sedikit penjelasan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Pusat dalam menangani masalah krisis air dari segi jangka pendek mahupun jangka panjang, walaupun kita tahu bahawa bidang kuasa air ini di bawah bidang kuasa kerajaan negeri dan adakah kerana di bawah bidang kuasa negeri menyebabkan satu kelemahan dari segi pengurusan air, dengan izin, *water management*.

Sudahkah kerajaan memastikan apakah punca-punca yang mengakibatkan krisis air tersebut dan apakah langkah yang telah diambil dan di mana kita dapat tahu bahawa pengurusan air di negara ini masih di tahap yang tidak begitu memuaskan.

Saya ingin mengetahui seperti

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tuan Pengerusi, saya ingin minta penjelasan dari Bentong, saya tidak sempat bertanya tadi, Kerajaan Pusat melalui Menteri Kerja Raya dan kerajaan negeri, kita selesai masalah air – tidak ada masalah. Kalau perlu belanja, kita berikan belanja tetapi di Kelantan macam mana tidak selesai-selesai lagi, ini menunjukkan bahawa pengurusan kerajaan di bawah pentadbiran Barisan Nasional dan satu masalah di bawah pentadbiran PAS apa jadi? Macam mana pandangan Bentong dalam perkara ini?

Tuan Liow Tiong Lai: Saya memang katakan kita perlukan kerjasama

Dato' Haji Fadzil bin Mohd. Noor: Biar saya jawab! *[Disampuk][Ketawa]*
Untuk menjawab pertanyaan Rompin, saya hendak beritahu, yang selesai di Kelantan ialah UMNO.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Pendang.....

Tuan Liow Tiong Lai: Oh, Yang Berhormat, saya tidak beri jalan, sila duduk.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Yang selesai di Kelantan ialah UMNO!

Beberapa Ahli: *[Boo!]*

Tuan Liow Tiong Lai: Kerajaan Negeri Kelantan tidak beri kerjasama, kemudian hendak buat tuduhan kepada Kerajaan Pusat tidak beri kerjasama? Itulah sikap pembangkang.

Saya memang bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat bagi Rompin, saya juga hendak mengetahui dari segi pengurusan air ini, dari segi pengagihan, berapa banyak air yang telah kita buang melalui dari segi pengagihan daripada pam hingga ke rumah-rumah. Saya dapati memang banyak air yang bocor dan ada pula masalah kecurian air dan sebagainya. Oleh itu, saya rasa dari segi masalah pengurusan air ini perlu dipertingkatkan.

Saya juga ingin mendapatkan sedikit maklumat tentang kedudukan keputusan membeli air dari negeri Pahang.

Saya difahamkan bahawa pada suatu ketika negeri Selangor ingin mendapatkan air dari negeri Pahang, tetapi ada juga cadangan bahawa negeri Selangor sendiri hendak buat empangan sendiri, tidak mahu beli air dari Pahang. Saya hendak cadangkan bahawa kita ada satu polisi air negara. Adalah tiba masanya semua negeri kena bekerjasama untuk menyatukan sumber-sumber kita untuk memastikan semua negeri dapat air yang cukup dan air yang bersih. Oleh itu satu jawatankuasa perlu ditubuhkan untuk meningkatkan kerjasama erat di antara negeri-negeri. Saya berharap, masalah-masalah air ini dapat ditangani dengan segera dan masalah ini tidak akan berlaku di negeri-negeri lain. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Batang Lupar. *[Disampuk]*

4.52 ptg.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Ada saya dengar kawan-kawan cakap ini soalan Selangor kenapa Batang Lupar bising, sibuk. Dulu saya kata air dari Batang Lupar boleh mengalir ke Selangor tetapi sekali ini saya bertanya Menteri, oleh kerana Menteri sendiri yang datang ke sini, saya secara seriuslah Tuan Pengerusi dan Dato' Menteri, kerajaan memberi peruntukan

untuk menangani masalah sumber air, jadi saya duduk di Kuala Lumpur enam bulan dalam masa setahun, jadi saya berhak juga hendak cakap ini.

Pada suatu hari saya masuk hotel air tiada, jadi saya minta macam mana hendak ambil wuduk. Jadi, dia hantar *mineral water* dalam botol, 8 botol macam itu, bolehlah ambil wuduk dan sembahyang. Jadi, itulah hak-hak saya bercakap jugalah soalan ini.

Jadi, kalau kita lihat negara-negara besar ataupun negeri-negeri yang besar macam New York, London dan sebagainya, tidak mempunyai sungai-sungai yang mana airnya boleh digunakan pada ketika dulu, umpamanya. Di London, Sungai Thames begitu *polluted* sekali tidak boleh di minum airnya dan sumber air adalah dicari di bawah tanah.

Jadi, persoalan saya, saya selalu tanya soalan ini, tetapi belum dapat jawapan kerana sekarang kita membuat satu *consolidation*, dengan izin, iaitu kita menyatukan sumber air di Semenanjung, di Sarawak mungkin susah sikit hendak menghantar air di Sungai Rejang dan Sarawak, di Batang Lupar, airnya begitu banyak sekali boleh digunakan tetapi malangnya tidak boleh dihantar ke Semenanjung. Kalau tidak kita akan hantarkan jugalah. Jadi, di Semenanjung ini, tetapi persoalannya *sources water* itu banyak di bawah tanah umpamanya, adakah kementerian buat satu kajian cuba cari tadahan ataupun takungan air di bawah tanah untuk masa-masa yang akan datang kerana kajian ini amatlah penting sekali.

Kalau kita mempunyai satu data di tiap-tiap negeri dan tiap-tiap kampung dan bandar, pekan dan sebagainya di mana letaknya ada sumber air di bawah tanah dan apabila penggunaan diperlukan, air ini boleh kita gunakan untuk dihantar ke rumah-rumah dan sebagainya.

Itu persoalan pertama, kajian seluruh negara, mencari sumber air di tempat yang berdekatan sekali dengan bandar dan pekan. Dibuat satu buku ataupun data kerajaan yang mana data ini akan boleh digunakan apabila kita hendak membuat infrastruktur dan menyalurkan air ini kepada rumah-rumah ataupun tempat-tempat yang tertentu. Ini dibuat di New York, London dan sebagainya. Kalau kita kaji sumber air seluruh dunia, saya baca buku yang berhubung dengan sumber air di seluruh dunia. Oleh kerana saya mendengar orang perang pun ada, oleh kerana tidak ada air, jadi ini kita kena takut berperang nanti.

Jadi, soalan yang kedua, saya pernah mengikut seorang pakar komputer, dia buat penyelidikan di Petaling Jaya. Kecerutan air di Petaling Jaya pada ketika itu ada segelintir kawasan, kecerutan air yang disalur ke rumah-rumah itu 25% hilang di saluran itu sahaja oleh kerana ada paip bocor dan sebagainya dan *monitoring*, dengan izin, di antara satu tempat ke satu tempat tidak begitu baik. Jadi maknanya banyak air yang kita ambil daripada takungan itu, kalau umpama 10 juta kita ambil, kalau 25% maknanya 2.5 juta gelen air akan hilang begitu sahaja. Jadi maknanya, walau bagaimana besar dan banyaknya sumber air kita kalau saluran ini tidak *effective*, saluran ini tidak mempunyai *monitoring* yang tertentu, saluran ini memang hilangkan air sepanjang jalan, kita akan dapati masalah air ini akan berlaku sekali lagi.

Jadi, saya cadangkan supaya kalau ada paip-paip yang lama, paip-paip yang buruk itu kita gantikanlah dengan yang baru. Mungkin dalam masa sekarang benda ini *capital out* dia besar, tetapi dalam jangka panjang, saya ingat kita *will recover in a very short time*, dengan izin, dengan keadaan kecerutan yang begitu besar sekali.

Dan satu lagi saya tahu, yang ini kita mempunyai satu cara iaitu *monitoring* sumber air ini menggunakan komputer dan kalau air itu hilang, kehilangan dan kebocoran berlaku dari satu tempat ke satu tempat, komputer itu boleh menunjukkan di mana kehilangan berlaku dan kita boleh *meratify* ataupun memperbaiki kehilangan ini dan juga kita akan menyelamatkan sumber air negara. Kerana kita bukan hendak hidup dalam masa

10 atau 50 tahun, kita hendak hidup sepanjang zaman, sampai anak cucu dan cicit kita nanti, kita masih wujud dan negara ini akan membesar dan membangun, insya- Allah.

Jadi, sumber air ini adalah bukan untuk kita sekarang tetapi untuk anak cucu-cicit kita yang akan datang, generasi-generasi yang akan datang. Jadi kalau sumber air ini tidak dipelihara dan tidak dibuat pada masa sekarang dengan sendirinya kita akan kehilangan sumber air walaupun sebesar Batang Lupar ataupun sepanjang Batang Rejang akan habis juga. Jadi saya berharaplah kementerian melihat dan macam mana mengatasi – satu, data sumber air; dan yang kedua, menurunkan nisbah pembaziran atau kekurangan ataupun keciciran air. Dengan itu saya menyokong dan terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Rantau Panjang dan selepas ini diminta Menteri menjawab.

4.58 ptg.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Harun [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Pengerusi, kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perkara B.52 iaitu satu peruntukan tambahan pendahuluan sebanyak RM17 juta yang diberikan kepada Kerajaan Negeri Selangor.

Pertamanya saya ingin mengetahui daripada Menteri Kerja Raya, apakah ini merupakan satu dasar kerajaan iaitu sentiasa memberi bantuan kepada negeri-negeri yang mempunyai kesuntukan ataupun kebuntuan dalam menangani masalah krisis air ini. Dan kalau ini merupakan satu dasar umum, saya harap kepada negeri-negeri lain seperti Kelantan juga akan menjadi satu negeri yang ada dalam fikiran Menteri berkenaan supaya mengambil kira masalah-masalah air yang berlaku di negeri itu.

Saya terima kasih kerana inilah kali pertama saya dapat mengetahui rupa-rupanya negeri-negeri lain juga menghadapi krisis air seperti mana di Kelantan. Tetapi apa yang dihebohkan melalui media massa ataupun mass media, televisyen, radio, akhbar semuanya hentam seolah-olah Kelantan sahaja yang mempunyai krisis air selama ini, termasuk Menteri sendiri yang selalu mengatakan bahawa pemimpin Kelantan ini asyik untuk berpolitik sahaja tetapi tidak memikir masalah untuk mencari penyelesaian masalah krisis di Kelantan ini. Saya harap dengan berlakunya di negeri Selangor seperti ini juga supaya Menteri berkenaan juga memikirkan ataupun memberi nasihat kepada pemimpin negeri-negeri lain khususnya Selangor supaya jangan banyak berpolitik tetapi banyak juga memikir bagaimana hendak menyelesaikan masalah air yang berlaku di negeri Selangor ini.
[Tepuk]

Tuan Pengerusi, saya rasa dukacita kerana statement yang dikeluarkan oleh Menteri berkenaan dalam akhbar semalam, di mana pinjaman yang telah diluluskan oleh Perdana Menteri kepada Kerajaan Kelantan sebanyak RM600 juta yang lampau baru-baru ini diberi nasihat supaya Kerajaan Kelantan mengajukan permohonan semula kepada Kerajaan Persekutuan untuk mendapat pinjaman tersebut.

Apa yang saya dukacita ialah bilakah sebenarnya kelulusan yang diberikan oleh Perdana Menteri itu dimansuhkan atau sengaja Menteri berkenaan cuba mengambil alih ataupun merasa lebih besar daripada Perdana Menteri dengan memotong atau dengan memansuhkan pinjaman yang telah diluluskan oleh Perdana Menteri yang lampau itu sehingga meminta supaya kerajaan Negeri Kelantan memohon semula perkara ini.

Sepatutnya, seelok-eloknya kalau kita hendak menyelesaikan masalah ini tidak perlu kita memohon semula tetapi kita menyambung kembali perundingan kita supaya pinjaman yang diluluskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dahulu dapat disalurkan secepat mungkin yang boleh. Itu sepatutnya.

Keduanya, saya hendak membangkitkan kembali peristiwa ataupun sejarah yang berlaku berkenaan dengan air di Kelantan ini. Perkara ini bukan perkara baru, malah sewaktu Kerajaan Barisan Nasional memerintah sebelum tahun 1990 telah pun diluluskan satu pinjaman lebih kurang RM17 juta kepada projek bekalan air Kelantan Utara, telah pun dipersetujui dan ditandatangani tetapi akhirnya apabila kerajaan berubah tangan kepada Kerajaan PAS, maka dimansuhkan begitu sahaja segala pinjaman yang telah diluluskan ini.....

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Rompin bangun.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Tuan Pengerusi, saya rasa kalau orang lain saya beri tetapi pasal Yang Berhormat bagi Rompin ini, saya tengok *[Disampuk]* tidak ada standard.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, dia tidak beri.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Tuan Pengerusi, saya tidak beri jalan. *[Disampuk]* Apa yang saya hendak tahu pemberian sebanyak RM17 juta.....

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Point of order, 55(2). Ini bercakap tentang Kelantan, sepatutnya bercakap tentang Selangor.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Tuan Pengerusi, pemberian sebanyak RM17 juta kepada Kerajaan Selangor itu, ini saya mengetahui

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ya, macam itu bagus.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: apakah yang digunakannya sama ada untuk mencari punca ataupun untuk merawat air atau untuk memberi satu peruntukan khusus kepada pemimpin-pemimpin Kerajaan Selangor supaya mereka itu memahami, mengerti bagaimana cara untuk mencari punca air atau bagaimana untuk menyelesaikan masalah air di negeri Selangor ini.

Saya ingin mengetahui peruntukan sebanyak RM17 juta tersebut dan saya rasa tidak terlalu janggal kalau saya mengatakan bahawasanya apa yang kita berikan sebanyak RM17 juta ini keterlaluan sedikit kerana pemberian cara mudah ini sepatutnya tidak diberikan kepada Kerajaan Selangor. Sepatutnya diberi sekadar yang secukup untuk boleh bernyawa, kemudian *[Sorak]* kemudian pemimpin-pemimpin Kerajaan Selangor boleh mencari sendiri bagaimana untuk mendapatkan kewangan itu, ataupun pemberian sedikit kemudian ditambahkan dengan pemberian berbentuk pinjaman. Itu seelok-eloknya. *[Disampuk]* Selangor kaya, Selangor ramai pemimpin yang bijak, banyak yang berkelulusan tinggi di luar negeri tetapi hendak memikirkan bagaimana untuk mendapatkan kewangan untuk mencari punca air tidak dapat.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Arau bangun.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Tidak beri jalan, tidak beri. *[Ketawa]* *[Disampuk]*

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Yang Berhormat bagi Arau, Haji. Sudah Haji belum?

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Tadi kata kalau tidak Yang Berhormat bagi Rompin, hendak beri jalan. Saya hendak minta jalanlah.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Tidak beri.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Dia tidak beri.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Permohonan wanita pun tak bagi.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Masa terlalu pendek dan sekarang ini dalam bulan puasa

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Maknanya, janji Yang Berhormat ini tidak boleh pakailah.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Permohonan wanita pun tidak diberi

Puan Fong Po Kuan: Point of order.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ya.

Puan Fong Po Kuan: Tuan Pengerusi, 41(e). Saya harap Yang Berhormat bagi Rompin jangan buat bising [*Ketawa*] ketika seseorang Ahli Parlimen itu sedang bercakap, semua Ahli Parlimen hendaklah diam dan tidak boleh mengganggu dengan cara kurang adab. [*Ketawa*] [*Tepuk*]

Seorang Ahli: Sudah lama pun tidak tahukah?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sila Yang Berhormat bagi Rantau Panjang.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Tuan Pengerusi, saya

Seorang Ahli: Yang Berhormat bagi Rompin jangan lawan Yang Berhormat bagi Batu Gajah, ya. [*Ketawa*]

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Saya berterima kasih kepada Yang Berhormat bagi Batu Gajah kerana walaupun umurnya muda 26 tahun tetapi boleh memberi kesedaran

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Gajah saya tidak mahu lawan, batu pun tidak mahu lawan. [*Ketawa*]

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:.....kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain. Lebih bijaksana, lebih bermaruah dan lebih mengerti tentang peraturan-peraturan Dewan yang mulia ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah, sambung terus. [*Ketawa*]

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Tuan Pengerusi, saya rasa terkejut dan ingin saya mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, tadi saya dengar daripada salah seorang daripada kawan kita yang mengatakan bahawa selama lebih daripada enam bulan, satu krisis air di Lembah Klang yang menyebabkan kegelisahan di kalangan rakyat di sekitar ini.

Saya rasa perkara ini perlu difikir, bukan sekadar untuk mendapat peruntukan pada hari ini sahaja tetapi perlu kita memikirkan mengikut jangka panjang, khususnya kepada pemimpin-pemimpin Kerajaan Negeri Selangor ini ataupun perlu kita memberi pandangan yang lebih jauh supaya negeri Selangor yang mempunyai penduduk yang begitu ramai, banyaknya hotel dan kilang ini tidak menjadi masalah di masa hadapan.

Di samping itu, saya mengharapkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat khususnya yang berada di negeri Selangor ini supaya memberi pandangan seperti mana Yang Berhormat bagi Batang Lepar, yang telah memberi pandangan supaya kerajaan mencari punca air

Dato' Ir. Mohd Zin bin Mohamed: Penjelasan, penjelasan. Dari Selangor hendak bercakap, boleh?

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Beri.

Dato' Ir. Mohd Zin bin Mohamed: Ya, Terima kasih, Tuan Pengerusi. Terima kasih, Yang Berhormat. Saya hendak bangkitkan perkara yang dimaklumkan sebentar tadi bahawasanya pada hari ini krisis air di Selangor sudah pun selesai, yang dibangkitkan ini ialah pembayaran yang diluluskan RM18 juta untuk menanggung kerja-kerja yang telah pun diselesaikan. Itu sahaja. Soal sama ada masalah krisis air di Selangor, selesai atau tidak selesai perkara itu sudah terjawab oleh Yang Berhormat Menteri. Saya ingat Yang Berhormat ini kurang faham tentang perkara yang dibangkitkan ini. Jadi, kalau hendak bercakap pada lain kali, semaklah fakta-fakta.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Tuan Pengerusi, sebentar tadi Yang Berhormat bagi Batang Lupa telah pun bercakap berkenaan dengan masa hadapan air Selangor dan walaupun krisis air telah selesai di Selangor seperti mana juga krisis air sudah selesai di Kelantan, maka sepatutnya hasil daripada pemberian yang akan kita luluskan pada hari ini untuk membuat ingatan supaya tidak berlaku di masa hadapan. Itu sahaja yang saya sebutkan di sini. Takut perkara ini akan berulang dan apabila berulang sekali lagi akan dibawa ke dalam Dewan yang mulia ini. Kalau betul-betul perkara ini boleh diselesaikan dan insya-Allah, kalau keyakinan pihak pemimpin yang berada di Selangor ini yakin dan bahawasanya perkara ini tidak akan berlaku lagi di negeri Selangor di masa hadapan ini.

Dr. Ramli bin Taib: Penjelasan.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:saya berterima kasihlah kalau begitu. Tetapi saya bimbang perkara ini akan berulang berkali-kali

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:dan membuang masa kita untuk berbahas di sini.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Rantau Panjang, Yang Berhormat bagi Kemaman bangun.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Sila.

Dr. Ramli bin Taib: Saya ingin minta penjelasan, oleh kerana masalah air ini berulang-ulang, bukan hari ini selesai, kemudian selesai terus tetapi apabila kemarau datang ada lagi masalahnya yang akan timbul, maka pembayaran yang sebegini rupa akan berlaku lagi.

Jadi, saya ingin minta penjelasan baru-baru ini ada pengumuman bahawa satu projek pembetungan air daripada sungai-sungai di Pahang dan Johor akan dilaksanakan dan akan dibiayai oleh pinjaman dari Kerajaan Jepun, sama ada projek ini akan diteruskan atau sama ada pinjaman dari Jepun ini sudah ditarik balik? Sekian.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya ingat masa sudah cukup.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Sudah habis, sudah cukup. Sebagai penutupnya, saya mengharapkan kepada Yang Berhormat Menteri Kerja Raya supaya peruntukan yang diberi ini diagihkan selain daripada untuk membayar segala apa yang telah digunakan. Kalau masih ada lagi peluang diagihkan untuk mencari punca air serta merawat air di negeri Selangor ini supaya ianya berkesan dan tidak berulang di masa hadapan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, sila jawab.

Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]: *[Bangun]*

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tuan Pengerusi, memberi peluang kepada semua Ahli Parlimen yang bukan dari negeri Selangor, yang mana isu

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Saya sudah buat keputusan,

Puan Teresa Kok Suh Sim:yang kita bincangkan hari ini ialah bekalan air di negeri Selangor.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:sebab kita ada dua bil akan dibahas.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ya, tetapi kawasan saya masih menghadapi masalah air.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh bangkitkan semasa Dewan yang akan datang.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Dengan singkat sahaja tetapi perlu dibenarkan saya untuk berucap.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Saya sudah buat keputusan. *[Disampuk]*

Puan Teresa Kok Suh Sim:kerana ini mengenai krisis air di Selangor.

Tuan Kerk Kim Hock: *[Bangun]*

Dato' Zulhasnan bin Rafique: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Saya sudah buat keputusan.

Tuan Kerk Kim Hock: *[Menyampuk]*

Dato' Seri S. Samy Vellu: Bukan saya punya kuasa, dia punya kuasa. *[Disampuk]* Bukan kuasa saya, *[Ketawa]* kuasa Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Seputeh sila duduk.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Jadi, ini harus dibincangkan kerana kawasan saya menghadapi

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, sila jawab.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih, Tuan Pengerusi. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, sila jawab.

Dato' Zulhasnan bin Rafique: Tuan Pengerusi, kalau macam itu saya pun hendak cakap.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tuan Pengerusi, yang ini tidak adil. Okay, di kawasan saya di Happy Garden

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Saya sudah buat keputusan.

Dato' Zulhasnan bin Rafique: Tuan Pengerusi, saya pun hendak cakap sebab kawasan Wangsa Maju terlibat dengan krisis air ini. Saya pun hendak cakap.

Puan Teresa Kok Suh Sim:ialah ini pasal hal Selangor. Ini krisis air di Selangor.....

Dato' Zulhasnan bin Rafique: Saya pun dari Wilayah Persekutuan, Wangsa Maju pun hendak cakap.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ada orang hendak jawab, lagi hendak bahas. Jadi, saya sudah buat keputusan Yang Berhormat boleh bangkitkan perkara ini pada masa yang akan datang.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Bila tu? Sekarang tidak ada air. *[Ketawa]*

Tuan Kerk Kim Hock: Lepas ini boleh jumpa

Dato' Zulhasnan bin Rafique: Sekarang masalah air semua sudah selesai. Saya pun hendak cakap.

Tuan Kerk Kim Hock: Pagi ini, Tuan Pengerusi pun beri peluang kepada

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ya, beri Yang Berhormat bagi Rompin, Johor, Kelantan.....*[Disampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Dua minit.

Tuan Kerk Kim Hock: orang baru.

Dato' Zulhasnan bin Rafique: Tidak apa, saya pun orang baru. Ini Wangsa Maju pun terlibat dengan krisis air. *[Disampuk]*

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Pengerusi,

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Dua minit, Yang Berhormat bagi Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Okay, dua minit.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Pengerusi, sudah buat keputusan

Puan Teresa Kok Suh Sim: Hei, ini

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: kalau keputusan tiap-tiap kali buat macam ini, macam mana?

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ini bukan pasal Yang Berhormat. *[Disampuk]*

Seorang Ahli: Tuan Pengerusi sudah buat keputusan, duduk.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Keputusan sudah dibuat.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Dua minit sahaja. Dua minit.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Dua minit. *[Disampuk]* Saya hanya menyampaikan kepada Yang Berhormat Menteri Kerja Raya bahawa walaupun RM18 juta telah diberikan kepada Jabatan Bekalan Air di negeri Selangor tetapi sehingga hari ini di kebanyakan kawasan di negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan masih menghadapi krisis bekalan air.

Saya berikan contoh, dalam satu minggu yang lepas ini, di kawasan Ampang; Taman Kosas, Kondominium De Cosa dan di kawasan Seputeh; Happy Garden, Continental Park, Salak South Garden dan United Garden yang masih tidak ada air dan di Kelang pula; Jalan Bukit Mertajam dekat dengan Jalan Kapar itu mereka telah menghadapi krisis air selama 15 tahun. Jadi, saya hendak tanya kenapa sudah begitu banyak wang diberi kepada Kerajaan Negeri Selangor untuk mengatasi kekurangan air tetapi sampai sekarang kita masih menghadapi masalah-masalah ini. Jadi, apakah perancangan Kementerian Kerja

Raya untuk mengatasi masalah kekurangan air di kawasan Klang Valley di Wilayah dan juga di Selangor.

Saya juga ingin bertanya sama ada sebab utama krisis kekurangan air ini adalah disebabkan oleh penebangan pokok-pokok di kawasan simpanan air khususnya di negeri Selangor. Jadi, apakah rancangan jangka panjang Kementerian Kerja Raya untuk mengatasi krisis air di kawasan ini dan adakah Kementerian Kerja Raya mengadakan perancangan untuk menukar semua paip saluran air bawah tanah yang mana telah berpuluh-puluh tahun belum ditukar. Jadi, adakah kementerian mempunyai peruntukan dan rancangan untuk ini.

Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Okay, Yang Berhormat Menteri.

Datuk Zulhasnan bin Rafique: Tuan Pengerusi, tadi sudah beri tiga minit tadi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tadi sudah dua minit...

Datuk Zulhasnan bin Rafique: Kita pun hendak bercakap, Wangsa Maju terlibat.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ini keputusan terakhir, muktamad.

Datuk Zulhasnan bin Rafique: Ha?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, sila jawab.

Datuk Zulhasnan bin Rafique: Tuan Pengerusi....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri.

Datuk Zulhasnan bin Rafique: Oh, ini tidak adil ini, Tuan Pengerusi.

5.13 ptg.

Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]: Tuan Pengerusi, saya ucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan berkenaan dengan B.52 Kementerian Kerja Raya khasnya berkenaan dengan tambahan sebanyak RM17,996,000 adalah dikehendaki sebagai bantuan kewangan kepada Kerajaan Negeri Selangor bagi menangani krisis bekalan air bagi tahun 1998 yang lalu. Krisis ini telah bermula pada 27 Mac hingga 17 September 1998. Banyak Ahli Yang Berhormat telah mengambil bahagian dalam perbincangan atau perbincangan ini. Saya duduk sahaja. Walaupun ada mereka yang terkeluar daripada tajuk, saya sabar, beri dia bercakap. *[Ketawa]* Lebih dia bercakap lebih hasil kepada saya oleh kerana saya tahu lebih ramai Ahli-ahli mengeluarkan pandangan di mana ada apa-apa masalah di mana-mana kawasan, tujuan dan tugas saya ialah mengambil tindakan untuk mengatasi masalah itu. *[Tepuk]* Itu sahaja.

Jadi, Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Bukit Bintang telah membangkitkan masalah-masalah berkenaan dengan musim kemarau dan berapakah peruntukan telah dibelanja untuk mengatasi masalah ini. Suka saya menjelaskan jumlah perbelanjaan ialah RM56,161,371, daripada jumlah itu sewa lori sahaja RM25,301,526 *[Mengulang beberapa kali kerana tersilap membaca jumlah angka]* *[Ketawa]* Banyak besarlah ini! *[Ketawa]*. Bekalan-bekalan daripada source yang lain RM8,050,000 dan elaun lebih masa untuk pekerja-pekerja oleh kerana mereka bekerja 24 jam – kadangkala hingga 8 jam, 10 atau 16 jam. RM3,631,080. Jadi, daripada itu Kerajaan Pusat iaitu Menteri Kewangan pada masa itu telah bersetuju untuk membayar RM28,070,686, walaupun kita sudah selesai, bakinya iaitu sebagai tambahan menjadi RM17,996,000. Jadi, jawapan kepada Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Bintang, kita telah mengambil beberapa tindakan yang kita boleh untuk mengatasi masalah. Saya sendiri telah mendapat beberapa panggilan pada waktu malam, saya pun tidak pernah tidur, *[Ketawa]* oleh kerana nombor telefon saya lebih

dikenali dalam negara ini, waktu malam sesiapa pun boleh telefon ke rumah saya, rumah saya bukan tutup, Yang Berhormat Lim Hock Seng pun ada telefon beberapa kali.
[Ketawa]

Jadi, saya telah mengambil beberapa tindakan untuk mengatasi. Saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat apabila ada masalah seperti ini, kementerian saya boleh juga mengambil tindakan dan masalah air itu bukanlah satu masalah yang dapat diselesaikan dalam satu tempoh masa yang singkat. Ada juga beberapa rancangan dan peraturan. Walau bagaimanapun, kementerian saya telah mengambil satu tindakan segera iaitu untuk membina satu loji baru di Wangsa Maju berharga RM130 juta telah dibayar oleh Kerajaan Persekutuan – terus, bukan pinjaman. Selepas itu dalam kajian kita mendapat tahu ada juga kekurangan air. Satu lagi loji kecil telah dibina dan air yang didapati daripada Sungai Gombak berharga lebih kurang RM22 juta. Semua projek ini telah dijalankan dengan segera oleh beberapa syarikat untuk mengatasi masalah.

Jadi, suka juga saya menjelaskan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa tindakan-tindakan yang telah diambil oleh kerajaan itu adalah tindakan sementara pada masa itu tetapi ada juga tindakan jangka panjang iaitu kita sudah berbincang dengan Kerajaan Negeri Pahang dan Kerajaan Pusat akan menjalankan satu kontrak untuk mendapat air dari Negeri Pahang. Air daripada Sungai Telimong akan disambung dengan Sungai Gombak berharga, saya percaya RM1.7 bilion di mana satu terowong lebih daripada 37 kilometer akan dibina.

Jadi, dengan itu saya percaya kita akan menyelesaikan semua masalah air yang kita ada sekarang sampai ke-10 atau 20 tahun akan datang. Tetapi ada juga projek-projek yang lain sedang kita kaji untuk mengadakan satu lagi projek di Hulu Selangor

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Rompin bangun.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya mengucapkan syabas kepada Dato' Menteri kerana menambahkan bekalan air untuk Selangor dan Wilayah. Saya hendak bertanya sedikit dengan Yang Berhormat, ini pengagihan air ini, kita ada satu jabatan di bawah Selangor tetapi mengagihkan air juga di Wilayah Persekutuan. Apakah perancangan kerajaan untuk masa hadapan – selain daripada yang baik tadi, syabas, RM1.7 bilion, banyak lagi wang kita peruntukan untuk menambahkan bekalan air tetapi bagaimana sistem pengagihan itu. Sekarang kita ada satu jabatan di Negeri Selangor tetapi juga menjaga pengagihan air di Wilayah Persekutuan. Kadang-kadang ini menimbulkan masalah sebab saya pun tinggal di Wilayah Persekutuan – saya tinggal di Wangsa Maju – Yang Berhormat bagi Wangsa Maju selepas ini mungkin akan bertanya kepada Dato' Menteri. Bagaimana sistem pengagihan ini, banyak keluhan. Kita pun rugi juga ya Dato' Menteri, bila kebocoran daripada sistem pengagihan ini kerugian kepada kerajaan juga. Bagaiaman dari sistem pengagihan. Kita ucap syabas kepada Menteri tadi kerana memberi jaminan untuk menyelesaikan masalah dari segi bekalan tetapi bagaimana dari segi sistem pengagihan. Minta sedikit penjelasan daripada Dato' Menteri.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Pengerusi, pengagihan air di negeri Selangor dan juga di Wilayah Persekutuan ialah tugas Jabatan Bekalan Air Selangor di mana satu undang-undang dan juga satu peraturan telah diselesaikan di antara Kerajaan Pusat Wilayah Persekutuan dengan Kerajaan Selangor untuk mendapat bekalan, pengagihan – semuanya akan dijagai oleh Jabatan Bekalan Air Negeri Selangor.

Jadi, Tuan Pengerusi, saya percaya apabila kita selesai pembinaan empangan di Kuala Kubu, kita boleh juga mendapat tambahan air lebih kurang 1 bilion liter daripada projek itu. Jadi, kami ada juga beberapa banyak projek, kita lebih proaktif sekarang oleh kerana kita tidak boleh mengatasi masalah, jikalau ada juga sekali lagi krisis seperti ini.

Jadi, Tuan Pengerusi, perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi, saya sudah pun memberi beberapa penjelasan secara umum. Jadi, saya harap satu lagi sahaja perkara yang saya suka menjawab kepada Ahli Yang Berhormat ...

Tuan Kerk Kim Hock: *[Bangun]*

Dato' Seri S. Samy Vellu: Saya jawab dulu, nanti saya beri peluang. Yang Berhormat dari Rantau Panjang, Kementerian Kerja Raya tidak berfungsi atas politik, tidak kira rakyat dari Kelantankah, rakyat dari Selangor mesti diberi peluang. Jikalau masalah yang ditimbulkan kepada kementerian saya, tindakan serta merta akan diambil.

Semalam Yang Berhormat Ketua Pembangkang kata, ada juga tiga perkara penting tidak boleh dimonopolikan. Jadi, air tidak boleh menjadi harta kepada sesiapa. Ini daripada Tuhan.

Tuan Mahfuz bin Haji Omar: Lebih pandai daripada Rompin.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Insya-Allah saya harap kita akan dapat lebih hujan di masa akan datang.

Tuan Mahfuz bin Haji Omar: Nampaknya Yang Berhormat lebih cerdik daripada Rompin.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Terima kasih. Jadi, kami telah menerima apa-apa masalah daripada negeri Kelantan dengan serta merta. Dari kuasa saya, saya akan ambil tindakan. Pinjaman telah dimohon oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Negeri Kelantan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah membangkitkan isu itu dalam Jemaah Menteri, Jemaah Menteri hantar perkara itu kepada Unit Perancangan Ekonomi untuk mengkaji.

Saya harap jugalah kita dapat satu keputusan. Jadi, ini sahajalah penjelasan daripada saya tetapi Yang Berhormat dari Kota Melaka.....

Tuan Kerk Kim Hock: Terima kasih. Syabas kepada Yang Amat Berhormat Menteri kerana mengamalkan sikap yang baik. Soalan saya ringkas sahaja. Sebenarnya beberapa tahun dahulu satu krisis air yang teruk pernah berlaku di Melaka. Saya hendak tanya apakah sebabnya Kerajaan Barisan Nasional tidak ambil iktibar daripada apa yang telah berlaku di Melaka dan sebagai seorang jurutera yang pernah berkhidmat dengan kerajaan, saya tahu dan saya ada keyakinan terhadap keupayaan jurutera-jurutera kerajaan dan saya tahu juga kadang-kadang apa yang dicadangkan oleh jurutera-jurutera itu dilambat-lambatkan oleh kerana polisi kerajaan.

Jadi, bolehkah Yang Amat Berhormat Menteri menjelaskan, apakah punca sebenarnya yang menyebabkan krisis berlaku di Selangor?

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Pengerusi, bekalan air menjadi hak kerajaan negeri-negeri. Perancangan, pembekalan, pembinaan empangan dan juga pengagihan air, semuanya menjadi hak mengikut Perlembagaan kita. Jadi, apabila kita memberi nasihat kepada kerajaan-kerajaan negeri, macam manakah mereka menjaga kepentingan mereka untuk masa hadapan, kadang kalanya kita mendapat jawapan yang lain.

Jadi, saya minta Yang Berhormat, perkara ini sudah pun timbul kepada negeri Melaka. Kerajaan Negeri Melaka telah mengambil beberapa tindakan. Saya telah melawat dua atau tiga kali ke negeri Melaka untuk mengatasi atas permintaan Yang Berhormat dari Kota Melaka dahulu. Saya tidak kira dia dari DAP atau dari mana. Kalau dia bangkit perkara berkenaan dengan manusia, kerajaan ini mesti mengambil tindakan.

Jadi, Tuan Pengerusi, itu sahajalah penjelasan-penjelasan daripada saya. Yang Berhormat bagi Seputeh telah membangkitkan beberapa perkara tadi. Berkenaan dengan

masalah krisis, tidak ada krisis, masalah air ada di beberapa tempat, krisis bererti keseluruhan tetapi masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi, berkenaan dengan kondominium. Banyak di antara kondominium ini lebih tinggi, lebih dari 200- 250 kaki. Jadi, Jabatan Bekalan Air meminta mereka untuk mengadakan *booster pump* di bawah dan juga di atas. Kalau pam itu tidak bekerja, jadi itu bukanlah masalah kita, masalah kita ialah membekalkan air kepada tangki yang sedia ada, selepas itu ialah masalah tuan punya rumah atau tuan punya kondominium itu.

Perkara-perkara berkenaan dengan masalah air di Kapar, jikalau Yang Berhormat beri saya butir, saya boleh siasat, boleh juga mengambil tindakan. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Penjelasan. Macam mana kawasan Seputeh, sebuah tempat taman kediaman masih menghadapi ketiadaan air pada waktu siang, air hanya datang selepas pukul 12.00 malam. Jadi, apakah penjelasan?

Dato' Seri S. Samy Vellu: Jikalau seperti apa yang saya minta Yang Berhormat tadi, berilah alamat di tempat mana, saya bolehlah menghantar pegawai-pegawai saya untuk menyiasat dan tidak payah jawab di sini, saya boleh terus beri Yang Berhormat, okay. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM17,996,000 untuk Maksud B.52 di bawah Kementerian Kerja Raya jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM17,996,000 untuk Maksud B.52 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Fasal 1 hingga 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Bacaan Kali Yang Ketiga

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd Salleh: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1999) (No.2) 1999 telah ditimbang dalam Jawatankuasa dan telah disetujui tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Peter Chin Fah Kui]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd Salleh: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG CUKAI PENDAPATAN
(PINDAAN) (NO.2) 1999**

5.29 ptg.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd Salleh: Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan suatu rang undang-undang yang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967.

Rang Undang-undang Cukai Pendapatan (Pindaan) (No.2) 1999 ini adalah bertujuan untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967 selepas ini disebut Akta 53 bagi membolehkan pelaksanaan keputusan Belanjawan 1999 mengenai perubahan sistem taksiran cukai pendapatan daripada Sistem Taksiran Rasmi (STR) kepada Sistem Taksiran Sendiri (STS).

STS adalah sistem percukaian berdasarkan konsep, dengan izin, *pay, self-assess and file*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya ingat masa sudah cukup, boleh kita sambung hari esok. Ahli-ahli Yang Berhormat mesyuarat ditangguhkan sekarang sehingga jam 10.00 pagi esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.